

A decorative graphic in the top-left corner consisting of several overlapping, rounded rectangular shapes in a light blue color.

# SIARAN AKHBAR

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**2022**

A decorative graphic on the right side of the page, featuring a vertical blue line and several overlapping, rounded rectangular shapes in light blue and red at the bottom.

## ISI KANDUNGAN :

<b>BIL</b>	<b>TARIKH</b>	<b>TAJUK</b>
<b>JANUARI</b>		
1.	3 Januari 2022	Ops Murni Negeri Johor Dan Perkembangan Terkini Ops Murni Di Seluruh Negara
2.	6 Januari 2022	Ops Murni Negeri Terengganu Dan Perkembangan Terkini Ops Murni Di Seluruh Negara
3.	12 Januari 2022	Majlis Pelancaran Kerjaya Ekonomi GIG Untuk Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM)
4.	13 Januari 2022	Lawatan Menyaksikan 4 Buah Littoral Mission Ship TLDM Dan Ops Murni Negeri Sabah
5.	14 Januari 2022	ESSCOM Terus Berkeupayaan Pelihara Keselamatan Sabah Dan ATM Akan Terus Perkasa Keselamatan Sabah
<b>FEBRUARI</b>		
6.	8 Februari 2022	Fasa 'Peralihan Ke Endemik', Pelaksanaan Sop Baharu Bagi Umrah Dan Pemansuhan Pemeriksaan Suhu Badan Dan Buku Rekod Check In
7.	9 Februari 2022	Kemasukan Pelajar Ke IPT Kementerian Pengajian Tinggi Secara Berperingkat Dan SOP Sambutan Perayaan Maasi Magam Dan Perarakan Chingay
8.	10 Februari 2022	Menyaksikan 4 Buah Helikopter Leonardo AW 139 TUDM, Keperluan Aset ATM Lain Yang Turut Menggunapakai Kaedah Gocom Dan Naik Taraf Rumah Keluarga Malaysia Angkatan Tentera (RKMAT) PU Butterworth
9.	11 Februari 2022	Malaysia Di Kedudukan Ke-13 Indeks Pemulihan Covid-19 Nikkei, Kerajaan Terus Pantau Rapat Perkembangan Varian Omicron, SOP Sambutan Thaipusam Dan Tahun Baharu Cina Dan Status Semasa Pelaksanaan Vaccinated Travel Lane

## **MAC**

10. 1 Mac 2022 Pembukaan Sempadan Negara, Perkembangan Gelombang Omicron Dan Perkembangan Fasa 'Peralihan Ke Endemik'
11. 9 Mac 2022 1 SOP Dan 9 Garis Panduan Di Fasa 'Peralihan Ke Endemik'
12. 27 Mac 2022 Much Anticipated Return Of DSA 2022 & NATSEC Asia 2022
13. 30 Mac 2022 MOU And Contracts Worth RM4.6 Billion For The Ministry Of Defence Signed At DSA & NATSEC Asia 2022
14. 31 Mac 2022 DSA & NATSEC Asia 2022 Is A Resounding Success Signalling Malaysia Is Open For Business

## **APRIL**

15. 6 April 2022 Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Merangkumi Pegawai, Anggota Dan Veteran ATM
16. 14 April 2022 Memperkukuh Agenda Kebajikan Dan Pencapaian Suku Pertama Tahun 2022
17. 20 April 2022 Status Terkini LCS: Kabinet Sebulat Suara Lulus Projek Perolehan LCS Diteruskan
18. 27 April 2022 Malaysia Dan Republik Korea Tandatangan Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama Bidang Pertahanan

## **MEI**

19. 16 Mei 2022 Majlis Hari Raya Aidilfitri Angkatan Tentera Malaysia 2022 Bersama Menteri Kanan Pertahanan
20. 18 Mei 2022 Mesyuarat Menteri Kuartet Covid-19 Capai Matlamat Buka Semula Negara Secara Selamat Dan Berperingkat
21. 20 Mei 2022 Blueprint Perumahan 3.0 Dan Residensi Sateria

22. 22 Mei 2022 Ekksesais Taming Sari Siri 21 Tahun 2022 Dan MINDEF Terus Tumpu Agenda Diplomasi Pertahanan
23. 26 Mei 2022 Meeting With HE General Prawit Wongsuwon, Deputy Prime Minister For The Kingdom Of Thailand

### **JUN**

24. 8 Jun 2022 Pameran Aeroangkasa Dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2023 Sah Dianjurkan Pada 23 Hingga 27 Mei 2023
25. 10 Jun 2022 Istiadat Mengarak Panji-Panji Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Tahun 2022
26. 10 Jun 2022 The International Institute For Strategic Studies Shangri-La Dialogue 2022: 19th Regional Security Summit, Singapura, 10-12 Jun 2022
27. 10 Jun 2022 The International Institute For Strategic Studies Shangri-La Dialogue 2022: 19th Regional Security Summit, Singapore, 10-12 June 2022
28. 12 Jun 2022 Lawatan Kerja Di Singapura Mengukuhkan Lagi Hubungan Pertahanan Dengan Singapura Dan Negara-Negara Sekutu
29. 17 Jun 2022 Official Visit To The Kingdom Of Saudi Arabia
30. 21 Jun 2022 Latihan Kuasa Tembakan (LKT) Tahun 2022
31. 22 Jun 2022 Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan Asean (ADMM) Ke-16 22 Jun 2022

### **JULAI**

32. 1 Julai 2022 Usaha Tentera Laut Diraja Malaysia Pertahan Keselamatan Sabah Diperkukuh Menerusi Perolehan Tiga Helikopter Baharu

33. 4 Julai 2022 Lawatan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ke Kementerian Pertahanan
34. 5 Julai 2022 Majlis Pelepasan Jemaah Haji Angkatan Tentera Malaysia Tahun 2022 Masihi/1443 Hijrah
35. 31 Julai 2022 Istiadat Perbarisan Hari Pahlawan Tahun 2022

### **OGOS**

36. 4 Ogos 2022 Respon Terhadap Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Berhubung Perolehan Littoral Combat Ship (LCS)
37. 5 Ogos 2022 Poliklinik Kesihatan ATM Kem Penrissen Dirasmikan Dan ATM Perkukuh Kesiapsiagaan Di Sarawak
38. 6 Ogos 2022 Kerjasama Antara Kerajaan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri Sarawak Dalam Konteks Pertahanan Diperkukuh
39. 9 Ogos 2022 Kerjasama Pertahanan Malaysia-Indonesia Terus Diperkukuh
40. 10 Ogos 2022 MINDEF Sokong Penuh Pengumuman YAB Perdana Menteri Berhubung Isu LCS
41. 29 Ogos 2022 Working Visit To Defense & Security 2022

### **SEPTEMBER**

42. 14 September 2022 MINDEF Salur Peruntukan Bagi Tujuan Senggaraan Segera Sekolah Dalam Kem ATM Di Seluruh Negara Serta RKMAT DTHO Dan Jalan U-Thant
43. 20 September 2022 Malaysia-UAE Komited Memastikan Hubungan Pertahanan Terus Dipertingkatkan Ke Tahap Lebih Membanggakan

- 44. 21 September 2022 Usahasama Memperkasa Industri Pertahanan Menjadi Tekad Bersama Malaysia-UAE
- 45. 27 September 2022 Inisiatif Kesihatan ATM Terus Diperkasa
- 46. 28 September 2022 Inisiatif Pendidikan ATM Terus Ditambah Baik
- 47. 29 September 2022 Mesyuarat Majlis Veteran Kebangsaan Tumpu Usaha Tambah Baik Perihal Kepentingan Veteran ATM

### **OKTOBER**

- 48. 2 Oktober 2022 Perkembangan Terkini Fasa Mobilisasi Projek Littoral Combat Ship
- 49. 5 Oktober 2022 Keupayaan Bahagian Operasi Pasukan Khas Pertahanan (BOPKP) Dipertingkatkan
- 50. 9 Oktober 2022 MINDEF Akan Manfaatkan Peruntukan Bajet 2023 Bagi Perkukuh Keselamatan Negara Dan Tambahbaik Aspek Kebajikan
- 51. 18 Oktober 2022 Kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia Mendepani Bencana Banjir Berada Pada Tahap Tertinggi
- 52. 21 Oktober 2022 Naval Group Komited Pastikan Projek Littoral Combat Ship Siap Dan Setuju Runding Semula Semula Harga
- 53. 22 Oktober 2022 Usaha Peningkat Keselamatan Sabah Terus Menjadi Fokus Utama Kerajaan Persekutuan Dan Negeri
- 54. 25 Oktober 2022 Tabung Amanah Perwira Dan Pertahanan Negara (TAPPN)
- 55. 27 Oktober 2022 Penglibatan ATM Dalam Misi Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Di Lubnan Terus Diiktiraf

## **NOVEMBER**

56. 3 November 2022 MINDEF Terus Tumpu Usaha Meringankan Beban Kos Sara Hidup Warga Pertahanan

## **DISEMBER**

57. 2 Disember 2022 Menerajui Pertahanan Negara: Tanggungjawab Dan Ibadah Demi Ibu Pertiwi
58. 10 Disember 2022 Majlis Graduasi Maktab Ketahanan Nasional (MKN), Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) Dan Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) Tahun 2022
59. 15 Disember 2022 Maklum Balas Mengenai Laporan Akhbar Dalam Talian Sinar Harian 14 Disember 2022 Bertajuk “20 Kenderaan Perisai Tempur (APC) Yang Sepatutnya Beroperasi Pada 2023 Didakwa Akan Lewat Tiba Iaitu Bermula 2026 Hingga 2028”
60. 23 Disember 2022 Tinjauan Kerja Menteri Pertahanan Ke Pusat Pemindahan Sementara Di SK Banggol Peradong Kuala Terengganu



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **A. OPS MURNI NEGERI JOHOR**

1. Mengambil kira beberapa daerah di negeri Johor termasuk Tangkak, Segamat, Kota Tinggi, Johor Bahru, Kluang dan Mersing mula dilanda banjir, sebahagian daripada 1 batalion anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang diletakkan dalam keadaan siapsiaga di setiap negeri termasuk di Johor ini telah mula diaturgerak ke daerah-daerah berkenaan bagi membantu petugas Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Pasukan Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia dan setiap agensi berkaitan menerusi Operasi Murni (OPS MURNI).
2. Keutamaan di pihak ATM adalah memindahkan mangsa-mangsa banjir ke kawasan selamat khususnya Pusat Pemindahan Sementara (PPS); mempercepatkan penghantaran makanan dan barang keperluan ke PPS dan kawasan-kawasan yang terputus hubungan jalan darat serta kawasan pedalaman dan membantu proses penyediaan makanan di PPS yang dibuka setakat ini.
3. **Setakat 12 tengah hari ini, di Negeri Johor sahaja, di bawah OPS MURNI:**
  - i. **Seramai 12 pegawai dan 184 anggota Lain-Lain Pangkat telah berada di lapangan dan melakukan tugas operasi.**
  - ii. **Sebanyak 31 aset telah diaturgerak ke kawasan-kawasan terlibat termasuklah 7 unit bot, 7 unit enjin bot, 1 unit trak 7 tan, 14 unit trak 3 tan dan 2 unit trak 1 tan.**
4. Bagi memastikan OPS MURNI Johor berjalan lancar, setakat ini ATM mengatugergerak anggota dan aset dari Batalion ke-5 Rejimen Askar Melayu Diraja; Rejimen Ke-33 Rejimen Artileri Diraja; Rejimen Ke-2 Rejimen Artileri Diraja; Rejimen Ke-4 Rejimen Artileri Diraja; Batalion Ke-6 Rejimen Renjer Diraja; Rejimen 501 Askar Wataniah; serta Skwadron Ke-8 Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD)
5. ATM sentiasa berkomunikasi dengan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran serta Jabatan Meteorologi Malaysia bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai paras semasa air sungai di seluruh negeri Johor serta ramalan cuaca khususnya di sebelah Selatan Semenanjung.





MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **B. PERKEMBANGAN TERKINI OPS MURNI DI SELURUH NEGARA**

6. Selain Johor, OPS MURNI turut sedang giat dilaksanakan di seluruh negara.
7. **Secara keseluruhannya, setakat ini, jumlah anggota dan aset ATM yang telah diaturgerak di bawah OPS MURNI di seluruh negara termasuk Johor ialah :**
  - i. **Seramai 60 pegawai dan 1,123 anggota Lain-Lain Pangkat.**
  - ii. **Sebanyak 190 aset merangkumi bot, enjin bot, trak 7 tan, trak 3 tan, trak 1 tan, *backhoe*, *tipper*, *water bowser* dan ambulan medan.**
8. Seperti saya maklumkan tempoh hari, perancangan OPS MURNI ATM akan dikemaskini dari masa ke masa mengikut situasi banjir di sesebuah negeri dan sesuatu kawasan.
9. Seajar dengan semangat “Tentera Dan Rakyat Berpisah Tiada”, ATM akan terus berusaha bertungkus-lumus bukan sahaja demi keselamatan rakyat di musim banjir ini tetapi juga bagi membantu pelaksanaan kerja-kerja pembersihan pasca banjir sebaik sahaja air telah surut kelak.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**3 JANUARI 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### A. OPS MURNI NEGERI TERENGGANU

1. Alhamdulillah, berdasarkan taklimat daripada pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta beberapa agensi sebentar tadi, saya difahamkan setakat 12.00 tengah hari ini, situasi banjir di negeri ini telah hampir pulih sepenuhnya.
2. Lebih melegakan saya, menerusi maklum balas yang saya terima daripada YAB Menteri Besar Terengganu sendiri, Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri semasa taklimat tadi, kerjasama antara Kerajaan Negeri Terengganu dan ATM dalam melaksanakan operasi banjir di daerah yang terjejas sejak hari pertama cukup erat dan berkesan.
3. Malah, koordinasi di Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) peringkat daerah mahupun negeri antara ATM, Polis Diraja Malaysia, Pasukan Bomba dan Penyelamat serta setiap agensi turut berjalan dengan lancar.
4. Gabungan aset-aset milik ATM dan setiap agensi juga amat membantu bagi memindahkan mangsa banjir ke kawasan selamat khususnya Pusat Pemindahan Sementara (PPS) serta mengagihkan makanan dan barang keperluan ke PPS serta kawasan yang terputus hubungan jalan darat.
5. **Biarpun situasi banjir di Terengganu hampir pulih sepenuhnya, komitmen ATM untuk terus bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri serta setiap agensi berkepentingan tidak berganjak.** Fokus dan keutamaan menerusi OPERASI MURNI (OPS MURNI) ATM Negeri Terengganu kini adalah:
  - i. Membantu melaksanakan kerja pembersihan pasca banjir terutama di kawasan tumpuan seperti kediaman, rumah ibadat, sekolah dan klinik kesihatan.
  - ii. Membantu kerja-kerja baikpulihan jambatan yang terjejas.
  - iii. Membantu Kementerian Kesihatan Malaysia melakukan ujian pengesanan COVID-19 terutama terhadap mangsa-mangsa banjir.
  - iv. Bersiapsiaga bagi mendepani sebarang kemungkinan gelombang banjir seterusnya.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

6. Bagi tujuan berkenaan, 1,026 anggota melalui 4 pasukan sudah bersiapsiaga untuk diaturgerak ke seluruh negeri Terengganu pada bila-bila masa. Ini tidak termasuk 182 anggota Tentera Darat Malaysia yang telah diaturgerak ke daerah terjejas banjir di negeri ini sejak hari pertama.
7. Saya juga telah maklum kepada Menteri Besar, sekiranya terdapat sebarang keperluan tambahan, maklum terus sama ada kepada saya, Panglima Angkatan Tentera, Panglima Tentera Darat atau wakil-wakil ATM di PKOB. ATM akan bantu apa jua yang terdaya demi keselamatan dan kebajikan rakyat Terengganu.

### **B. PERKEMBANGAN TERKINI OPS MURNI DI SELURUH NEGARA**

8. Setakat ini, secara kesuluruhannya jumlah anggota dan aset ATM yang telah diaturgerak ke setiap negeri yang dilanda banjir ialah:
  - i. 204 pegawai dan 3,654 anggota Lain-Lain Pangkat.
  - ii. 474 aset merangkumi 18 trak 7 tan; 173 trak 3 tan; 29 trak 1 tan; 131 bot, 111 enjin bot; 4 helikopter; dan 8 lain-lain jenis aset.
9. ATM ambil maklum, selain Terengganu terdapat sesetengah kawasan di negeri lain banjirnya juga telah surut dan sebahagian sungai mula menunjukkan trend penurunan. Biarpun ini perkembangan yang diharapkan, namun ATM memahami bahawa cabaran pasca banjir juga besar.
10. Atas sebab itu, sambil terus menumpukan terhadap operasi banjir di kawasan yang masih terjejas, fokus ATM yang seterusnya ialah melaksanakan kerja pembersihan pasca banjir berskala besar di negeri-negeri yang terjejas, sama seperti di Terengganu ini.
11. ATM akan maklumkan perancangan khusus operasi pasca banjir di negeri-negeri lain dari masa ke masa.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**6 JANUARI 2022**



*Siaran*

# **AKHBAR**

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 ( 0 ) 01/01

## **MAJLIS PELANCARAN KERJAYA EKONOMI GIG UNTUK VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)**

Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz telah menyempurnakan majlis pelancaran Kerjaya Ekonomi Gig Untuk Veteran ATM bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM, Kementerian Pertahanan, Jalan Tekpi, Kuala Lumpur.

Majlis yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM bersama rakan strategik syarikat Code 7 Tech Sdn Bhd (Code 7) bakal menyediakan manfaat kepada para Veteran ATM seperti berikut :

- a. Membantu dalam meningkatkan taraf sosio ekonomi Veteran ATM yang juga merupakan fokus Kementerian Pertahanan dan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM.
- b. Membuka lembaran baharu kepada Veteran ATM untuk mendapatkan peluang kerjaya kedua yang lebih luas pasca pandemik covid-19 yang telah memberi impak langsung kepada mereka.
- c. Ekonomi gig, satu terma yang semakin sinonim seperti grabcar, grabfood, food panda, lalamove dan perkhidmatan seumpamanya pasti mampu memberi limpahan peluang pekerjaan pada Veteran ATM.
- d. Code 7 telah bersetuju untuk menawarkan tangga gaji yang lebih menarik kepada Veteran ATM yang menyertai mereka. Malah, konsep gig yang membenarkan fleksibiliti masa dan lokasi merupakan 'bonus point' untuk Veteran ATM menyertainya sebagai mengenang jasa para Veteran ATM kepada negara.

- e. Kerjaya gig menerusi Code 7 yang menawarkan perkhidmatan berasaskan keselamatan adalah signifikan dengan kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh majoriti Veteran ATM.

Landskap semasa sosioekonomi Veteran ATM iaitu Keluarga Malaysia Veteran ATM yang berdaftar dengan JHEV ATM sehingga kini berjumlah 204,164 orang. Daripada jumlah ini, seramai 104,845 orang adalah veteran berpencen manakala seramai 73,835 orang adalah veteran tidak berpencen. Berdasarkan rekod semasa JHEV ATM, 63% daripada Veteran ATM merupakan mereka yang berumur di bawah 60 tahun. Ini menjelaskan bahawa lebih 128,000 orang Veteran ATM berpotensi untuk menyertai kerjaya gig dengan Code 7.

Code 7 merupakan suatu ekosistem keselamatan komuniti yang pertama bukan sahaja di Malaysia, malah di dunia. Platform digital Code 7 ini membolehkan semua syarikat keselamatan untuk berganding bahu dan bersatu dengan misi untuk meningkatkan serta menaik taraf standard keselamatan Malaysia ke peringkat yang seterusnya. Milestone pertama Code 7 melalui aplikasinya ialah penyediaan perkhidmatan keselamatan daripada syarikat keselamatan berlesen yang terdekat kepada pelanggan-pelanggan yang berdaftar untuk menjaga keselamatan premis mereka tidak kira sama ada mereka berada di dalam ataupun di luar premis tersebut.

Untuk perancangan tahunan 2022, Code 7 akan memberikan tumpuan di kawasan Lembah Klang terlebih dahulu dalam suku pertama dan kedua 2022 sebelum meluaskan perkhidmatan yang ditawarkannya ke kawasan-kawasan perbandaran utama di bahagian selatan, utara dan pantai timur Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak.

Code 7 juga sedang memberikan promosi sehingga 66% diskaun kepada 100,000 pelanggan yang pertama (merangkumi semua jenis langganan iaitu kediaman, pejabat, peruncit dan perindustrian) di kawasan Lembah Kelang pada ketetapan harga berikut:

- a. RM25 sebulan bagi setiap unit kediaman (harga sebenar: RM75/bulan).
- b. RM157 sebulan bagi setiap unit pejabat (harga sebenar: RM471/bulan).
- c. RM207 sebulan bagi setiap unit peruncit atau perindustrian (harga sebenar: RM621/bulan).
- d. Promosi langganan ini adalah untuk 3 bulan dan akan tamat pada bulan Februari 2022.

Untuk melanggan perkhidmatan Code 7, mereka boleh memuat turun aplikasi Code 7 Protection melalui Apple App Store ataupun Google Play Store. Perkhidmatan Code 7 juga terbuka kepada semua Persatuan Kediaman dan Badan Pengurusan Bersama di mana mereka boleh menghubungi Code 7 di talian 010-206 0176 untuk mengetahui liputan kawasan perkhidmatan Code 7.

Turut hadir adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera, Panglima-panglima Perkhidmatan, Pengurusan Tertinggi Kementerian dan pegawai-pegawai Kanan ATM.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**


**“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**

**12 Januari 2022**

**DILULUSKAN**

  
**LT KOL ZUHAIRY BIN LIMAT**  
Ketua Pemubungah Awam  
Unit Komunikasi Strategik  
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### A. LAWATAN MENYAKSIKAN 4 BUAH *LITTORAL MISSION SHIP* TLDM

1. Hari ini saya mulakan lawatan kerja ke Sabah selama 2 hari. Tumpuan lawatan ini adalah kepada 3 perkara iaitu Penerimaan Kapal *Littoral Mission Ship* (LMS), OPERASI MURNI (OPS MURNI) Sabah serta Agenda Keselamatan dan Pertahanan Sabah.
2. Lawatan saya dimulakan dengan penerimaan empat (4) buah LMS yang juga merupakan aset terbaharu milik TLDM di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu. Ia kemudian diteruskan dengan taklimat daripada pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta beberapa agensi berhubung situasi banjir di negeri Sabah bersama Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Hajiji Mohd Noor.
3. Di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu tengahari tadi, empat LMS yang telah saya saksikan adalah:
  - i. LMS 1 atau **Kapal Diraja (KD) KERIS**:
    - Penyerahan fizikal pada 31 Disember 2019
    - Ditauliahkan pada 6 Januari 2020
  - ii. LMS 2 atau **KD SUNDANG**:
    - Penyerahan fizikal pada 14 Januari 2021
    - Ditauliahkan pada 5 Mac 2021
  - iii. LMS 3 atau **KD BADIK**:
    - Penyerahan fizikal pada 14 September 2021
    - Ditauliahkan pada 22 Oktober 2021
4. Manakala, LMS 4 yang juga paling terbaharu dinamakan sebagai RENCONG. Ia baru tiba di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu pada 28 Disember tahun lalu. Penyerahan fizikal RENCONG telah dilaksanakan pada 18 Disember 2021 di Qidong, China.
5. **RENCONG bakal melalui satu lagi detik bersejarah yang mana ia akan menerima pentaulihan pada 28 Januari 2022.** Sebaik sahaja ditauliahkan, RENCONG bakal dikenali sebagai KD RENCONG seterusnya akan menyertai Skuadron LMS Ke-11 yang berpangkalan di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

6. Misi utama skuadron kapal ini adalah bagi menangkis ancaman asimetri, pengawasan kawasan operasi, rondaan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE), tugas-tugas sokongan kepada *Military Operation Other Than War* (MOOTW) serta sebagai platform sokongan kepada tugasan dalam keadaan aman, konflik mahupun perang.
7. Untuk makluman, LMS merupakan salah sebuah daripada lima (5) kelas kapal di dalam Program Transformasi Armada *15 to 5*. Kontrak perolehan 4 buah LMS ini telah dimeterai di antara Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) dengan Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNSSB) pada 23 Mac 2017 dengan kerjasama China Shipbuilding & Offshore International Co Ltd (CSOC). Projek Perolehan ini merupakan Projek Perolehan aset pertahanan kapital yang pertama daripada negara China.
8. Keberadaan keempat-empat LMS di dalam negara khususnya di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu hari ini cukup bermakna bagi TLDM. Ini kerana, ia bukan sahaja menandakan **kesemua LMS telah selesai diterima oleh TLDM** dalam tempoh yang ditetapkan.
9. Malah perkara yang lebih penting, **TLDM kini boleh melaksanakan sepenuhnya perancangan mereka menerusi LMS ini khususnya di bawah Program Transformasi *15 to 5* bagi mengukuhkan lagi kawalan keselamatan di perairan negara**. Ini bersandarkan keupayaan LMS yang sememangnya diperolehi berdasarkan pendekatan *Fit For Purpose*, antaranya:
  - i. Direka khas untuk melaksanakan pelbagai tugas di kawasan pesisir pantai termasuklah aktiviti rondaan dan pemantauan.
  - ii. Mampu menjadi platform sokongan kepada *Tim Quick Reaction Force* (QRF) terutama di perairan Sabah Timur yang tidak dapat disokong oleh kapal-kapal TLDM kecil yang lain.
  - iii. Mampu melaksanakan operasi untuk tempoh 15 hari tanpa ulang bekal.
  - iv. Berkeupayaan untuk menampung beban sehingga 750 tan.
  - v. Boleh memuatkan 7 pegawai dan 38 anak kapal dalam satu-satu masa.
  - vi. Mampu beroperasi pada jarak 2000 batu nautika dengan kelajuan maksimum 22 knot.





MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

10. **Menerusi keupayaan LMS ini juga, TLDM akan memanfaatkan dengan sebaik mungkin demi mengukuhkan lagi tahap keselamatan di kawasan perairan Sabah.** Ini termasuklah melalui peningkatan rondaan bagi menangani kegiatan jenayah rentas sempadan seperti kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) melalui jalan laut serta menangani aktiviti pelanunan. LMS ini hanya sebahagian. Terdapat beberapa lagi perancangan khusus demi keselamatan Sabah dan akan saya maklumkan dari masa ke masa.
11. Secara keseluruhannya, saya berpuas hati dengan keempat-empat LMS yang telah diterima oleh pihak TLDM. Bagi pihak Kerajaan khususnya MINDEF, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang berusaha bertungkus-lumus demi memastikan perolehan LMS ini dapat disempurnakan mengikut perancangan.
12. Saya secara peribadi turut mengucapkan tahniah kepada seluruh warga TLDM atas perolehan 4 buah LMS ini. Menerusi taklimat kepada saya sebentar tadi, saya yakin bahawa TLDM sebagai *end user* yang menyuarakan hasrat untuk memperolehi LMS berkeupayaan dan telah mempunyai perancangan khusus untuk memanfaatkan sepenuhnya aset ini demi kepentingan keselamatan negara.

### **B. OPS MURNI NEGERI SABAH**

13. Bagi Ops Murni Negeri Sabah, saya dimaklumkan oleh Ketua Menteri Sabah semasa taklimat sebentar tadi bahawa situasi banjir di negeri Sabah ketika ini hampir pulih sepenuhnya.
14. Namun saya telah suarakan jaminan kepada beliau tadi bahawa **kesiapsiagaan ATM untuk meneruskan kerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Sabah serta setiap agensi berkepentingan menerusi Operasi Murni (OPS MURNI) Negeri Sabah akan terus berada pada tahap tertinggi.**
15. **Sejak hari pertama banjir melanda beberapa kawasan di Sabah termasuk Kota Marudu, Paitan, Beluran, Sandakan dan Telupid, anggota Tentera Darat Malaysia telah diatugerak** bukan sahaja untuk membantu memindahkan mangsa banjir ke kawasan selamat terutama Pusat Pemindahan Sementara (PPS), tetapi juga menghantar barang keperluan dan makanan serta membantu penyediaan makanan di PPS.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

16. Dalam masa yang sama, penting untuk saya maklumkan bahawa pada ketika ini **385 anggota bersama 50 aset daripada Briged Kelima Infantri Malaysia bagi kawasan Pantai Barat Sabah dan Briged Ke-13 Infantri Malaysia bagi kawasan Pantai Timur Sabah sedang diletakkan dalam keadaan bersiapsiaga untuk diaturgerak pada bila-bila masa di negeri Sabah**. Keutamaan ketika ini ialah:
  - i. Membantu masyarakat Sabah yang terjejas banjir untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan pasca banjir terutama di kediaman dan infrastruktur awam.
  - ii. Membantu agensi-agensi berkaitan di Sabah melakukan kerja-kerja baik pulih kemudahan termasuk jambatan sekiranya ada yang terjejas.
  - iii. Bersedia sekiranya berlaku gelombang ketiga banjir di Sabah.
17. **Tekad ATM untuk bersama-sama rakyat Sabah mendepani sebarang musibah tetap teguh sejak dahulu lagi. Bukan sahaja dari sudut keselamatan tetapi juga bencana alam. Atas sebab itu, saya ingin beritahu kepada Ketua Menteri serta seluruh rakyat Sabah, jangan bimbang. ATM akan terus membantu sehingga situasi banjir di negeri ini benar-benar pulih sepenuhnya.**
18. Bagi pihak MINDEF dan ATM, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sabah di bawah kepimpinan YAB Ketua Menteri kerana telah berupaya mengkoordinasi perancangan menghadapi musibah banjir dengan sebaik mungkin termasuklah melalui PKOB di peringkat daerah dan negeri.
19. Selain itu, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua agensi kerana berjuang bertungkus-lumus bersama ATM sejak hari pertama banjir melanda Sabah. Hasil kerjasama erat inilah, OPS MURNI ATM Negeri Sabah dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dan tersusun. Alhamdulillah.
20. InsyaAllah, esok lawatan kerja saya akan diteruskan bagi Taklimat Keselamatan di Markas Angkatan Tentera Bersama (ATB 2) di Kem Kukusan Tawau.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**13 JANUARI 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### A. ESSCOM TERUS BERKEUPAYAAN PELIHARA KESELAMATAN SABAH

1. Lawatan dua hari saya ke Sabah diteruskan hari ini dengan mengadakan kunjungan ke Markas Angkatan Tugas Bersama 2 (MK ATB 2). Tujuan kunjungan saya ke sini hari ini adalah untuk mendapatkan gambaran lebih jelas dan terperinci berhubung perkembangan terkini pelaksanaan ESSCOM serta situasi semasa keselamatan Sabah.
2. Ini penting bukan sahaja untuk saya bersama-sama kepimpinan tertinggi Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terus menambahbaik inisiatif-inisiatif sedia ada di bawah ESSCOM, tetapi juga mengkoordinasi perancangan ke hadapan demi memperkukuh pertahanan di negeri ini terutama di ESSZone dengan bersandarkan bentuk ancaman semasa.
3. Berdasarkan taklimat sebentar tadi, penting untuk saya maklumkan bahawa **operasi keselamatan melalui ESSCOM khususnya sepanjang tahun 2021 berjalan lancar dan berkeupayaan dalam menangani ancaman-ancaman yang menjadi perhatian ESSCOM**. Ia termasuklah *kidnap for ransom*, rompakan laut, penyeludupan, kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) serta militan dan penganas.
4. Untuk makluman, secara asasnya operasi keselamatan di bawah ESSCOM terbahagi kepada lima (5) iaitu:
  - i. **Operasi Gasak** - menghapuskan sasaran *kidnap for ransom*/militan, melakukan operasi di ESSZone ke atas aktiviti yang mengancam keselamatan, menasaskan penjenayah dan penyeludup.
  - ii. **Operasi Bersepadu** - operasi skala kecil gabungan agensi penguatkuasa. Mendominasi kawasan di ESSZone yang diduduki PATI. Menasaskan PATI, penjenayah dan penyeludup.
  - iii. **Operasi BENTENG atau OP CEGAH PATI** - di perairan Kudat, Sandakan, Semporna, Kunak dan Tawau. Menghalang kemasukan PATI.
  - iv. **Road Check Point (RCP)** - menghalang kemasukan PATI, penyeludup dan militan.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

- v. **Penguatkuasaan Zon Perintah Berkurung** - mengawal keselamatan pergerakan komuniti maritim.
5. Menerusi operasi-operasi berkenaan dan hasil kerjasama erat terutama antara ATM, Polis Diraja Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, **ESSCOM sepanjang tahun 2021 sahaja telah berjaya:**
  - i. Merampas dadah bernilai RM3.34 juta
  - ii. Merampas rokok seludup dan barangan terkawal bernilai RM1.38 juta
  - iii. Menangkap 154 orang PATI bersama 393 buah bot
  - iv. Mengusir 1,407 orang PATI bersama 119 buah bot
  - v. Memeriksa 30,666 buah bot
6. Tidak sekadar itu, **saya juga ingin laporkan kepada umum bahawa tiada rekod penculikan baharu direkodkan di kawasan ESSZone sepanjang tahun 2021.**
7. Berdasarkan beberapa siri kejayaan yang saya senaraikan ini, **pihak ESSCOM maklumkan kepada saya bahawa secara relatifnya, ESSZone adalah selamat dan terkawal. Namun begitu, itu tidak bermakna ESSCOM akan mengendurkan operasinya.** Sebaliknya, ESSCOM akan terus diperkukuhkan lagi dan perancangan mengenainya akan dimaklumkan kepada umum dari masa ke masa.

### **B. ATM AKAN TERUS PERKASA KESELAMATAN SABAH**

8. Dalam pada itu, selain ESSCOM, ATM turut sedang dan akan terus memperkasa tahap pertahanannya di negeri ini. Ia selari dengan perbincangan saya bersama Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Mohd. Noor semalam yang bermatlamat memperkukuh keselamatan Sabah.
9. **Bagi Tentera Darat Malaysia (TDM)**, kita telah mengatugerak seramai 5,044 orang merangkumi pegawai dan anggota. Mereka kini sedang ditempatkan di 3 lokasi iaitu:
  - i. Markas 5 Divisyen – Kem Lok Kawi, Kota Kinabalu.
  - ii. Markas 5 Briged – Kota Belud (kawasan tanggungjawab ialah Barat Sabah)



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

- iii. Markas 13 Briged – Lahad Datu (kawasan tanggungjawab ialah Timur Sabah)
10. **Secara ringkasnya terdapat 8 batalion menjaga keselamatan Pantai Timur Sabah ketika ini di mana 4 batalion beroperasi dan 4 batalion berpangkalan serta siap sedia untuk tangani sebarang kemungkinan.**
11. **Bagi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM),** kita telah mengatugerak seramai 2,419 orang merangkumi pegawai dan anggota. Daripada jumlah berkenaan, 2,317 anggota sedang ditempatkan di Pangkalan TLDM Teluk Sepanggar manakala 102 anggota ditempatkan KD Sri Semporna.
12. Tambahan juga, TLDM turut telah mengatugerak 4 unit LMS; 4 unit *Patrol Vessel*, 2 unit *Fast Attack Craft*, 1 unit Bunga Mas Lima (BM 5); 2 unit kapal selam; 5 unit *Rigid-Hull Inflatable Boat* (RHIB) dan 5 unit *Fast Interceptor Craft* (FIC) bagi mempertahankan kedaulatan perairan negeri Sabah.
13. **Bagi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM),** kita telah mengatugerak seramai 1,283 orang merangkumi pegawai dan anggota. Mereka kini sedang berada dalam keadaan bersiapsiaga di Pangkalan Udara (PU) Labuan yang terletak di Wilayah Persekutuan Labuan.
14. Dalam masa yang sama, TUDM juga telah mengatugerak 9 unit pesawat pejuang Hawk; 4 unit Helikopter EC 725; 1 unit C130 dan radar.
15. Secara keseluruhannya, terdapat 8,746 anggota ATM yang berkeupayaan melaksanakan penugasan pada setiap masa demi keselamatan negeri dan rakyat Sabah. Walaubagaimanapun, saya percaya bahawa banyak lagi perlu dilaksanakan. Tiada istilah selesa dan berpuas hati dalam perjuangan ATM.
16. Justeru, **bagi memperkasakan lagi usaha keselamatan dan pertahanan Sabah, sukacitanya saya ingin maklumkan bahawa beberapa inisiatif baharu akan dilaksanakan.** Ia termasuklah :
- i. **Satu kem baharu bagi tentera darat akan dimulakan pembinaannya pada tahun ini di Felda Sahabat, Lahad Datu, Sabah. Perancangan mengenainya telah pun dimuktamadkan di mana RM 646,156,000 telah diperuntukkan bagi melaksanakan pembinaan kem ini.**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

Antara tujuan utama pembangunan kem baharu ini adalah untuk memindahkan 1 batalion infantri dan unit-unit 13 Briged sebagai usaha meningkatkan lagi tahap keupayaan dan kesiapsiagaan TDM dalam menangani ancaman semasa sekaligus mengukuhkan lagi tahap keselamatan di Pantai Timur Sabah.

- ii. **Merencanakan semula dan memperkasakan lagi inisiatif *Trilateral Cooperative Arrangement (TCA)* melibatkan kerjasama angkatan tentera Malaysia, Indonesia dan Filipina bagi meningkatkan kawalan keselamatan di Laut Sulu dan Sulawesi.**

Saya telah suarakan hasrat ini kepada rakan sejawat saya di kedua-dua negara berkenaan dan mereka telah menyatakan persetujuan. **Sehubungan itu, satu pertemuan peringkat Menteri Pertahanan Malaysia, Indonesia dan Filipina akan diadakan pada 27 Januari ini bagi membincangkan perancangan mengenyainya.**

Hasrat meningkatkan tahap keselamatan di Laut Sulu dan Sulawesi ini turut disuarakan YAB Ketua Menteri Sabah dalam pertemuan kami semalam. InsyaAllah, saya akan bawa hasrat beliau semasa pertemuan bersama Menteri Pertahanan dua negara berkenaan 27 Januari ini.

17. Dua inisiatif baharu yang saya umumkan hari ini hanya sebahagian. Banyak lagi perancangan khusus untuk keselamatan Sabah yang akan saya umumkan dari masa ke masa. InsyaAllah.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**14 JANUARI 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### MESYUARAT KE-12 MENTERI KUARTET COVID-19

#### A. FASA 'PERALIHAN KE ENDEMIK'

1. Pada 3 Januari lalu, semua negeri di Malaysia telah beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN). Mengikut perancangan Kerajaan, langkah seterusnya ialah bergerak ke Fasa 'Peralihan Ke Endemik'.
2. Kerajaan menyedari sejak akhir-akhir ini banyak pihak mula bimbang susulan gelombang penularan varian Omicron serta peningkatan jumlah kes harian COVID-19. Namun begitu, kita tidak boleh berganjak daripada perancangan untuk melangkah ke fasa seterusnya ini.
3. Seperti yang dapat dilihat daripada laporan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini, biarpun jumlah kes harian terus meningkat, namun jumlah yang dirawat di wad dan Unit Rawatan Rapi adalah rendah. Ini menunjukkan sistem kesihatan negara berada dalam keadaan terkawal, selari dengan kenyataan Menteri Kesihatan semalam.
4. Situasi ini penting kerana untuk melaksanakan Fasa 'Peralihan Ke Endemik', sistem kesihatan negara khususnya penggunaan katil di wad serta ICU harus terus berada pada kadar yang terkawal atau dalam erti kata lain tidak terbeban.
5. Selepas hampir dua tahun dilanda pandemik, negara perlu terus melangkah ke hadapan. Kerajaan telah memberi jaminan beberapa kali bahawa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara besar-besaran di seluruh negara tidak akan dilaksanakan semula dan Kerajaan akan berpegang teguh kepada pendirian ini. Sekiranya berlaku peningkatan kes di sesuatu kawasan, hanya PKPD akan dikuatkuasakan.
6. Ekonomi perlu terus bergerak. Sistem pendidikan perlu terus berjalan. Pekerjaan rakyat perlu terus terlaksana. Berpatah balik kepada pelbagai sekatan seperti sebelum ini bukan lagi keputusan yang baik.
7. Fasa 'Peralihan Ke Endemik' merupakan satu pendekatan menyeluruh dalam menuju hidup bersama COVID-19. Terdapat tujuh tonggak di bawah pendekatan ini dan menerusi penelitian Kuartet, tujuh tonggak ini telah bersedia.
  - i. Pematuhan 1 SOP umum dan 9 garis panduan;
  - ii. Sistem Amaran dan Tindakan (*Heightened Alert System - HAS*);
  - iii. *National Testing Strategy*;
  - iv. *TRIIS (Test, Report, Isolate, Inform, Seek)*;
  - v. *Automated FTTIS (Find, Test, Trace, Isolate, Support)*;
  - vi. Pembukaan Sempadan Negara Secara Berperingkat;
  - vii. Duta-Duta Pemerksaan Komuniti.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

8. Secara keseluruhannya, di peringkat Kuartet perancangan berkaitan Fasa 'Peralihan Ke Endemik' telah selesai. Namun keputusan untuk menentukan bila fasa ini akan dilaksanakan, ia bergantung kepada keputusan Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 (JKKPP) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri serta turut melibatkan Ahli-Ahli Pembangkang serta pakar-pakar kesihatan.

### **B. PELAKSANAAN SOP BAHARU BAGI UMRAH**

9. Kerajaan sedia maklum bahawa kebenaran untuk rakyat pergi ke Tanah Suci bagi mengerjakan Umrah yang ditangguhkan sebelum ini telah dibenarkan semula bermula hari ini. Kuartet bagi pihak Kerajaan ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat berangkat ke Tanah Suci dan selamat menunaikan umrah kepada semua Jemaah yang terlibat.
10. Melalui Mesyuarat Kuartet hari ini, sukacitanya saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan telah menetapkan SOP baharu bagi aktiviti Umrah. SOP-SOP baharu ini akan dikuatkuasakan bermula 14 Februari 2022:
  - i. *Person incharge* (PIC) dari agen pelancongan perlu memantau kepatuhan Jemaah Umrah semasa di Tanah Suci, perjalanan balik ke Malaysia dan semasa di PMA Malaysia (turut serta dengan Jemaah sekiranya melebihi 40 orang atau disediakan bagi setiap tempoh tersebut untuk jumlah Jemaah kurang dari 40 orang).
  - ii. Mewajibkan dos penggalak.
  - iii. Membenarkan menjalani kuarantin wajib di tempat kediaman tanpa memohon kelulusan HQA. Tetapi Jemaah dibenarkan menjalani kuarantin wajib di stesen kuarantin swasta dengan kos penginapan, makan minum dan rawatan ditanggung sendiri.
11. Kerajaan tahu bahawa ada Jemaah yang berangkat ke Tanah Suci hari ini. Oleh itu, untuk Jemaah Umrah yang akan ke Arab Saudi hari ini sehingga 13 Februari, mereka terikat dengan SOP sedia ada. Walaubagaimanapun, apabila mereka pulang semula ke tanah air kelak, mereka diwajibkan mematuhi SOP baharu yang telah dikuatkuasakan.

### **C. PEMANSUHAN PEMERIKSAAN SUHU BADAN DAN BUKU REKOD CHECK IN**

12. Penting juga untuk saya maklumkan, mengambil kira pandangan dari KKM, Mesyuarat Kuartet hari ini turut menetapkan bahawa SOP pemeriksaan suhu badan dan buku rekod *check in* akan dimansuhkan bermula 11 Februari.





MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

13. Dengan pemansuhan ini, pihak pemilik premis tidak lagi diwajibkan untuk menyediakan alat pengimbas suhu dan buku rekod *check in* di pintu-pintu masuk premis masing-masing. Namun *check in* menggunakan aplikasi MySejahtera masih diwajibkan seperti biasa.
14. Walaubagaimanapun sekiranya pemilik-pemilik premis masih ingin meneruskan pelaksanaan SOP pemeriksaan suhu dan buku rekod *check in* ini, Kerajaan amat mengalu-alukan dan menggalakkannya.

**PENGERUSI MESYUARAT MENTERI KUARTET COVID-19**  
**MERANGKAP MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**8 FEBRUARI 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **A. KEMASUKAN PELAJAR KE IPT KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI SECARA BERPERINGKAT**

1. Saya ingin memaklumkan, Mesyuarat Menteri Kuartet COVID-19 Ke-12 yang diadakan semalam telah memperhalusi cadangan daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berhubung kemasukan pelajar ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) KPT. Ini termasuklah Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta.
2. Susulan itu, **setelah mengambil kira pandangan dan syor daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), hari ini sukacitanya saya ingin mengumumkan bahawa Kerajaan membenarkan kemasukan pelajar IPT KPT secara berperingkat mulai 1 Mac 2022.**
3. Dalam usaha memastikan kemasukan pelajar ini dilaksanakan dengan selamat atau *Reopening Safely*, KPT bersama KKM telah menetapkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang wajib dipatuhi. SOP-SOP tersebut ialah seperti berikut:
  - i. Jumlah kemasukan pelajar yang dibenarkan ialah **sebanyak 70-100%** mengikut kapasiti IPT masing-masing.
  - ii. Pelajar dan staf yang lengkap vaksinasi dan tidak lengkap vaksinasi dibenarkan masuk ke kampus. **Namun bagi pelajar dan staf IPT yang tidak divaksinasi lengkap, mereka perlu membuat ujian RT-PCR dan berkeputusan negatif 3 hari sebelum masuk ke kampus.**
  - iii. Ujian pengesanan COVID-19 menggunakan kaedah RTK-Ag perlu dilakukan seminggu sekali bagi mereka yang tidak divaksinasi lengkap, mengikut **Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan** yang dikeluarkan oleh KKM.
  - iv. **Bagi pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu, hanya yang lengkap vaksinasi sahaja dibenarkan masuk ke Malaysia.** Mereka juga wajib menjalani tempoh kuarantin selama 7 hari atau sekiranya telah mendapat dos penggalak, tempoh kuarantin ialah selama 5 hari.
  - v. IPT mestilah mempunyai kapasiti untuk menampung bilangan pelajar yang hadir secara fizikal dan sentiasa mematuhi SOP pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang ketat. **Pelaksanaan PdP secara hibrid dan/atau secara dalam talian dibenarkan kepada IPT.**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

- vi. **Semua aktiviti sukan dan riadah perlu mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh KKM.** Pelajar yang pulang ke kampus juga wajib terus mematuhi SOP umum seperti memakai pelitup muka, mengamalkan penjarakan fizikal dan sentiasa menjaga kebersihan diri.
4. Dalam setiap kelonggaran yang diberikan oleh Kerajaan, aspek keselamatan dan kesihatan rakyat termasuklah para pelajar IPT tetap menjadi keutamaan. Sehubungan itu, Kerajaan menyeru kepada semua pihak termasuk pentadbiran IPT, staf dan pelajar agar mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan penuh berdisiplin dan bertanggungjawab.
5. Sekiranya para ibu bapa, penjaga mahupun pelajar mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, segera hubungi **Bilik Gerakan COVID-19 KPT** di talian 03-8870 6777/6949/ 6623/6628, layari laman web IPT atau terus hubungi Pegawai Penyelaras di IPT masing-masing.

### **B. SOP SAMBUTAN PERAYAAN MAASI MAGAM DAN PERARAKAN CHINGAY**

6. Dalam pada itu, sukacitanya juga saya ingin memaklumkan bahawa hasil pembentangan daripada Kementerian Perpaduan Negara (KPN) di Mesyuarat Kuartet Ke-12 semalam dan selepas mendapatkan pandangan serta syor KKM, Kerajaan telah menetapkan SOP bagi beberapa perayaan dan upacara keagamaan yang bakal disambut dalam masa terdekat. Perayaan dan upacara keagamaan tersebut termasuklah:
  - i. **Perayaan Maasi Magam** yang akan disambut oleh masyarakat India di negara ini **pada 17 Februari 2022.**
  - ii. **Perarakan Chingay** yang akan disambut oleh 5 Clans (Hainan, Hakka, Hokkien, Teochew dan Tiong Hua) bermula pada hari ke-19 Sambutan Perayaan Tahun Baharu Cina iaitu **dari 19 hingga 22 Februari 2022** di Johor.
7. **Bagi Perayaan Maasi Magam:**
  - i. SOP Perayaan Maasi Magam dilaksanakan bermula 16 hingga 19 Februari 2022.
  - ii. Hanya yang telah lengkap vaksinasi sahaja dibenarkan mengikuti aktiviti keagamaan.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

- iii. Wajib patuhi amalan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.
  - iv. Wajib memakai pelitup muka.
  - v. Petugas dari pihak Pengurusan Kuil mestilah memakai *vest* atau pakaian yang boleh membezakan mereka sebagai petugas.
  - vi. Petugas dari pihak Pengurusan Kuil bertanggungjawab untuk memastikan kepatuhan penganut-penganut terhadap SOP yang telah ditetapkan.
  - vii. Upacara sembahyang di kuil dibenarkan mengikut SOP pembukaan rumah ibadat selain Islam dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa 4.
  - viii. Perjalanan dan pergerakan kereta Chariot dibenarkan dengan bersyarat:
    - Tidak lebih 50 orang pengiring yang terdiri daripada pihak pengurusan kuil sahaja.
    - Tiada lokasi perhentian yang dibenarkan.
    - Senarai nama pengiring serta pelan perjalanan dan pergerakan Maasi Magam perlu mendapat kelulusan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).
8. Manakala **bagi Perarakan Chingay pula:**
- i. **Pada 19 hingga 22 Februari 2022 dibenarkan upacara sembahyang di Johor Ancient Temple dan Xing Gong** mengikut SOP pembukaan rumah ibadat selain Islam dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4.
  - ii. **Pada 19 Februari 2022 dibenarkan Upacara Penyucian Jalan** seperti berikut:
    - Tidak lebih 100 orang ahli Pengurusan Tokong sahaja.
    - Senarai nama pengiring serta pelan perjalanan dan pergerakan Chingay perlu mendapat kelulusan pihak PDRM.
  - iii. **Pada 20 Februari 2022 dibenarkan Upacara Pengusungan Dewa Keluar Dari Johor Ancient Temple Ke Xing Gong** seperti berikut:
    - Tidak lebih 200 orang ahli Pengurusan Tokong sahaja.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

- Senarai nama pengiring serta pelan perjalanan dan pergerakan Chingay perlu mendapat kelulusan PDRM.
- iv. **Pada 21 Februari 2022 dibenarkan Upacara Perarakan Malam Pesta Chingay** seperti berikut:
- Pergerakan 11 buah trak berhias dengan tidak lebih 20 orang ahli Pengurusan Tokong bagi setiap trak berhias.
  - Penganut tidak dibenarkan mengiringi perarakan.
  - Senarai nama pengiring serta pelan perjalanan dan pergerakan Chingay perlu mendapat kelulusan PDRM.
- v. **Pada 22 Februari 2022 dibenarkan Upacara Kepulangan Dewa Kembali Dari Xing Gong Ke *Johor Ancient Temple*** seperti berikut:
- Tidak lebih 200 orang ahli Pengurusan Tokong sahaja.
  - Senarai nama pengiring serta pelan perjalanan dan pergerakan Chingay perlu mendapat kelulusan PDRM.
9. Seperti yang saya pernah tegaskan sebelum ini, Kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada perayaan-perayaan keagamaan untuk disambut oleh penganut-penganut agama yang terlibat. Namun kelonggaran ini harus dimanfaatkan dengan penuh rasa tanggungjawab. Setiap SOP yang digariskan oleh Kementerian Perpaduan Negara harus dipatuhi bukan sahaja demi keselamatan dan kesihatan diri tetapi juga orang sekeliling.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**PENGERUSI MESYUARAT MENTERI KUARTET COVID-19**  
**9 FEBRUARI 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### A. MENYAKSIKAN 4 BUAH HELIKOPTER LEONARDO AW 139 TUDM

1. Hari ini saya mengadakan lawatan kerja ke Pangkalan Udara (PU) Butterworth. Tumpuan lawatan ini adalah kepada dua perkara. Pertama, menyaksikan 4 buah Helikopter Leonardo AW 139 yang diperolehi secara sewaan untuk kegunaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Kedua, untuk melawat Rumah Keluarga Malaysia Angkatan Tentera (RKMAT) di PU ini yang telah dan akan dinaiktaraf.
2. Berhubung perolehan Helikopter AW 139 secara sewaan ini, ia bukan sahaja selari dengan perancangan dan salah satu Teras di bawah Pelan Tindakan 2022 iaitu untuk meningkatkan lagi kesiagaan dan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Malah lebih penting, helikopter ini merupakan kehendak serta keperluan *end user* sendiri iaitu TUDM bagi mengukuhkan usaha mempertahankan kedaulatan ruang udara negara.
3. Sewaan Helikopter AW 139 ini dilaksanakan atas beberapa sebab:

#### i. **Menampung penugasan Helikopter NURI yang telah tamat operasi.**

**Selaras dengan keputusan Kabinet pada 7 Ogos 2019, Helikopter NURI telah ditamatkan operasi.** Ia sedikit sebanyak mengganggu peranan 12 unit Helikopter EC725AP dalam penugasan *Combat Search and Rescue* (CSAR), *Tactical Airlift* dan Utiliti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan 4 Dimensi ATM.

Bagi menampung penggunaan Helikopter EC725AP, **Kabinet pada 22 Januari 2020 bersetuju agar penggantian Helikopter NURI dilaksanakan menggunakan kaedah jangka pendek secara *leasing*** dan menerusi kaedah jangka sederhana untuk perolehan baharu.

Kaedah *leasing* ini bukan sahaja lebih kos efektif berbanding melaksanakan pembelian helikopter baharu, malah membolehkan TUDM memanfaatkan aset yang diperlukan dalam tempoh masa yang lebih cepat.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

ii. **Memastikan *Aircraft Hours*, kos operasi dan senggaraan Helikopter EC725AP lebih efektif.**

**Keberadaan Helikopter AW 139 akan mengurangkan penggunaan Helikopter EC725AP dalam latihan dan operasi.** Ia sekaligus berupaya menjimatkan penggunaan *aircraft hours* Helikopter EC725AP. Tempoh Helikopter EC725AP untuk disenggara juga akan dapat dijarakkan. Ini membolehkan kos operasi dan senggaraan Helikopter EC725AP dapat dikurangkan sepanjang tempoh sewaan Helikopter AW 139.

iii. **Mengekalkan kompetensi anak kapal Helikopter NURI.**

Sewaan Helikopter AW 139 akan menjadi platform penting kepada *fleet* helikopter TUDM terutama anak kapal Helikopter NURI untuk mengembalikan semula kompetensi dan kepakaran mereka seterusnya memanfaatkan TUDM.

4. Untuk makluman, **Helikopter AW 139 akan ditempatkan di No.3 Skudron, PU Butterworth.** TUDM memilih Helikopter AW 139 ini kerana kemampuannya untuk melaksanakan operasi yang memberikan kepentingan taktikal, operasional dan strategik kepada TUDM serta ATM. **Helikopter AW 139 berkeupayaan melaksanakan peranan dan tugas utiliti *fleet* helikopter TUDM serta mampu dioperasi pada waktu siang dan malam.**
5. Dari sudut kaedah sewaan Helikopter AW 139 ini, **ia menggunakan konsep *Government Operate, Company Own and Maintain (GOCOM)*.** Di bawah konsep ini, kesemua kos senggaraan pesawat berada di bawah tanggungjawab syarikat yang menyewakan helikopter ini.
6. Penting untuk saya maklumkan, selain kaedah sewaan, pembelian helikopter baharu turut berada dalam perancangan masa hadapan TUDM. Penggantian Helikopter NURI telah dirancang untuk dilaksanakan bermula tahun 2026. Sejumlah 12 helikopter akan diperoleh pada fasa 1 (RMKe-13 iaitu 2026 hingga 2030) dan seterusnya 12 helikopter lagi akan diperoleh pada fasa 2 (RMKe-14 iaitu 2031 hingga 2035).
7. Seperti saya nyatakan beberapa kali sebelum ini, keperluan spesifikasi bagi helikopter baharu ini tidak akan ditentukan oleh MINDEF tetapi *end user* sendiri iaitu TUDM. Butiran mengenainya akan dimaklumkan dari masa ke masa.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **B. KEPERLUAN ASET ATM LAIN YANG TURUT MENGGUNAPAKAI KAEDAH GOCOM**

8. Saya juga ingin memaklumkan, kegunaan Helikopter AW 139 secara sewaan yang kita saksikan hari ini bukanlah pertama kali digunakan. Terdapat beberapa lagi jenis aset ATM yang telah dimanfaatkan menggunakan kaedah yang sama sebelum ini. Ia termasuklah:
- i. **Helikopter Latihan Airbus EC120B dan Flight Simulation Training Device (FSTD) Untuk Kegunaan Kursus Asas Juruterbang Helikopter TUDM:**
    - 5 unit Helikopter EC120B
    - 1 unit Sistem Simulator
  - ii. **Sewaan Bot Op Pasir merangkumi:**
    - 10 unit Fast Interceptor Boat (FIB)
    - 10 unit Utility Boat
    - 10 unit Rigid Hull Fender Boat (RHFB)
    - 10 unit Rover Fiber Glass (Rover)
9. Kerajaan memilih untuk menggunakan kaedah *GOCOM* ini kerana ia merupakan pendekatan luar kotak yang amat diperlukan terutama ketika tumpuan kewangan Kerajaan terarah kepada usaha pemulihan negara di era pandemik ketika ini.
10. Dengan kaedah *GOCOM* ini, tempoh masa untuk melaksanakan proses perolehan termasuk berkaitan tender serta pembinaan aset dapat dikurangkan. Ia sekaligus membolehkan ATM menggunakan aset yang diperlukan dengan lebih cepat. Kerajaan tidak menolak untuk terus menggunakan kaedah sama bagi memenuhi keperluan aset jangka pendek bagi ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM.





MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **C. NAIK TARAF RUMAH KELUARGA MALAYSIA ANGKATAN TENTERA (RKMAT) PU BUTTERWORTH**

11. Perkara kedua yang menjadi tumpuan lawatan saya hari ini juga amat penting. Ini kerana ia berkait rapat dengan agenda yang dekat di hati serta sentiasa menjadi keutamaan saya sebagai Menteri Pertahanan iaitu Kebajikan khususnya berkaitan perumahan.
12. Atas sebab itu, semasa saya menjadi Menteri Pertahanan sebelum ini, selain membina lebih banyak RKMAT baharu, saya turut mengarahkan agar RKMAT sedia ada di seluruh negara dinaiktaraf demi menambahbaik keselesaan dan keselamatan anggota serta ahli keluarga mereka.
13. Saya mahu usaha naik taraf RKMAT ini dilaksanakan sebaik mungkin memandangkan **keluasan RKMAT sedia ada iaitu 850 kaki persegi sudah tidak lagi menepati kelayakan semasa iaitu 1100 kaki**. Susulan itu, beberapa tahun lalu saya pernah cadangkan agar dua unit RKMAT digabungkan **menjadi 1 unit sekaligus menjadikan keluasan baharu ialah 1700 kaki persegi**.
14. Alhamdulillah, gembira untuk saya laporkan kaedah pengubahsuaian ini telah dan akan terus giat dilaksanakan. **Di PU Butterworth ini sahaja, sebanyak 288 unit akan digabungkan menjadi 144 unit. Daripada jumlah 144 unit ini, 60 unit telah siap menerusi 3 fasa.**
15. **Manakala Fasa 4 bakal dimulakan dalam masa terdekat. Ia akan melibatkan 168 unit asal yang akan digabungkan menjadi 84 unit.** Blok yang akan dinaiktaraf ini merupakan pangsapuri kelas G yang menempatkan anggota berpangkat Koperal (Udara) dan ke bawah.
16. InsyaAllah, saya sendiri akan pastikan semua pihak terlibat memainkan peranan dengan sebaik mungkin demi memastikan projek ubah suai Fasa 4 ini dapat disiapkan dalam tempoh dan spesifikasi yang dirancang. Anggota ATM dan ahli keluarga mereka merupakan wira negara yang amat besar jasanya kepada negara. Tiada ruang kepada mana-mana pihak untuk bersikap sambil lewa dalam usaha berkaitan kediaman mereka.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**

**MENTERI KANAN PERTAHANAN**

**10 FEBRUARI 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### MESYUARAT KE-11 MENTERI KUARTET COVID-19

#### **A. MALAYSIA DI KEDUDUKAN KE-13 INDEKS PEMULIHAN COVID-19 NIKKEI**

1. Malaysia kini berada di kedudukan ke-13 berbanding kedudukan 115 pada Ogos tahun lepas dalam senarai terbaharu Indeks Pemulihan COVID-19 Nikkei atau *Nikkei's Covid Recovery Index*.
2. Kedudukan ini menunjukkan bahawa Malaysia berada di atas landasan tepat menuju situasi lebih baik dan semakin hampir kepada pemulihan dengan jumlah kes COVID-19 yang rendah, kadar vaksinasi lebih baik dan langkah penjarakan sosial yang lebih longgar.
3. **Bagi pihak Kerajaan khususnya Menteri-Menteri Kuartet, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan tahniah kepada semua pihak terutama petugas barisan hadapan dan rakyat yang cekal, tabah, kuat semangat serta berdisiplin dalam melaksanakan segala usaha demi menangani penularan wabak ini termasuk mematuhi setiap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan Kerajaan.**
4. Usaha baik ini mesti berterusan dan kita tidak boleh cepat berpuas hati. Keutamaan Kerajaan sekarang ialah menurunkan lagi jumlah kes harian, meningkatkan kadar vaksinasi khususnya dos penggalak dan membawa negara ke Fasa 'Peralihan ke Endemik'. Ia bukan mudah namun kita berkemampuan untuk melaksanakannya.
5. Dengan syarat, semua pihak mesti kekal berwaspada, terus mempunyai rasa tanggungjawab untuk mematuhi SOP, yakin dengan keberkesanan vaksin termasuk dos penggalak, melakukan ujian pengesanan COVID-19 secara berkala dan mengamalkan TRIIS dengan sebaik mungkin.

#### **B. KERAJAAN TERUS PANTAU RAPAT PERKEMBANGAN VARIAN OMICRON**

6. Mesyuarat Kuartet yang saya pengerusikan hari ini sekali lagi memberi tumpuan terhadap perkembangan terkini situasi penularan COVID-19 dalam negara khususnya varian Omicron.
7. Mengambil kira pembentangan oleh Menteri Kesihatan, YB Khairy Jamaluddin sebentar tadi, **setakat ini sebanyak 245 kes Omicron telah disahkan di Malaysia.** Sebahagian besar kes jangkitan varian ini di negara kita masih lagi berpunca daripada kepulangan pengembara dari luar negara.
8. Ketika ini KKM sedang melakukan pemantauan rapi dan sentiasa mengambil kira laporan semasa dari Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) serta negara-negara yang terkesan dengan penularan varian ini. **Kerajaan tidak menolak untuk mengambil langkah lebih ketat termasuk menyekat pergerakan keluar dan masuk dari lebih banyak negara jika negara berkenaan didapati berisiko tinggi. Namun**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

penting juga untuk saya tegaskan, pendekatan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara besar-besaran seperti sebelum ini tidak akan dilaksanakan semula.

### **C. SOP SAMBUTAN THAIPUSAM DAN TAHUN BAHARU CINA**

9. Seperti saya maklum sebelum ini, antara fokus dan keutamaan kuartet adalah untuk meneliti majlis-majlis yang berkait rapat dengan keagamaan. Ini kerana ia sememangnya penting buat penganut-penganut pelbagai agama di negara ini.
10. Sehubungan itu, hari ini pihak *stakeholders* bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) duduk semeja bagi membuat penelitian peringkat akhir SOP bagi perayaan Thaipusam yang bakal disambut 17 Januari ini dan menyelaraskan SOP bagi perayaan Tahun Baharu Cina pada 1 Februari.
11. Perbincangan sebentar tadi berjalan dengan amat baik dan SOP bersesuaian masih sedang diteliti bersama oleh semua pihak berkepentingan. Ia akan diumumkan dalam masa terdekat oleh Kementerian yang berkaitan selepas dimaklumkan kepada semua *stakeholders*.

### **D. STATUS SEMASA PELAKSANAAN VACCINATED TRAVEL LANE**

12. Hari ini Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Wee Ka Siong dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra), Tan Sri Muhammad Shahrul Ikram Yaakob telah dijemput ke mesyuarat kuartet bagi membincangkan perkara berkaitan *Vaccinated Travel Lane (VTL)*.
13. Kementerian Pengangkutan dan Wisma Putra sebentar tadi telah membentangkan perbincangan terkini dengan rakan sejawat masing-masing di Singapura serta cadangan Kementerian masing-masing bagi menambahbaik inisiatif ini pada masa hadapan.
14. Antaranya, mereka sedang melihat ruang dan peluang untuk melaksanakan VTL dengan beberapa lagi negara termasuk Indonesia dan Thailand. Walaubagaimanapun ia bergantung kepada situasi COVID-19 bukan sahaja di negara-negara berkenaan tetapi juga di negara kita.

**PENGERUSI MESYUARAT MENTERI KUARTET COVID-19  
MERANGKAP MENTERI KANAN PERTAHANAN  
11 JANUARI 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### MESYUARAT KE-13 MENTERI KUARTET COVID-19

#### A. PEMBUKAAN SEMPADAN NEGARA

1. Mesyuarat Kuartet Ke-13 hari ini antara lain memberi tumpuan terhadap pembukaan sempadan negara. Selari dengan arahan Kuartet pada 8 Februari, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama beberapa Kementerian serta agensi termasuk Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC); Kementerian Luar Negeri (MOFA); Kementerian Dalam Negeri; Kementerian Pertahanan; Kementerian Pengangkutan (MOT); Agensi Pengurusan Bencana Negara; Majlis Keselamatan Negara; Jabatan Imigresen Malaysia; Jabatan Kastam Diraja Malaysia; Malaysia Airports Holding Berhad; Malaysia Convention & Exhibition Bureau; Malaysia Airlines; dan Tourism Malaysia telah duduk semeja pada Sabtu, 26 Februari 2022.
2. Susulan itu, **satu keputusan secara prinsip telah dicapai iaitu pembukaan semula sempadan negara merupakan satu keperluan.** Ini bersandarkan kepada tiga perkara asas:
  - i. Memberi keselesaan kepada pengembara dan tidak merumitkan perjalanan mereka.
  - ii. Berpandukan sains dan fakta terkini berkaitan COVID-19.
  - iii. Membandingkan keperluan pembukaan sempadan dengan negara-negara lain.
3. Mengambil kira keputusan prinsip berkenaan, Kementerian dan agensi berkaitan sedang memperincikan protokol termasuk pra pelepasan dan ketibaan ke dalam negara. Sebaik sahaja protokol tersebut dimuktamadkan dan kebenaran diberikan, rakyat Malaysia boleh pergi ke negara yang turut telah membuka sempadannya.
4. Kabinet pada awal Februari turut telah bersetuju dengan pembukaan sempadan negara. **Cadangan tarikh untuk melaksanakannya juga telah ada dan ia akan diumumkan oleh YAB Perdana Menteri.**
5. Selain itu, terdapat satu lagi kaedah untuk rakyat pergi ke luar negara iaitu menerusi skim *Vaccinated Travel Lane (VTL)*. **Skim ini membolehkan pergerakan keluar dan masuk antara Malaysia dengan negara yang masih menutup pintu sempadannya.**
6. Buat masa ini skim VTL telah dimanfaatkan antara Malaysia-Singapura. Perdana Menteri juga telah umum skim VTL antara Malaysia-Thailand dan Malaysia-Brunei bakal dilaksanakan dalam masa terdekat. Dalam masa sama, MOFA dan MOT juga sedang meneliti negara-negara yang berpotensi untuk dimasukkan dalam senarai skim VTL dari masa ke masa.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **B. PERKEMBANGAN GELOMBANG OMICRON**

7. Mesyuarat Kuartet hari ini turut meneliti perkembangan terkini penularan COVID-19 terutama Omicron. Mengambil kira taklimat oleh KKM sebentar tadi, **hasil pemantauan rapat terhadap penularan varian ini, kita dapat melihat *decoupling trend* iaitu buat masa ini bilangan kemasukan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) dan kematian akibat COVID-19 ialah 80 hingga 90 peratus lebih rendah berbanding pelaporan pada Ogos tahun lalu walaupun kes lebih tinggi ketika ini.**
8. **KKM akan terus memantau *decoupling trend* ini untuk 2 minggu mendatang untuk melihat sama ada ia berkekalan atau berubah untuk diambil kira dalam melaksanakan kelonggaran-kelonggaran tambahan pada masa akan datang.**
9. Dalam pada masa, penting juga untuk dimaklumkan kepada umum, kadar penggunaan katil di ICU dan alat bantuan pernafasan masih mencukupi. Diakui kadar penggunaannya sedikit meningkat, namun seperti dimaklumkan oleh Menteri Kesihatan, YB Khairy Jamaluddin, ia disebabkan sebahagian pesakit COVID-19 kategori 1 dan 2 dinasihatkan untuk menjalani isolasi di hospital bagi mendapatkan pemantauan lebih rapi.
10. Buat masa ini gelombang Omicron tidak akan menyebabkan Kerajaan melaksanakan semula sekatan secara besar-besaran. Salah satu sebabnya ialah kerana ramai rakyat telah menerima vaksinasi lengkap. Lebih 97.5% dewasa telah menerima dua dos vaksin, 62% dewasa telah menerima dos penggalak, 90% remaja telah divaksin dan program vaksinasi untuk kanak-kanak juga giat dilaksanakan.
11. Vaksinasi tidak boleh menghalang seseorang daripada dijangkiti COVID-19, namun ia merupakan langkah keselamatan yang amat penting bagi mengurangkan risiko mengalami gejala lebih teruk dan mengurangkan risiko kematian.
12. Mengambil kira data-data yang dikeluarkan KKM, vaksin berkesan dalam mengurangkan risiko berkenaan. Atas sebab itu, Kerajaan amat menggalakkan rakyat untuk segera mendapatkan dos penggalak terutama golongan berisiko seperti warga emas dan mereka yang mempunyai sakit kronik. Penting untuk seramai mungkin rakyat termasuk kanak-kanak divaksin kerana kita tidak akan benar-benar selamat selagi semua orang belum selamat.

### **C. PERKEMBANGAN FASA 'PERALIHAN KE ENDEMIK'**

13. Perkembangan usaha menuju ke Fasa 'Peralihan Ke Endemik' turut disentuh dalam Mesyuarat Kuartet tadi. Seperti saya umum sebelum ini, Kuartet telah bersetuju bahawa negara memerlukan satu *exit strategy* iaitu Fasa 'Peralihan Ke Endemik'.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

14. Saya perlu tekankan sekali lagi, **fasa ini merupakan fasa transisi atau peralihan sebagai persediaan sebelum kita melangkah masuk ke fasa endemik sepenuhnya. Fasa endemik penuh tersebut tertakluk kepada pengumuman yang hanya boleh dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO).**
15. Terdapat 7 tonggak yang harus dipenuhi bersama di Fasa 'Peralihan Ke Endemik' ini. Ini kerana, sebaik sahaja Kerajaan mengumumkan Fasa 'Peralihan Ke Endemik', maka usaha melindungi diri daripada virus ini lebih bergantung kepada disiplin sendiri rakyat (*self-discipline*).
16. Antaranya, segera lakukan ujian pengesanan COVID-19 sekiranya bergejala – ini di bawah tonggak ketiga iaitu *National Testing Strategy*; Jadikan ujian pengesanan COVID-19 sebagai rutin dan lapor setiap keputusan dalam MySejahtera – ini tonggak keempat iaitu TRIIS.
17. Duta-Duta Pemerksaan Komuniti yang juga merupakan tonggak ketujuh perlu memainkan peranannya. Sebentar tadi, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa telah memaklumkan kepada Kuartet bahawa Kementerian beliau sedang melakukan persiapan rapi bagi memastikan perancangan berkaitan Duta-Duta Pemerksaan ini dapat dijayakan sebaiknya. Ini penting untuk mendidik masyarakat seterusnya memastikan rakyat biasa dengan amalan, langkah-langkah keselamatan, setiap SOP serta garis panduan di Fasa berkenaan.
18. Kerajaan juga ambil maklum bahawa rakyat melihat banyak negara telah memberi pelbagai kelonggaran. Inilah juga yang sedang Kerajaan usahakan bagi mengurangkan gangguan dan memberi lebih kebebasan kepada rakyat. Sekolah telah dibuka, rentas negeri telah dibenarkan, malah sempadan negara bakal dibuka tidak lama lagi. Kerajaan tidak akan menariknya semula.
19. Namun bagi negara kita, keutamaan Kerajaan terutama Kuartet adalah membuka secara selamat atau *Reopening Safely*. Ini juga selari dengan titah Baginda Yang di-Pertuan Agong semalam agar peralihan negara menuju fasa endemik dibuat secara berhati-hati.
20. Ini bermakna, di Fasa 'Peralihan Ke Endemik' kelak, rakyat akan lebih bebas namun langkah-langkah keselamatan, SOP serta garis panduan masih perlu dipatuhi dengan penuh disiplin. Ia termasuklah pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal dan penjagaan kebersihan diri.

**PENGERUSI MESYUARAT MENTERI KUARTET COVID-19  
1 MAC 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### 1 SOP DAN 9 GARIS PANDUAN DI FASA 'PERALIHAN KE ENDEMIK'

1. Lebih dua tahun negara terpaksa berperang dengan pandemik COVID-19 serta pelbagai impaknya, bukan sahaja daripada sudut perubatan, tetapi juga ekonomi dan kesihatan mental. Biarpun kita belum menang sepenuhnya namun kita juga tidak lagi dikuasai sepenuhnya oleh virus ini.
2. Semalam YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob telah membuat pengumuman penting dan besar iaitu negara akan memasuki Fasa 'Peralihan ke Endemik' berkuatkuasa 1 April 2022. Ini bakal menjadi permulaan baharu buat negara.
3. Selain pembukaan sempadan negara yang dinanti-nantikan rakyat terutama yang sekian lama terpisah dengan suami, isteri mahupun ahli keluarga, **penting juga untuk kita semua ambil maklum bahawa dalam Fasa ini, terdapat 1 Prosedur Operasi Standard (SOP) dan 9 Garis Panduan.** Ia merupakan salah satu daripada 7 Tonggak yang paling penting di fasa berkenaan terutama dalam usaha negara menuju kehidupan yang hampir normal.

### 1 PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

4. Secara asasnya, 1 SOP di Fasa 'Peralihan Ke Endemik' ini telah dipermudahkan daripada 181 SOP Pelan Pemulihan Negara (PPN). **Biarpun hanya 1 SOP, namun ia masih AKAN DIKUATKUASAKAN di bawah Akta 342 bermula 1 April ini.**
5. 1 SOP tersebut mengandungi 10 keperluan iaitu:
  - i. Memakai **pelitup muka** ketika di tempat awam.
  - ii. **Waktu operasi** mengikut lesen/permit.
  - iii. Menjaga **kebersihan tangan.**
  - iv. Melakukan ujian pengesanan COVID-19 berdasarkan **National Testing Strategy.**
  - v. **Menguruskan kes yang disyaki atau disahkan** mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
  - vi. Menggunakan MySejahtera dan MySJTrace untuk **pendaftaran kemasukan.**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

- vii. Memastikan **penjarakan fizikal 1 meter**.
  - viii. Memastikan **pengudaraan** dan sistem ventilasi yang baik.
  - ix. Memastikan **kebersihan premis**.
  - x. Mematuhi **keperluan vaksinasi** untuk aktiviti tertentu.
6. Kesemua 10 keperluan ini sudah biasa diamalkan oleh orang ramai dalam Fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN). Atas sebab itu, saya percaya setiap lapisan masyarakat boleh untuk terus melaksanakannya dengan sebaik mungkin.

### 9 GARIS PANDUAN

7. Dalam pada itu, seiring dengan Fasa 'Peralihan ke Endemik' di mana kita harus belajar hidup bersama dengan virus COVID-19 dan lebih mengutamakan disiplin sendiri, adalah amat penting untuk kita memahami risiko penularan COVID-19 serta mengamalkan langkah pencegahan.
8. Susulan itu, selain 1 SOP, 9 Garis Panduan juga telah dibangunkan bagi membantu rakyat membuat pilihan lebih selamat ketika menjalankan aktiviti harian demi menjaga keselamatan diri, keluarga dan orang sekeliling.
9. Penting untuk saya maklumkan, **9 Garis Panduan ini TIDAK AKAN DIKUATKUASAKAN**. Sebaliknya, ia menjadi panduan yang **AMAT DIGALAKKAN** untuk dipatuhi supaya rakyat dapat kekal berwaspada dengan risiko jangkitan COVID-19 apabila melakukan aktiviti-aktiviti tertentu.
10. 9 Garis Panduan ini merangkumi:
  - i. Pengangkutan dan Perjalanan
  - ii. Pendidikan dan Penjagaan
  - iii. Aktiviti Peruncitan, Makanan dan Minuman
  - iv. Ruang Kerja Tertutup
  - v. Kawasan Kerja Terbuka
  - vi. Acara, Majlis, Hiburan dan Tarikan Pelancong
  - vii. Hotel dan Penginapan Tetamu
  - viii. Keagamaan, Perkahwinan dan Pengebumian
  - ix. Aktiviti dan Fasiliti Sukan, Rekreasi & Riadah.
11. Untuk setiap Garis Panduan berkenaan, terdapat dua perincian iaitu cara penilaian risiko penularan COVID-19 serta gejala COVID-19 dan cara mengamalkan SOP dengan betul.





MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

12. Bagi memudahkan lagi masyarakat memahami dengan lebih lanjut 1 SOP, 9 Garis Panduan serta Fasa 'Peralihan Ke Endemik' secara keseluruhannya, satu laman sesawang dengan kerjasama rapat Majlis Keselamatan Negara (MKN) sedang dibangunkan dan telah pun dalam peringkat akhir. Ia dijangka dapat diakses dua minggu sebelum 1 April sekaligus boleh membantu masyarakat membuat persiapan sebelum fasa tersebut bermula. Saya akan maklum kepada umum apabila laman sesawang berkenaan telah boleh diakses.
13. Setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh ahli Keluarga Malaysia yang mendokong setiap usaha Kerajaan menangani COVID-19. Ini termasuklah mematuhi SOP serta mendapatkan suntikan vaksin dan dos penggalak. Keupayaan negara memasuki Fasa 'Peralihan Ke Endemik' 1 April ini merupakan hasil usaha bersama. Marilah kita meneruskan momentum yang baik ini demi melindungi diri dan insan tersayang daripada COVID-19.

**PENGERUSI MESYUARAT MENTERI KUARTET COVID-19**  
**9 MAC 2022**



SENIOR MINISTER OF DEFENCE  
MALAYSIA

## PRESS STATEMENT

### MUCH ANTICIPATED RETURN OF DSA 2022 & NATSEC ASIA 2022

1. Last held in 2018, nearly 4 years ago, **Defence Services Asia (DSA) 2022 and National Security (NATSEC) Asia 2022**, will be held in MITEC, starting tomorrow on **Monday, 28 March to Thursday, 31 March 2022**. Over the next four days, DSA 2022 and NATSEC Asia 2022 will be held in accordance with prevailing health protocols and guidelines.
2. With the theme, ***Advancing into a New Era of Defence and Security***, the concurrently-held 17<sup>th</sup> DSA 2022 and 2<sup>nd</sup> NATSEC Asia 2022 are **jointly hosted, supported and co-organised by the Ministry and Defence (MINDEF) and Ministry of Home Affairs (MOHA)** as well as the Malaysian Armed Forces (MAF).
3. DSA and NATSEC Asia 2022 is the **first and biggest international event** in the country since the pandemic, and is timely as Malaysia enters the 'Transition to Endemic' Phase on April 1st.
4. It is expected that **25,000 visitors from more than 50 countries** and regions will be participating; including some **4,800 international visitors** comprising experts, exhibitors, delegates, government officials, captains of industries and foreign journalists.
5. Importantly, Malaysia will play host to over **350 Foreign VVIP Delegates from 45 countries** and regions made up of Defence Ministers, Home Ministers, Armed Forces Chiefs and Inspector Generals of Police, Service Chiefs of the Army, Navy and Air Force along with Director-Generals and Heads of Cyber-Security Agencies.
6. We are also proud to state that **1,170 companies from 54 countries** will be participating over the next 4 days to showcase the most sophisticated hardware and electronics of land, air and sea; along with cutting-edge technology in the areas of cyber domains, border protection, citizen identification, artificial intelligence, battlefield healthcare, training and simulation systems, police and homeland security peripherals, as well as protection systems of critical assets.



SENIOR MINISTER OF DEFENCE  
MALAYSIA

## PRESS STATEMENT

7. Furthermore, there will be **20 Country Group Pavilions** by countries which include Malaysia, Austria, Azerbaijan, Czech Republic, France, Germany, Indonesia, India, Italy, Norway, Pakistan, Slovakia, Spain, Republic of Korea, Switzerland, People's Republic of China, the Netherlands, Turkiye, United Kingdom and the United States.
8. A key feature of the four-day event will be the **Putrajaya Forum 2022** on Tuesday, 29th March, organised by The Malaysian Institute of Defence and Security (MiDAS) and MINDEF Malaysia held in conjunction with DSA 2022 and NATSEC Asia 2022. The forum will focus on "**Shared Regional Responsibility**" over two sessions, titled "*Adapting to Regional Security Evolution*" and "*Security Without Borders*" respectively.
9. As the Defence Ministers of Indonesia and Philippines will be attending physically, Malaysia will also be hosting the **Trilateral Cooperative Arrangement (TCA) Ministerial Meeting** on the sidelines of DSA tomorrow, 28th March. This will be the **first time all 3 Defence Ministers of the TCA will formally meet since September 2018** in Manila; and will serve as an important avenue for shared security concerns in common maritime areas between our countries to be addressed at the Ministerial level.
10. After successfully running for more than 3 decades since 1988; the long-awaited return of DSA and NATSEC this time will be the first and biggest international event hosted by Malaysia as we enter the '*Transition to Endemic*' Phase on April 1st. As one of the leading defence and security shows in the world, the next 4 days will send a strong signal to the world that Malaysia is open for business and is the ideal destination for investments and trade - a much-needed catalyst to spur and contribute to our recovery efforts.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**SENIOR MINISTER OF DEFENCE**  
**27 MARCH 2022**



SENIOR MINISTER OF DEFENCE  
MALAYSIA

## PRESS STATEMENT

### MOU AND CONTRACTS WORTH RM4.6 BILLION FOR THE MINISTRY OF DEFENCE SIGNED AT DSA & NATSEC ASIA 2022

1. The signing ceremony of Contract Documents, Memoranda of Understanding (MoU) and the handing over of the Letters of Acceptance (LOA) and Letters of Intent (LOI) by the Ministry of Defence (MINDEF), Malaysia was hosted today by Defence Services Asia (DSA) Exhibition & Conference 2022 and National Security (NATSEC) Asia 2022.
2. I am proud to report that a total of **54 signings worth RM 4.6 billion** for MINDEF was successfully achieved during DSA & NATSEC 2022. The breakdown of these are as follows:
  - i. 20 LOAs (RM 1.14 billion)
  - ii. 24 Contracts (RM 3.32 billion)
  - iii. 7 LOIs (RM 152.79 million)
  - iv. 3 MoUs
3. In addition, I would like to also highlight on-going procurement of new assets for the Malaysian Armed Forces (MAF). For the **Malaysian Army**, the assets are **Armoured Personal Carrier (APC)** to be deployed with MALBATT 850 in Lebanon; **155mm Self-Propelled Howitzers, Logistic Support Bridges** for the Royal Army Engineers; **3-tonne GS Cargo Trucks** for mobility and logistics; and **Light Anti-Tank Weapon (LAW) Anti Structure** for the Special Forces.
4. For the **Royal Malaysian Navy (RMN)**, the new assets that are in the pipeline are **3 Italian-made AW 139 utility helicopters**. A second batch of **3 Littoral Mission Ships (LMS)** that will be equipped with more sophisticated weapon systems to complement the existing 4 LMS' is also planned for next year subject to approval by the Economic Planning Unit (EPU). Additionally, **13 Fast Interceptor Crafts (FIC)** are also in the process of procurement.
5. Procurements for the **Royal Malaysian Air Force (RMAF)** currently underway are **36 new Fighter-Lead-In-Trainer/Light Combat Aircraft (FLIT-LCA)** to be acquired over 2 Phases of 18 aircrafts each. This will replace the MiG-29N/UB that have ceased operations in 2017; the HAWKs that will have been in service for 32 years by 2026; and the Aermacchi (MB-339CM) that will have also been in service for 22 years by 2030.
6. In addition, plans are in place to procure **3 long-range air defence radars (LORAD); medium-range air defence radar (MERAD); Unmanned Aerial Surveillance (UAS); Medium Altitude Long Endurance Unmanned Aerial Surveillance (MALE-UAS) and Maritime Patrol Aircrafts (MPA).**



SENIOR MINISTER OF DEFENCE  
MALAYSIA

## PRESS STATEMENT

7. Under the Maritime Security Initiative (MSI), **3 CN235-220M** aircrafts are currently in the process of being **upgraded** to fulfil the role of **Maritime Surveillance Aircrafts (MSA)** that will be capable of conducting Intelligence, Surveillance and Reconnaissance (ISR) duties.
8. Furthermore, as requested by the *end-users* (RMAF) themselves using the *Government Operate, Company Own and Maintain* (GOCOM) method, we are currently leasing 4 AW139 helicopters as a short-term measure to address the NURIs that have been decommissioned. Apart from GOCOM, plans are already in place to procure **24 new helicopters** to address the decommissioned NURIs from 2026 onwards with **12 helicopters to be acquired in Phase 1 (13<sup>th</sup> RMK from 2026-2030)**, and **12 more helicopters to be acquired in Phase 2 (14<sup>th</sup> RMK from 2031-2035)**.
9. I would like to emphasise that despite the economic impact of the pandemic; and working within the budget allocated to MINDEF and MAF, both the Ministry and Military are committed, working hand-in-hand, to ensure our defence and security readiness remains at an optimum level.
10. The success of DSA & NATSEC 2022 over the last 3 days also highlights the strong partnership that exists between MINDEF, MAF and the defence industry as symbolized by today's MOU & Contract signing ceremony.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**SENIOR MINISTER OF DEFENCE**  
**30 MARCH 2022**



SENIOR MINISTER OF DEFENCE  
MALAYSIA

## PRESS STATEMENT

### DSA & NATSEC ASIA 2022 IS A RESOUNDING SUCCESS SIGNALLING MALAYSIA IS OPEN FOR BUSINESS

#### **A. SUCCESSFUL CONCLUSION OF DSA & NATSEC ASIA 2022**

1. Defence Services Asia and NATSEC Asia 2022 which is globally recognised as one of the top five defence and national security exhibitions in the world, concluded today at the Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC).
2. The four-day event – the first and largest international event since the pandemic began, saw the signing of contracts, Memorandums of Understanding, Letters of Agreement, Letters of Intent and joint venture agreements worth more than RM6 billion, strengthening regional and bilateral cooperation between ASEAN nations and the global defence and national security industry.
3. DSA & NATSEC Asia 2022, jointly organised, hosted and supported by the Defence and Home Affairs ministries, as well as the Malaysian Armed Forces, was the biggest event of its kind to be held in Malaysia in recent times. Even though it was not open to public, a total of 33,147 trade visitors were recorded as of yesterday, in addition to the 350 VIP and VVIP delegations as well as over 1000 participating companies and more than 20 international pavilions.

#### **B. DEFENCE MINISTERS' BILATERAL MEETINGS ON THE SIDELINES OF DSA 2022**

4. In total, I have met with **5 Ministers of Defence**; H.E Bapak Prabowo from Indonesia; H.E Delfin Lorenzana from Philippines; H.E Ng Eng Hen from Singapore; H.E Pehin Awang Halbi from Brunei and H.E Uza Mariya Didi from Maldives.
5. On the **bilateral meeting with Indonesia**, we have agreed to convene the General Border Committee MALINDO meeting in July 2022 to discuss the progress of joint border posts. Malaysia will also study the Bandung model in developing our own domestic defence industry.
6. The **bilateral meeting with Brunei** saw both Defence Ministers agreeing to further explore defence cooperation particularly in joint exercises on terrorism. Secondly, we will also explore the possibility of increasing the number of Royal Brunei Armed Forces personnel under Malaysia's United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL). Separately, one notable outcome from the **bilateral meeting with Maldives** is to provide more training seats to the Maldives Armed Forces as well as



SENIOR MINISTER OF DEFENCE  
MALAYSIA

## PRESS STATEMENT

discussing their proposal to have an MoU on defence cooperation with Malaysia. The **bilateral meeting with Philippines and Singapore** also reaffirmed the strong cooperation and long-standing relations between the two countries.

7. These successes are a testament to the importance of events such as DSA & NATSEC Asia as it brings together policy makers, defence and security agencies, think tanks and academicians to discuss and share knowledge to promote understanding on Regional and International defence and security issues.

### **C. COLLABORATION BETWEEN LTAT-PT PINDAD.**

8. DSA & NATSEC Asia 2022 also saw the historic moment of the signing of the Memorandum of Collaboration (MoC) between the Armed Forces Fund Board (LTAT) and PT PINDAD (Persero) on 28<sup>th</sup> March 2022.
9. This MoC is a big first step for Malaysia and Indonesia **to synergize and build collaboration** so that both countries can **leverage on their respective strengths and expertise** in the defence industry.
10. As a major institutional investor in Malaysia, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) has a unique role to play in the defence industry. Apart from investing in defence businesses to generate financial return for the fund, it has a catalytic role to consolidate, institutionalise and transform the defence industry into a major contributor to Malaysia's economy.

### **D. ANNOUNCEMENT OF 18<sup>TH</sup> DSA AND 3<sup>RD</sup> NATSEC ASIA IN 2024.**

11. I would also like to announce that plans are already under way to prepare for the next edition of these events, which will be held in two years. DSA and NATSEC Asia 2024 are slated to be held from 6-9 May 2024 at MITEC.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**SENIOR MINISTER OF DEFENCE**  
**31 MARCH 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI MERANGKUMI PEGAWAI, ANGGOTA DAN VETERAN ATM**

1. Kementerian Pertahanan (MINDEF) menyambut baik pengumuman YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob semalam bahawa Kerajaan bersetuju untuk memberi Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri sebanyak RM500 kepada penjawat awam dan RM250 kepada pesara Kerajaan.
2. **Susulan dari pengumuman tersebut, sukacitanya saya ingin memaklumkan, menerusi Mesyuarat Kabinet hari ini, adalah disahkan bahawa bantuan khas kewangan ini turut akan merangkumi pegawai dan anggota serta veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) sama ada berpencen mahupun tidak berpencen.**
3. **Dijangkakan seramai 120,615 orang pegawai dan anggota yang sedang berkhidmat, serta lebih kurang 200,000 orang veteran ATM bakal menerima manfaat bantuan khas kewangan ini.**
4. Bagi veteran ATM yang masih belum berdaftar dengan JHEV, disarankan agar segera melakukan pendaftaran dengan JHEV sekaligus membolehkan manfaat bantuan khas kewangan ini dinikmati.
5. Kementerian Pertahanan percaya, bantuan khas kewangan ini sedikit sebanyak akan dapat membantu anggota dan veteran ATM melakukan persiapan menjelang sambutan perayaan pada 1 Syawal.
6. Bagi pihak warga MINDEF dan ATM, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, YB Menteri Kewangan serta Kabinet kerana mengambil kira anggota dan veteran ATM dalam pemberian Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri ini serta bantuan-bantuan lain sebelum ini.
7. Ini bukan sahaja menggambarkan keprihatinan terhadap soal kebajikan warga ATM tetapi juga menyerlahkan penghargaan yang tidak berbelah bahagi terhadap jasa serta pengorbanan para anggota dan veteran ATM kepada negara.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN  
MENTERI KANAN PERTAHANAN**

**6 APRIL 2022**





MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### A. MEMPERKUKUH AGENDA KEBAJIKAN

1. Dalam usaha menambahbaik aspek kebajikan dan kesejahteraan anggota, veteran ATM serta ahli keluarga mereka, hari ini saya telah mengumumkan beberapa inisiatif baharu.
2. Pertama, pencazum Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dibenarkan membuat dua jenis pengeluaran mulai 15 April 2022.
  - i. **Pengeluaran Haji dengan jumlah maksimum RM10,000.** Dengan syarat, telah menerima surat pengesahan tawaran mengerjakan Haji dari Lembaga Tabung Haji serta telah mencarum sekurang-kurangnya 15 tahun dengan LTAT.
  - ii. **Pengeluaran pendidikan dengan jumlah maksimum RM3,200.** Ini bagi membantu pencazum yang mengikuti peringkat pengajian tinggi (Diploma, Ijazah, Ijazah Sarjana atau PHD) di universiti awam membuat bayaran balik jumlah yuran pendaftaran untuk semester 1.
3. Kedua, **Bayaran Persinggahan Pelabuhan Luar Negara** kepada anak kapal TLDM mengikut penjadualan kini telah **dinaikkan daripada RM20 kepada RM50 sehari.**
4. Ketiga, anggota ATM yang berumur 45 tahun yang bakal menamatkan perkhidmatan bukan sahaja bakal menikmati **Faedah Gantian Cuti Rehat (FGCR) yang telah dinaikkan daripada maksimum 150 hari kepada 160 hari** tetapi juga **dibenarkan menikmati bayaran pendahuluan yang bersamaan dengan 80 hari cuti tanpa perlu menunggu sehingga benar-benar tamat perkhidmatan.**
5. Keempat, perancangan baru bagi **menambahbaik aspek pendidikan anak-anak warga ATM sedang diperincikan** dan bakal diumumkan tidak lama lagi. Ini termasuk penambahbaikan infrastruktur di 38 buah sekolah dalam kem ATM, pusat tuisyen, biasiswa dan beberapa lagi inisiatif.
6. Dalam pada itu, saya telah **arah Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) agar mempercepatkan pengagihan Bantuan Khas Kewangan (BKK)** berjumlah RM350 yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2022 tempoh hari.
7. Ini hanya sebahagian. Banyak lagi yang MINDEF dan ATM sedang perincikan untuk dilaksanakan pada masa akan datang. Ini soal moral dan semangat anggota dalam bertugas. Justeru, agenda kebajikan akan sentiasa dititikberatkan dan ditambah baik. InsyaAllah.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **B. PENCAPAIAN SUKU PERTAMA TAHUN 2022**

8. Saya juga ingin berkongsi beberapa pencapaian terkini gerak kerja MINDEF dan ATM untuk melaksanakan pelbagai perancangan di bawah Pelan Tindakan 2022 yang merangkumi 8 Teras ketika ini berjalan lancar. Semalam sewaktu majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, saya telah mengumumkan bagi suku pertama tahun 2022 ini sahaja, beberapa inisiatif penting yang disasarkan tahun ini telah dapat dilaksana serta diselesaikan antaranya:
9. Pertama, daripada 7 projek Rumah Keluarga Malaysia Angkatan Tentera (RKMAT) yang merangkumi 1,081 unit rumah yang saya umum Januari lalu, 3 telah selesai. Ini termasuklah 305 unit RKMAT Kem Segamat; 204 unit RKMAT Kem Pakit; dan 20 unit RKMAT Kem Oran.
10. Tumpuan ketika ini ialah untuk selesaikan 4 lagi projek RKMAT tahun ini. Bukan itu sahaja, MINDEF mempunyai perancangan lebih besar iaitu membina 12,000 unit RKMAT baru dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-12 dan ke-13 di bawah Blueprint Perumahan 3.0.
11. Kedua, usaha menambahbaik kadar dividen LTAT mula membuah hasil apabila YAB Perdana Menteri telah umum pada 6 Mac lalu, dividen LTAT bagi tahun 2021 ialah 4.1 peratus iaitu yang tertinggi sejak tahun 2019.
12. Fokus seterusnya ialah pindaan Akta Tabung Angkatan Tentera (TAT) bagi membolehkan tabung persaraan yang diuruskan LTAT dijamin sepenuhnya oleh Kerajaan. Kabinet telah memberi kelulusan secara prinsip dan ia akan dibawa ke Parlimen untuk dipinda pada tahun ini juga. Demi kepentingan penjarum, terdapat dua perkara yang diberi penekanan dalam Pindaan Akta TAT ini.
  - i. Pertama: memberikan fleksibiliti agar penjarum tentera boleh memilih untuk meningkatkan kadar caruman syer pekerja/individu lebih daripada 10%;
  - ii. Kedua: membenarkan penjarum memilih untuk terus menabung dengan LTAT walaupun sudah tamat perkhidmatan.
13. Ketiga, kesemua 4 buah *Littoral Mission Ship (LMS)* untuk Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah diterima dan selesai ditauliahkan. Malah, MINDEF telah memulakan perancangan serius untuk melaksanakan perolehan LMS Batch Kedua. Ia akan bermula dengan 3 buah dan bakal dilengkapi sistem persenjataan lebih canggih.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

14. Keempat, kesemua 6 helikopter MD-530G untuk kegunaan Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD) telah selamat tiba di tanah air pada 21 Februari 2022 dan telah berada dalam proses penerimaan (*Final Acceptance Test (FAT)*) bagi keenam-enam helikopter berkenaan.
15. Kelima, perancangan untuk mempertingkatkan *Trilateral Cooperative Arrangement (TCA)* ke peringkat Menteri Pertahanan Malaysia, Indonesia dan Filipina telah selesai dimuktamadkan di DSA 2022. Malah, ketiga-tiga rakan sejawat juga sepakat untuk meluaskan penglibatan negara dalam TCA dengan melibatkan Brunei Darussalam dan kini hanya menunggu perkenan KDYMM Baginda Sultan Brunei.
16. Keenam, penganjuran DSA 2022. Gembira untuk saya nyatakan sekali lagi, DSA 2022 akan kekal dalam lipatan sejarah sebagai acara antarabangsa pertama yang berjaya sejak negara dilanda pandemik. Biarpun tidak dibuka kepada umum, ia telah menarik kehadiran lebih 35,000 pelawat perdagangan, 350 delegasi VIP dan VVIP, lebih 1,000 syarikat dan lebih 20 pavilion antarabangsa. Dalam masa sama, sebanyak 54 MoU dan Kontrak telah ditandatangani untuk MINDEF dengan jumlah keseluruhan RM4.6 billion.
17. Perkongsian pencapaian bagi suku pertama MINDEF dan ATM adalah penting demi memastikan apa yang telah diumumkan, benar-benar berada di landasan dan menunjukkan keseriusan kepimpinan MINDEF dan ATM untuk memberikan yang terbaik buat warganya, rakyat Malaysia dan tanah air.
18. Saya, kepimpinan tertinggi dan seluruh warga MINDEF serta ATM akan terus berusaha mengekalkan momentum ini bagi memastikan setiap perancangan tahun ini dapat dijayakan sebaiknya. InsyaAllah.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**

**14 APRIL 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### STATUS TERKINI LCS: KABINET SEBULAT SUARA LULUS PROJEK PEROLEHAN LCS DITERUSKAN

1. Dalam usaha menyelesaikan isu perolehan kapal *Littoral Combat Ship* (LCS), ia satu perjalanan yang panjang dan mencabar. **Sesi PAC mengenai LCS telah diadakan sebanyak 10 kali** di mana **saya sendiri dipanggil menghadap PAC pada 25 Januari** lalu selain telah **menjawab soalan tentang LCS di Dewan Rakyat sebanyak 10 kali**.
2. Selain itu, mendapatkan konsensus dan kerjasama semua pihak berkepentingan dalam **Jawatankuasa Khas Kabinet** yang dipengerusikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Mustapha Mohamed termasuk Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Boustead Naval Shipyard (BNS), *Implementation Coordination Unit* (ICU), *Economic Planning Unit* (EPU) dan Jabatan Peguam Negara juga merupakan salah satu usaha yang amat penting.
3. Sesi **lawatan tapak di Lumut, Perak pula telah diadakan sebanyak 9 kali oleh stakeholders utama** - 2 kali oleh Menteri Pertahanan sebelum ini (YAB Dato' Sri Ismail Sabri dan YB Mohamad Sabu), sekali oleh Jawatankuasa Khas Kabinet, sekali oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, sekali oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dan 4 kali oleh LTAT, Ketua Setiausaha (KSU) serta Timbalan KSU.
4. Alhamdulillah, selepas segala usaha dan pendekatan ini, hari ini menerusi Mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan YAB Perdana Menteri, **Kabinet sebulat suara memuktamadkan supaya projek perolehan LCS diteruskan**.
5. Keputusan ini dibuat Kabinet setelah mengambil kira dua faktor utama:-
  - i. Pertama, **LCS sememangnya aset yang amat dimahukan dan diperlukan oleh TLDM**. Bukan sahaja untuk memenuhi perancangan pemodenan TLDM di bawah Transformasi 15 to 5, malah lebih penting untuk meningkatkan kesiapsiagaan pasukan armada kita serta menambahbaik usaha memelihara kepentingan maritim negara. Saya percaya keputusan hari ini dapat meningkatkan lagi moral dan semangat anggota TLDM untuk terus berjuang demi kedaulatan tanah air.
  - ii. Kedua, **terdapat 400 vendor yang terlibat dalam projek ini dengan implikasi kewangan lebih RM4 billion**. Daripada jumlah ini:
    - Lebih 100 daripadanya adalah syarikat milik rakyat Malaysia. 90% daripadanya ada hubung kait dengan veteran.
    - Majoriti mereka berada di Lumut terutama pekerja berkemahiran/pakar/ahli keluarga mereka.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

6. Jadi, keputusan ini juga merupakan sebahagian daripada usaha membela kebajikan veteran ATM, isteri, anak serta ahli keluarga mereka. Saya ambil maklum, vendor-vendor ini mengikuti rapat perkembangan usaha menyelesaikan isu LCS ini dan mereka pastinya gembira dengan keputusan ini.
7. Dengan keputusan ini, tiada lagi persoalan sama ada perolehan LCS akan diteruskan ataupun tidak. Kini, semua pihak yang berkepentingan boleh bergerak ke hadapan dan fokus untuk menjayakannya.
8. Paling penting, setiap mekanisma penambahbaikan yang dicadangkan khususnya oleh Jawatankuasa Khas Kabinet harus dilaksanakan sebaik mungkin supaya perancangan dan garis masa yang ditetapkan kali ini dapat ditepati sepenuhnya.
9. Komitmen lebih besar ialah memastikan segala isu ketirisan sebelum ini tidak berulang. Semua pihak yang terlibat kali ini khususnya BNS yang sedang diterajui pengurusan baru mesti memainkan peranan masing-masing dengan telus dan bertanggungjawab.
10. Kelulusan Kabinet ini hanyalah peringkat permulaan yang baik. Namun, terdapat beberapa lagi langkah ke hadapan untuk melengkapkan Pelan Pemulihan antaranya "Proses Mobilisasi" dalam tempoh 6 bulan mendatang. Ini akan melibatkan rundingan antara bank, vendor dan pihak OEM. Tidak terkecuali, rundingan dengan pihak Perancis daripada segi reka bentuk dan komitmen Kerajaan Perancis. Ini semua bermula sekarang.
11. Dalam masa yang sama, agensi-agensi lain yang berkaitan termasuk SPRM juga digesa untuk mempercepatkan peranan masing-masing bagi memastikan setiap proses yang perlu dilalui berjalan lancar.
12. **Kabinet akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Tadbir Urus Khas yang bakal dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan serta KSU Kementerian Pertahanan.** Jawatankuasa ini ditugaskan memantau secara dekat terutama proses dalam tempoh 6 bulan mendatang dan melaporkan perkembangannya kepada Kabinet pada setiap bulan.
13. Saya juga ingin tegaskan, **keputusan meneruskan projek LCS tidak bermakna pihak yang terlibat salah laku dalam projek sebelum ini akan terlepas begitu sahaja.** SPRM telah menahan reman dua CEO sebelum ini dan SPRM juga digesa untuk mempercepatkan siasatan. Siapa jua yang bersalah pasti akan dihadapkan ke muka pengadilan.
14. Perincian lebih lanjut tentang bagaimana projek ini akan diteruskan akan dimaklumkan dari masa ke masa.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**

**20 APRIL 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **MALAYSIA DAN REPUBLIK KOREA TANDATANGAN MEMORENDUM PERSEFAHAMAN MENGENAI KERJASAMA BIDANG PERTAHANAN**

1. Sebentar tadi saya telah mengadakan mesyuarat dua hala secara hibrid dengan rakan sejawat, Tuan Yang Terutama (TYT) Suh Wook, Menteri Pertahanan Nasional Republik Korea.
2. Mesyuarat dua hala ini amat bermakna dan membawa manfaat penting kepada kedua-dua negara khususnya dalam konteks diplomasi pertahanan apabila saya dan TYT Suh Wook telah menandatangani secara maya Memorandum Persefahaman (MoU) antara Malaysia dan Republik Korea mengenai kerjasama dalam bidang pertahanan. Ia amat menggembirakan kerana usaha ke arah MoU ini telah dilaksanakan sejak tiga tahun lepas dan akhirnya ia dapat ditandatangani hari ini.
3. MoU yang ditandatangani ini bukan sahaja akan menjadi instrumen perundangan yang akan mengukuhkan lagi kerjasama pertahanan antara kedua-dua negara. Malah, ia juga akan menjadi dokumen rujukan utama dalam interaksi, program dan aktiviti bersama antara Angkatan Tentera Malaysia dengan Angkatan Tentera Republik Korea.
4. Ia juga perkembangan yang cukup signifikan memandangkan sebelum ini hubungan pertahanan antara Malaysia dan Korea tiada persefahaman secara rasmi sekaligus menjadi kekangan untuk meningkatkan lagi kerjasama pertahanan. MoU hari ini akan menjadi penanda untuk memperkukuh hubungan pertahanan dua hala dan bagi angkatan tentera kedua-dua negara bekerjasama secara lebih erat. Ini selaras dengan komitmen berterusan Malaysia dan Republik Korea dalam usaha meningkatkan hubungan dua hala yang sedia akrab ke tahap "Perkongsian Strategik".
5. Bagi memastikan perancangan di bawah MoU ini dapat dilaksanakan dengan baik dan berjalan lancar, saya dan TYT Suh Wook juga telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kerja antara Kementerian Pertahanan kedua-dua negara yang akan menerajui pelaksanaan MoU tersebut.
6. Dengan Malaysia dan Republik Korea telah mempunyai MoU bagi kerjasama pertahanan antara angkatan tentera, inisiatif seterusnya ialah kedua-dua negara juga sedang berusaha ke arah MoU berkaitan industri pertahanan yang mana ia turut akan berkaitrapat dengan Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara (DIPKN) yang sedang dirangka oleh Kementerian Pertahanan.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

7. Sebelum ini kita telah bekerjasama dengan banyak negara rakan tradisional seperti Itali, Perancis dan Amerika Syarikat. Hari ini membuktikan Malaysia sedang berusaha memperluaskan lagi kerjasama dengan lebih banyak negara seperti Republik Korea, Turki dan India.
8. Dalam pada itu, saya juga ingin memaklumkan bahawa dalam mesyuarat tadi, saya dan TYT Suh Wook turut mengambil kesempatan berbincang mengenai kerjasama pelbagai hala, khususnya berkenaan Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM). Selaku Pengerusi Bersama bagi ADMM-Plus *Expert Working Group on Cyber Security*, kami turut menyentuh tentang ancaman keselamatan dalam domain keselamatan siber.
9. Di akhir mesyuarat, saya turut suarakan keyakinan bahawa dengan sokongan Republik Korea, inisiatif Kementerian Pertahanan mengenai Rangkaian Pertahanan Siber ASEAN (*ASEAN Cyber Defence Network - ACDN*) berupaya dilaksanakan secara lebih efektif.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**

**27 APRIL 2022**



*Siaran*  
**AKHBAR**  
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 ( ) 01/05

**MAJLIS HARI RAYA AIDILFITRI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA 2022  
BERSAMA MENTERI KANAN PERTAHANAN**

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 bersama Menteri Kanan Pertahanan, YAB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM, hari ini.

Ketibaan Menteri Kanan Pertahanan dan isteri YAM Tengku Datin Seri Marsilla Tengku Abdullah telah disambut oleh Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi bin Buang TUDM dan isteri, YAM Tengku Puteri Seri Teja Puan Sri Hajjah Tengku Muhaini binti Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah serta para Pegawai Kanan Kementerian Pertahanan dan ATM.

Majlis yang dihadiri sejumlah 2000 orang warga ATM, Kementerian Pertahanan dan veteran ATM, diadakan tahun ini setelah ia tidak dapat dilaksanakan sejak dua tahun lalu akibat penularan Pandemik COVID-19. Melalui kelonggaran penganjuran majlis-majlis rasmi serta pematuhan SOP dalam fasa Endemik ini, ia merupakan satu kesyukuran kepada ATM untuk bersama pucuk pimpinan tertinggi Kementerian Pertahanan serta warga ATM dan Kementerian di majlis berbahagia ini.

Sempena majlis ini juga, Menteri Kanan Pertahanan turut menyampaikan sumbangan yang disediakan oleh Tabung Kebajikan Angkatan Tentera kepada 35 pegawai dan anggota cedera yang turut diraikan di majlis ini. Seramai 5 daripada mereka yang masih dalam perkhidmatan dan 30 mereka yang telah bersara menerima sumbangan berkenaan.

Hadir sama di majlis ini ialah Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz dan Panglima-panglima Perkhidmatan.

-TAMAT-

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA  
16 Mei 2022**





MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **MESYUARAT MENTERI KUARTET COVID-19 CAPAI MATLAMAT BUKA SEMULA NEGARA SECARA SELAMAT DAN BERPERINGKAT**

1. Saya baru sahaja selesai mempengerusikan Mesyuarat Ke-16 Menteri Kuartet COVID-19. Penting untuk saya maklumkan, mesyuarat hari ini juga merupakan Mesyuarat Menteri Kuartet yang terakhir selepas kali pertama diadakan pada 14 September tahun lalu.
2. Sepanjang 9 bulan ini, Mesyuarat Kuartet telah menjadi antara pendekatan utama khususnya dalam usaha Kerajaan untuk membuka semula negara secara berperingkat dan selamat atau *Reopening Safely*. Matlamat utama Kerajaan di sebalik usaha ini adalah bagi membolehkan rakyat kembali dapat menjalani kehidupan seharian secara hampir normal serta belajar hidup bersama virus COVID-19.
3. Ini penting memandangkan kira-kira setahun setengah sebelum itu, ketika negara dan dunia sedang berusaha memahami dan mengkaji tentang COVID-19, rakyat juga terpaksa hidup dengan pelbagai bentuk sekatan yang ketat terutamanya semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan. Kerajaan ambil maklum bahawa ia memberi tekanan kepada banyak pihak serta sektor dan ia tidak boleh dibiarkan berlanjutan terlalu lama.
4. Namun untuk memastikan usaha *Reopening Safely* ini dapat dijayakan, ia bukan perkara yang mudah. Cabarannya besar sekaligus memerlukan banyak usaha dilaksanakan dan pelbagai pihak daripada Kementerian, agensi Kerajaan dan sektor swasta perlu dilibatkan.
5. Secara umumnya, di peringkat awal, Kuartet telah memberi tumpuan kepada usaha pembukaan semula sektor pendidikan secara berperingkat dan selamat seterusnya membolehkan sesi pengajaran dan pembelajaran kembali diadakan menerusi kaedah bersemuka di sekolah.
6. Dalam masa yang sama, Kuartet juga memperhalusi kaedah yang sesuai dan selamat untuk merancakkan semula sektor ekonomi serta membuka semula secara berperingkat dan selamat pelbagai lagi sektor lain termasuk sektor pelancongan, sektor pekerjaan, sektor industri dan pembuatan serta sektor sukan.
7. Pembukaan sempadan negeri dan negara secara berperingkat turut menjadi antara fokus utama Kuartet. Ini juga rumit memandangkan ia melibatkan pergerakan keluar masuk negeri dan negara dalam skala yang besar. Namun, hasil usahasama semua pihak termasuk rakyat sendiri, sempadan negeri telah dapat dibuka pada Oktober tahun lalu selepas kadar vaksinasi lengkap populasi dewasa telah mencapai 90%.
8. Manakala sempadan negara juga telah dibuka secara berperingkat terutama menerusi skim *Vaccinated Travel Lane (VTL)* dan pembukaan sepenuhnya sempadan negara juga telah dapat dilaksanakan pada 1 April lalu.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

9. Secara keseluruhannya, sejak Mesyuarat Menteri Kuartet diwujudkan, negara kini telah memasuki Fasa Peralihan Ke Endemik, 181 SOP yang digunapakai sejak Mac 2020 kini hanya tinggal 1 SOP asas dan 9 garis panduan; semua sektor telah dibuka; setiap perayaan telah dibenarkan untuk disambut; pelitup muka juga sudah tidak diwajibkan di tempat terbuka; malah, *check-in* menggunakan *MySejahtera* juga sudah tidak lagi menjadi kewajipan.
10. Situasi ini sekaligus merumuskan bahawa usaha-usaha yang dibuat oleh Kuartet telah membolehkan kehidupan seharian rakyat telah kembali kepada situasi hampir normal sekaligus menepati matlamat awal penubuhan Kuartet.
11. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua ahli tetap Kuartet khususnya 4 Menteri termasuk saya sendiri; Menteri Kesihatan, Menteri Kewangan serta Menteri Komunikasi dan Multimedia atas komitmen yang tinggi serta kerjasama yang amat baik sejak dari hari pertama bermesyuarat. Tidak dilupakan juga, Menteri yang turut dilibatkan secara berkala iaitu Menteri Kanan Kerja Raya, Menteri Kanan Pendidikan, Menteri Pengajian Tinggi, Menteri Pengangkutan, Menteri Sumber Manusia, Menteri Perpaduan Negara, Menteri Luar Negeri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya serta Menteri Belia dan Sukan.
12. Terima kasih juga Majlis Keselamatan Negara sebagai peneraju dan semua 29 agensi serta pasukan beruniform yang terlibat termasuk Jabatan Imigresen Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia kerana cukup komited demi memastikan setiap perancangan Kuartet dapat dimplementasikan dengan sebaik mungkin.
13. Paling utama, saya bagi pihak Kuartet mengucapkan tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh ahli Keluarga Malaysia kerana sentiasa memahami dan menyokong setiap ikhtiar Kerajaan dalam memerangi COVID-19. Melangkah ke hadapan, seperti telah dinyatakan beberapa kali sebelum ini, Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan semula sekatan besar-besaran. Justeru, diharapkan 1 SOP dan 9 garis panduan yang digunapakai ketika ini diamalkan dengan sebaik mungkin. Kekal berdisiplin, jaga kebersihan diri dan terus pakai pelitup muka apabila berada di kawasan tertutup demi keselamatan diri dan ahli keluarga.

**PENGERUSI MESYUARAT MENTERI KUARTET COVID-19**  
**MERANGKAP MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**18 MEI 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### A. BLUEPRINT PERUMAHAN 3.0

1. Sebentar tadi saya telah menyempurnakan Pra Pelancaran Blueprint Perumahan 3.0. Blueprint Perumahan 3.0 ini merupakan pelan infrastruktur perumahan yang komprehensif bagi menambahbaik agenda perumahan demi kepentingan kebajikan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM), veteran ATM serta ahli keluarga mereka dan warga awam Kementerian Pertahanan (MINDEF).
2. Penting untuk saya maklumkan, Blueprint Perumahan 3.0 ini dibina dengan bersandarkan **tiga (3) objektif utama iaitu Pembinaan, Penyelenggaraan dan Pemilikan**. Ia merupakan kesinambungan daripada Blueprint Perumahan 1.0 yang saya sendiri cadangkan dan diperkenalkan pada tahun 2017 serta Blueprint Perumahan 2.0 yang diperkenalkan pada tahun 2019.
3. Demi memastikan lebih ramai anggota, veteran ATM dan ahli keluarga mereka serta warga awam MINDEF dapat mendiami kediaman yang selesa dan kondusif, **terdapat 4 program utama akan dilaksanakan di bawah Blueprint Perumahan 3.0 ini**.
4. **Pertama, Pembangunan Rumah Keluarga Malaysia Angkatan Tentera (RKMAT)**. Secara keseluruhannya, sebanyak 12,733 unit RKMAT baharu akan dibina menerusi 5 fasa keseluruhan dari tahun 2023 hingga 2030. Setiap rumah ini akan mengikut spesifikasi terkini dan turut akan dilengkapi perabot serta keperluan asas lain seperti taman permainan, surau, dewan serbaguna dan gelanggang sukan.
5. **Kedua, Penyelenggaraan dan Naik Taraf**. Di bawah program ini, lebih banyak RKMAT sedia ada akan melalui proses naiktaraf daripada dua unit kepada satu unit (2-to-1). Proses naik taraf ini penting memandangkan rumah sedia ada agak kecil dan hanya memiliki dua bilik tidur dan satu bilik air yang mana ia tidak lagi sesuai pada masa kini. Jadi, proses naik taraf ini bertujuan menambah keluasan rumah dan bilangan bilik tidur serta bilik air sekaligus meningkatkan keselesaan anggota dan ahli keluarga yang mendiaminya.
6. **Ketiga, Program Pemilikan Rumah Mampu Milik**. Di bawah program ini, lebih banyak program di bawah inisiatif Satu Anggota Satu Rumah (SASaR) akan dibina sehingga tahun 2030. Ini termasuklah 3,500 unit di Kem Sungai Besi yang sedang dibina dan bakal siap pada tahun 2025; 974 unit yang dijangka mula dibina di Kem Wardieburn pada tahun 2023 hingga tahun 2025; dan 6,400 unit di Kem Genting Klang bermula tahun 2028 hingga 2034. Penting untuk saya maklumkan, rumah SASaR ini ditawarkan khusus kepada anggota ATM serta veteran dan akan dijual kepada mereka pada harga mampu milik.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

7. Selain itu, saya dan MINDEF juga akan bekerjasama dengan YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican, Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementeriannya bagi **mewujudkan kuota khas yang akan dirundingkan untuk warga ATM dan veteran bagi setiap projek pembangunan rumah mampu milik yang dibangunkan oleh KPKT di seluruh negara.**
8. **Keempat, Program Inisiatif Perumahan Veteran ATM.** Untuk tahun ini sahaja, di bawah Blueprint ini, sebanyak 30 unit rumah baharu akan dibina khusus untuk veteran ATM yang terpilih manakala 70 unit lagi akan dinaiktaraf.
9. Selain rumah baharu yang bakal dibina dan rumah yang bakal dinaiktaraf ini, saya juga ingin memaklumkan bahawa pelbagai projek khususnya RKMAT telah dapat disiapkan dalam tempoh 9 bulan terakhir ini. Ia termasuklah:
  - i. 2,000 unit RKMAT di Taman LTAT Bukit Jalil
  - ii. 204 unit RKMAT di Kem Pakit Sarawak
  - iii. 20 unit RKMAT di Kem Oran, Perlis
  - iv. 305 unit RKMAT di Kem Segamat, Johor
10. Dalam masa yang sama, sebanyak 434 unit RKMAT telah siap dinaiktaraf daripada 2 unit menjadi 1 unit (daripada 434 jadi 217 unit). Ia termasuklah di Kem Penrissen, Sarawak; Kem Rascom, Sibul; Pangkalan Udara Kuantan; Kem Batu 10 Kuantan, MSS Ipoh; Pangkalan Udara Butterworth; dan Pangkalan Udara Labuan.

### **B. RESIDENSI SATERIA**

11. Sebentar tadi, saya turut menyempurnakan simbolik penyerahan kepada bakal pemilik rumah SASaR di Kem Sungai Besi ini atau diberi nama Residensi Sateria. Sebagai makluman, Majlis Perasmian SASaR telah disempurnakan saya sendiri pada tahun 2018.
12. Sebanyak 3,500 unit rumah SASaR Kem Sungai Besi ini sedang dibina dan dijangka siap pada tahun 2025. Ia dijual pada harga separuh dari pasaran. Ia merangkumi lima blok pangsapuri yang terdiri daripada tiga jenis unit iaitu:
  - i. Jenis A - 1,800 buah unit berkeluasan 1,000 kaki persegi berharga RM 150,000.00



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

- ii. Jenis B - 1,200 buah unit berkeluasan 1,100 kaki persegi berharga RM 199,000.00
  - iii. Jenis C - 500 buah unit berkeluasan 1,200 kaki persegi berharga RM 250,000.00
13. Apabila siap, ia bakal dimiliki dan didiami oleh 2,100 anggota ATM (merangkumi 1,260 darat, 420 laut, 420 udara); 900 veteran dan 500 kakitangan awam Kementerian Pertahanan. Saya juga dimaklumkan bahawa ada 10,000 dalam senarai menunggu.
14. Selain itu, **akan terdapat 14 unit kedai di Kompleks SASaR ini yang mana semuanya hanya akan dimanfaatkan oleh usahawan veteran ATM.**

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**20 MEI 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **A. EKSESAIS TAMING SARI SIRI 21 TAHUN 2022**

1. Hari ini saya menyaksikan pelaksanaan Eksemais TAMING SARI Siri 21 tahun 2022 yang juga merupakan eksemais penembakan misil yang dikendalikan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia. Selain itu, ia juga kemuncak kepada *Operational Sea Training Exercise West* (OSTEX WEST) 1/22 yang telah dilaksanakan mulai 16 hingga 20 Mei 2022 melibatkan aset-aset Armada TLDM.
2. Secara keseluruhannya, Eksemais TAMING SARI ini telah melibatkan 1,250 warga TLDM, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Manakala daripada sudut aset, ia telah melibatkan 10 buah kapal, 5 buah *Fast Combat Boat* (FCB), 3 pesawat TLDM, 3 pesawat TUDM dan 2 pesawat APMM. Senarai terperinci rujuk **Lampiran A**.
3. Dalam penembakan hari ini, misil EXOCET MM40 telah dilancarkan dari KD LEKIR di perairan Selat Melaka Utara. Tembakan tersebut telah tepat mengenai sasaran yang berada di jarak 20 batu nautika atau 36 kilometer.
4. Kejayaan penembakan misil yang mengenai sasaran ini bukan sahaja membuktikan keupayaan dan kepakaran warga TLDM khususnya dalam mengendalikan aset pertahanan negara, malah turut menyerlahkan kesiapsiagaan TLDM dalam usaha memastikan perairan negara kekal selamat dan berdaulat.
5. Kejayaan penembakan ini turut membuktikan bahawa ATM sentiasa menyelenggara baik peralatan serta senjata sedia ada, termasuklah sistem misil milik TLDM ini, walaupun ia sudah menghampiri penghujung hayatnya. Kesiagaan sistem misil TLDM akan sentiasa berada pada tahap tertinggi dengan penerimaan sistem misil yang baharu sebaik sistem yang sedia ada ini menjadi usang dalam tempoh 2 tahun ini.

### **B. MINDEF TERUS TUMPU AGENDA DIPLOMASI PERTAHANAN**

6. Seperti saya sering tekankan, dalam usaha memelihara keselamatan dan kedaulatan negara serta serantau, salah satu agenda yang amat penting ialah diplomasi pertahanan. Sebab itu, sejak kembali menerajui MINDEF, banyak usaha dan perancangan yang dilaksanakan ke arah mengeratkan lagi hubungan kerjasama pertahanan antara Malaysia dengan rakan-rakan negara.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

7. Malah di peringkat TLDM sendiri, agenda diplomasi pertahanan dipandang serius dan dilaksanakan sebaik mungkin. Sepanjang tahun ini sahaja, TLDM telah melaksanakan serta menyertai pelbagai ekksesais *Bilateral* dan *Multilateral* khususnya di perairan Laut China Selatan serta perairan Selat Melaka. Malah ia telah melibatkan banyak negara termasuklah Jerman, Perancis, Australia, China, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Singapura, India, New Zealand, United Kingdom.
8. Antara ekksesais *Bilateral* dan *Multilateral* yang telah dilaksanakan dan disertai oleh TLDM setakat Januari hingga Mei tahun ini ialah:-
  - i. *Passage Exercise (PASSEX)* bersama Tentera Laut Jerman di Perairan Selat Melaka.
  - ii. *Passage Exercise (PASSEX)* bersama Tentera Laut Perancis di Perairan Laut China Selatan.
  - iii. *Passage Exercise (PASSEX)* bersama Tentera Laut DiRaja Australia di Perairan Laut China Selatan.
  - iv. *Cobra Gold 22* bersama Australia, China, Indonesia, Jepun, Korea Selatan dan Singapura di Pattaya, Thailand.
  - v. *Milan 22* bersama Australia, China, Jepun, Korea Selatan, dan Singapura di Visakhapatnam, India .
  - vi. *Bersama SHIELD* bersama Australia, New Zealand, Singapura dan United Kingdom di HQIADS, PU Butterworth dan Laut China Selatan
9. Alhamdulillah, menerusi laporan yang saya terima, ekksesais-ekksesais ini bukan sahaja telah dilaksanakan dengan jayanya, malah mencapai sasaran objektif yang ditetapkan terutama dalam membina kesefahaman dan meningkatkan keupayaan pengoperasian bersama antara TLDM dengan angkatan laut negara-negara luar.
10. Sehubungan itu, saya telah mengarahkan TLDM supaya ekksesais-ekksesais seumpama ini diteruskan secara berkala dan ditambahbaik dari masa ke masa. Ini supaya setiap cabaran keselamatan semasa khususnya dalam konteks perairan dapat difahami dan ditangani dengan sebaik mungkin. Tambahan lagi, ekksesais berkala ini juga berupaya mengukuhkan kemahiran dan kesiapsiagaan warga TLDM serta aset-aset di Zon Maritim Semenanjung Malaysia.
11. Selain itu, ekksesais secara bersama ini juga merupakan salah satu langkah tindakan *show of force* atau memperagakan aset pertahanan maritim secara berterusan. Ia sekaligus akan dapat mengekalkan imej dan penghormatan TLDM di pentas antarabangsa. Ia juga dapat meningkatkan keyakinan komuniti maritim terhadap kemampuan dan komitmen TLDM.
12. Mengambil kira perkara-perkara tersebut, saya ingin maklumkan bahawa TLDM bakal melaksanakan dan menyertai pelbagai lagi ekksesais sehingga hujung tahun ini. Malah, ia bakal melibatkan lebih banyak negara termasuk Amerika Syarikat. Antara ekksesais yang akan dilaksanakan sehingga Disember ialah:



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

- i. *Rim of The Pacific (RIMPAC)* bersama Australia, New Zealand, Singapura dan United Kingdom di Hawaii dan Selatan California, Amerika Syarikat.
  - ii. *KAKADU 22* bersama Australia, New Zealand, Singapura dan United Kingdom di Perairan Darwin, Australia.
  - iii. *SEACAT 22* bersama Amerika Syarikat dan Negara Asean di Perairan Selat Melaka dan Changi Naval Base, Singapura.
  - iv. *MNE KOMODO 22* bersama Indonesia di Pelabuhan Tanjung Priok, dan Pulau Belitung.
  - v. *SUMAN PROTECTOR 22* bersama Singapura di HQ TRADOC Singapura.
13. Dalam pada itu, TLDM juga akan menghantar kapal KD LEKIR bagi menyertai ekksesais *Rim of the Pacific* atau RIMPAC di Kepulauan Hawaii, Amerika Syarikat pada 29 Jun hingga 4 Ogos 2022. Ekksesais ini merupakan ekksesais maritim terbesar anjuran Tentera Laut Amerika Syarikat. KD LEKIR akan mula belayar dari Tambatan Pangkalan TLDM Lumut pada 30 Mei 2022.
14. Saya ucapkan selamat bertugas kepada anak-anak kapal KD LEKIR dan saya juga doakan semoga sentiasa dipermudahkan urusan penugasan serta selamat pergi dan pulang. InsyaAllah.

**YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**22 MEI 2022**





MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## LAMPIRAN A

### a. Kapal-kapal TLDM:

- i. KD LEKIR
- ii. KD LEKIU
- iii. KD JEBAT
- iv. KD MAHAWANGSA
- v. KD SRI INDERA SAKTI
- vi. KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL
- vii. KD LAKSAMANA HANG NADIM
- viii. KD MAHAMIRU
- ix. KD GEMPITA
- x. KD SERANG

### b. Bot:

- i. 5 buah Fast Combat Boat (FCB)

### c. Pesawat TLDM:

- i. Super LYNX
- ii. Fennec

### d. Pesawat TUDM:

- i. F/A 18D Hornet
- ii. B200T
- iii. Helikopter EC 725

### e. Pesawat APMM:

- i. AS365 N3 Dauphin
- ii. AW 139



SENIOR MINISTER OF DEFENCE  
MALAYSIA

## PRESS STATEMENT

### MEETING WITH HE GENERAL PRAWIT WONGSUWON, DEPUTY PRIME MINISTER FOR THE KINGDOM OF THAILAND

Today, I received HE General Prawit Wongsuwon, Deputy Prime Minister and Representative of the Prime Minister and Minister of Defence of Thailand in the Ministry of Defence, Kuala Lumpur.

In my discussion with General Prawit, we deliberated over issues of common interest, which further strengthened the existing defence cooperation between Malaysia and Thailand. We agreed that it is crucial for us to maintain and enhance our close defence relations at all levels to avoid the exploitation of our common borders by acts of terror and violent extremists.

Both General Prawit and I have reached the following agreements :-

- Both the Malaysian Army and the Royal Thai Army have agreed to build **two (2) new Coordinated Border Posts (CBP)** to combat transnational crime and smuggling. The new posts are expected to be completed in 2022.
- **Military-to-military** cooperation between the **Malaysian Armed Forces and the Royal Thai Armed Forces** to be **increased** in the areas of training, courses, and joint exercises.
- Malaysia proposed to **elevate our defence cooperation in the Malacca Straits Patrol (MSP) to a Quadrilateral Ministerial Meeting** with the participation of the Defence Ministers from Malaysia, Indonesia, Singapore and Thailand. This would be a valuable opportunity for the leaders to exchange views whilst providing guidance towards the future operationalisation of MSP. I am pleased to report that **General Prawit is highly supportive of our proposal, and we look forward to Thailand hosting the inaugural MSP Quadrilateral Ministerial Meeting.**
- Recognising the important contribution our **defence industries** makes to delivering military readiness, I have instructed the Secretary General of the Ministry of Defence, Dato' Sri Muez bin Abd Aziz to lead a delegation to Thailand to increase cooperation and synergy, therefore boosting our regional defence production capabilities.



SENIOR MINISTER OF DEFENCE  
MALAYSIA

## PRESS STATEMENT

We also touched base on the **development of several key infrastructure projects at the border area** namely Road Alignment Linking Bukit Kayu Hitam (BKH) - Sadao Customs, Immigration and Quarantine Complexes (CIQs), International Friendship Bridges and the Construction and Maintenance of a Single Barrier at Bukit Kayu Hitam / Dannok Common Border.

Furthermore, we discussed on **food security** and the impact of supply chain disruptions arising from the COVID-19 pandemic, specifically on food supplies to both Malaysia and Thailand. We agreed for our relevant agencies and Ministries to enhance cooperation and continuously strengthen Malaysia and Thailand's food security to remain stable under all circumstances.

Outcomes of the issues discussed that require inter-ministerial and/or inter-agency cooperation will be conveyed in the next Cabinet meeting.

Moving forward, General Prawit and I also renewed our commitments to supporting all efforts to working closely together in either sub-regional, bilateral and/or multilateral frameworks.

The bilateral meeting is held on the sidelines of the 55<sup>th</sup> General Border Committee (GBC) Malaysia-Thailand (MALTHAI) Meeting which will be convened later today.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**SENIOR MINISTER OF DEFENCE**  
**26 MAY 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **PAMERAN AEROANGKASA DAN MARITIM ANTARABANGSA LANGKAWI (LIMA) 2023 SAH DIANJURKAN PADA 23 HINGGA 27 MEI 2023**

1. Dengan rasa bangga dan gembira, sukacita saya umumkan, melalui pra pelancaran hari ini, penganjuran **Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) secara rasminya akan dianjurkan pada 23 Mei hingga 27 Mei 2023 di Pulau Langkawi.** LIMA tertunda sejak tahun 2021 disebabkan pandemik COVID-19 dan keputusan supaya ia dapat dianjurkan kembali ialah berdasarkan aspek kejayaan penganjuran *Defence Services Asia* (DSA) pada Mac lalu serta kebersediaan negara selepas memasuki Fasa Peralihan Ke Endemik.
2. Edisi 2023 bakal menjadi LIMA yang paling ditunggu-tunggu dan disebut-sebut bukan sahaja oleh Malaysia selaku penganjur, tetapi juga para pempamer, delegasi-delegasi antarabangsa dan orang awam memandangkan kali terakhir ia diadakan pada tahun 2019.
3. Mengambil kira maklum balas semasa yang Malaysia terima dari rakan-rakan antarabangsa setakat ini, **dijangka berlaku peningkatan seterusnya berpotensi menjadikan jumlah pempamer, astaka negara terlibat, pelawat perdagangan dan awam, tetamu serta aset di LIMA 2023 sebagai yang terbesar pernah direkodkan.** Secara gambaran awal, jangkakan statistik ialah seperti berikut:-
  - i. Jumlah pempamer (syarikat) : 600
  - ii. Astaka Negara Terlibat : 20
  - iii. Pelawat Perdagangan/Awam : 45,000/238,000
  - iv. Tetamu luar negara : 380 (41 negara)
  - v. Pesawat / aset udara : 110
  - vi. Kapal / aset maritim : 110
4. Ini sekaligus menjadi medan terbaik bagi syarikat-syarikat industri pertahanan dari seluruh dunia khususnya berkaitan aeroangkasa dan maritim untuk kembali bertemu secara bersemuka selepas lama tidak berpeluang melakukannya akibat pandemik COVID-19 dan penangguhan LIMA 2021. Ini secara langsung juga dapat membuka lebih peluang dalam usaha menghubungkan dan mempromosikan kerjasama strategik antara syarikat industri pertahanan tempatan dengan antarabangsa selari dengan matlamat Dasar Industri Pertahanan Negara yang sedang dirangka ketika ini.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

5. Lebih mengujakan, **terdapat beberapa pembaharuan yang bakal dapat disaksikan di LIMA 2023. Antaranya, memperkenalkan segmen pertunjukan dron dan perlumbaan dron, menampilkan segmen teknologi angkasa, Forum CEO Syarikat Penerbangan, program menyeluruh untuk remaja termasuk berkaitan pendidikan, kerjaya serta pertandingan permainan elektronik (egames), dan segmen wanita dalam pertahanan.** Ini tidak termasuk segmen keselamatan siber dalam industri penerbangan serta maritim dan semestinya pameran aset serta pertunjukan udara yang terbaik dalam sejarah.
6. Namun seperti saya selalu tekankan, perancangan sahaja tidak mencukupi. Yang penting ialah pelaksanaan. Justeru, demi memastikan kelancaran LIMA 2023, penganjurannya akan sekali lagi diselaraskan bersama oleh Kementerian Pertahanan Malaysia dan Kementerian Pengangkutan Malaysia. Manakala Syarikat Alpine Integrated Solution Sdn. Bhd pula telah dilantik sebagai penganjur bersama LIMA 2023.
7. Tidak sekadar itu, saya bersama Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong akan memastikan setiap aspek persiapan diteliti dan diperincikan dengan sebaik mungkin sekaligus dapat dirasai impaknya semasa hari penganjuran sebenar nanti.
8. Saya mengucapkan selamat maju jaya kepada penganjur dan semua pihak yang terlibat dalam LIMA 2023. Semoga acara ini sekali lagi dapat mengharumkan nama Malaysia dan Jalur Gemilang di persada dunia. InsyaAllah.

**YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**8 JUN 2022**



*Siaran*  
**AKHBAR**  
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100-2/1/2 Jld 5 ( /0 ) 02/06

**ISTIADAT MENGARAK PANJI-PANJI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SEMPERNA SAMBUTAN  
ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN RASMI KEBAWAH DULI YANG MAHA  
MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG TAHUN 2022**

PUTRAJAYA, 10 Jun 2022- Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda (KDYMM SPB) Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah bercemar duli ke Istiadat Mengarak Panji-Panji KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong sempena Hari Keputeraan Rasmi Baginda bertempat di Dataran Pahlawan Negara, Putrajaya hari ini. Turut berangkat sama adalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

Sempena istiadat ini sebanyak lima (5) Panji-Panji KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong diarak oleh kontinjen-kontinjen dari tiga (3) perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM) melibatkan Panji-Panji Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), Rejimen Renjer Diraja (RRD) dan Kor Armor Diraja (KAD) di samping Panji-Panji Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Istiadat ini melibatkan 131 pegawai dan 1,066 anggota lain-lain pangkat (LLP) di mana dari jumlah keseluruhan tersebut, seramai 57 pegawai dan 847 anggota LLP diketuai oleh Leftenan Kolonel Mohd Fadzly bin Mohd Yasin, Pegawai Memerintah Batalion Ke-18 Rejimen Askar Melayu Diraja (18 RAMD) adalah mereka yang terlibat dalam perbarisan istiadat berkenaan.

Sebanyak lima buah pesawat ATM turut terlibat iaitu tiga buah Helikopter EC725AP, sebuah Agusta 109 dan sebuah Superlynx yang membuat formasi terbang lintas hormat dengan membawa Bendera Jalur Gemilang, Bendera ATM, TDM, TLDM dan TUDM diketuai oleh Mejar Nazrul Nizam bin Ismail TUDM dari No 10 Skuadron bersama dengan Tembakan Kehormatan 21 das oleh 41 Bateri Rejimen Artileri Diraja (Istiadat) yang diketuai oleh Leftenan Kolonel Mohammad Asri bin Che Wil.

Keseluruhan perbarisan pada pagi ini diiringi oleh gabungan daripada pancaragam Angkatan Tentera Malaysia di bawah pimpinan Mejar (DOM) Muhamad Nor Azizan bin Yahaya.

Perbarisan mengarak panji-panji adalah satu istiadat gilang gemilang kepada ATM. Panji-panji merupakan satu penghormatan dan lambang kemegahan, semangat dan ketaatsetiaan yang tidak berbelah bahagi oleh ATM terhadap Raja dan Negara.

Penganugerahan panji-panji kepada perkhidmatan atau pasukan di dalam ATM merupakan pengiktirafan, penghormatan dan lambang kesetiaan sesebuah perkhidmatan/pasukan berkenaan kepada Raja dan Negara. Ianya juga dapat membangkitkan semangat juang yang tinggi dan menjadi kemegahan kepada sesuatu perkhidmatan/pasukan itu.

Istiadat ini diadakan 3 kali dalam tempoh lima (5) tahun pemerintahan bagi setiap Raja Melayu yang dilantik sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu bagi tahun pertama, tahun ketiga dan tahun terakhir pemerintahan. Selepas kali terakhir diadakan pada tahun 2019, Istiadat ini yang sepatutnya diadakan pada tahun 2021 tidak dapat dilaksanakan atas penularan pandemik COVID-19 melanda seluruh negara. Tahun ini serta selaras dengan negara telah memasuki fasa Endemik, maka Seri Paduka Baginda telah berkenan untuk istiadat berkenaan dilaksanakan pada tahun ini.

Turut hadir dalam Istiadat ini adalah Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob serta isteri, YABhg Datin Sri Muhaini binti Zainal Abidin; Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein serta isteri YM Datin Seri Tengku Marsilla Tengku Abdullah; Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi bin Buang TUDM dan isteri YAM Tengku Puteri Seri Teja Puan Sri Datuk Hjh Tengku Muhaini binti Almarhum Sultan Hj Ahmad Shah, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Panglima-panglima Perkhidmatan, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, Pihak Pengurusan Tertinggi ATM dan Kementerian Pertahanan.

-Tamat-

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia**  
**10 JUN 2022**

**DILULUSKAN**

**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**

**LT KOL ZUHAIRY BIN LIMAT**  
Ketua Perhubungan Awam  
Unit Komunikasi Strategik  
**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**





# Siaran **AKHBAR**

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 ( ) 01/06 (BM)

**THE INTERNATIONAL INSTITUTE FOR STRATEGIC  
STUDIES SHANGRI-LA DIALOGUE 2022:  
19TH REGIONAL SECURITY SUMMIT,  
SINGAPURA, 10-12 JUN 2022**

Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Bin Tun Hussein akan mengetuai delegasi Malaysia bagi menyertai *The 19th International Institute for Strategic Studies (IISS) Shangri-La Dialogue 2022 (SLD2022)* yang diadakan di Hotel Shangri-La, Singapura dari 10 hingga 12 Jun 2022.

*The International Institute for Strategic Studies (IISS) Shangri-La Dialogue (SLD)* adalah merupakan forum keselamatan bertaraf antarabangsa yang dianjurkan oleh Singapura sejak tahun 2002 melibatkan penyertaan Menteri-Menteri Pertahanan, pegawai-pegawai tertinggi tentera dan pegawai-pegawai tertinggi Kerajaan dari negara-negara di rantau Asia Pasifik dan benua Eropah.

YB Menteri Kanan Pertahanan akan diberi penghormatan sebagai salah seorang panel semasa sesi ketiga bertajuk "*Developing New Forms of Security Cooperation*" dan menyampaikan perspektif Malaysia mengenai perkembangan dalam kerjasama keselamatan dua hala dan pelbagai hala di Asia-Pasifik serta bagaimana bentuk kerjasama baharu ini berkemungkinan mempengaruhi landskap keselamatan sedia ada serantau.

Penyertaan YB Menteri Kanan Pertahanan ke Forum SLD2022 ini adalah satu bentuk kesinambungan penyertaan Malaysia dalam forum berkenaan sebelum ini, di samping menunjukkan komitmen serta kepimpinan Malaysia dalam isu pertahanan dan keselamatan di rantau Asia Tenggara. Forum SLD2022 merupakan forum antarabangsa kedua yang akan dihadiri oleh YB Menteri Kanan Pertahanan secara bersemuka sejak beliau dilantik pada bulan Ogos 2021.

Di samping penyertaan di dalam forum ini, YB Menteri Kanan Pertahanan akan mengadakan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Singapura dan rakan sejawat beliau, Menteri Pertahanan Singapura di samping mengadakan pertemuan dua hala dan pelbagai hala bersama rakan sejawat dari negara-negara strategik dan berkepentingan kepada Malaysia.

-TAMAT-

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"**

---

Kementerian Pertahanan Malaysia  
10 Jun 2022



*PRESS*

# **RELEASE**

MINISTRY OF DEFENCE

MOD.100/2/1/2 JLD 5 ( ) 02/06 (ENG)

**THE INTERNATIONAL INSTITUTE FOR STRATEGIC  
STUDIES SHANGRI-LA DIALOGUE 2022:  
19TH REGIONAL SECURITY SUMMIT,  
SINGAPORE, 10-12 JUNE 2022**

The Senior Defence Minister, Dato' Seri Hishammuddin Bin Tun Hussein, will lead the Malaysian delegation to the 19th International Institute for Strategic Studies (IISS) Shangri-La Dialogue 2022 (SLD2022), which takes place at the Shangri-La Hotel, Singapore from June 10 until June 12, 2022.

The International Institute for Strategic Studies (IISS) Shangri-La Dialogue (SLD) is a premier security summit, which has been hosted by Singapore since 2002, that brings together defence ministers, military leaders, and top government officials from Asia-Pacific and European countries.

The Senior Defence Minister is given the honour as one of the panelists for the third session titled "Developing New Forms of Security Cooperation". He will express Malaysia's views on bilateral and multilateral security cooperations in the Asia-Pacific region and how these cooperations might affect the current regional security landscape.

The Senior Defence Minister's participation in the SLD2022 is part of Malaysia's continuous participation in the forum to highlight Malaysia's commitment and leadership in defence as well as security issues in the Southeast Asia region. The SLD2022 is the second international forum that the Senior Defence Minister attended since his appointment in August 2021.

In addition to participating in the forum, the Senior Defence Minister will make courtesy calls on the Prime Minister of Singapore as well as his counterpart, the Defence Minister of Singapore. He will also attend bilateral and multilateral meetings with his counterparts from strategic nations and countries of interest to Malaysia.

-End-

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Ministry of Defence Malaysia  
10 June 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### LAWATAN KERJA DI SINGAPURA MENGUKUHKAN LAGI HUBUNGAN PERTAHANAN DENGAN SINGAPURA DAN NEGARA-NEGARA SEKUTU

1. Saya telah mengadakan lawatan kerja selama tiga hari di Singapura bermula 10 hingga 12 Jun 2022. Tujuan utama lawatan kerja ini adalah bagi memenuhi jemputan ke Shangri-La Dialogue anjuran *The International Institute for Strategic Studies* (IISS) di mana saya turut diberi penghormatan untuk menyampaikan ucapan bagi pihak Malaysia dalam sesi pleno ketiga bertajuk “Membangunkan Kerjasama Keselamatan Baharu”.
2. Selain itu, penting juga untuk saya maklumkan bahawa sebagai sebahagian dari lawatan kerja ini dan acara sampingan di Shangri-La Dialogue, saya telah mengambil peluang untuk bertemu beberapa pemimpin tertinggi Kerajaan Singapura. Ia termasuklah:-
  - i. Presiden Singapura, Puan Yang Terutama (PYT) Halimah Yacob
  - ii. Perdana Menteri Singapura, Tuan Yang Terutama (TYT) Lee Hsien Loong
  - iii. Menteri Kanan dan Menteri Koordinasi Keselamatan Kebangsaan Singapura, TYT Teo Chee Hean
  - iv. Menteri Dalam Negeri dan Undang-Undang Singapura, TYT K. Shanmugam
3. Gembira untuk saya laporkan, pertemuan bersama pemimpin-pemimpin tersebut berlangsung dalam suasana yang cukup mesra dan harmoni serta benar-benar menyerlahkan hubungan akrab dan istimewa antara Malaysia-Singapura yang telah terjalin selama puluhan tahun.
4. Tidak sekadar itu, saya turut mengadakan mesyuarat dua hala bersama rakan sejawat, TYT Dr. Ng Eng Hen. Ia telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh kedua-dua pemimpin untuk memperhalusi usaha ke arah mengukuhkan lagi kerjasama pertahanan antara Malaysia-Singapura terutama antara angkatan tentera kedua-dua negara. Selain itu, saya dan Dr. Ng Eng Hen turut berbincang tentang beberapa isu keselamatan serantau dan antarabangsa yang menjadi perhatian bersama.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

5. Dalam pada itu, saya juga berkesempatan bertemu secara bersemuka dengan beberapa pemimpin negara-negara sekutu dari seluruh dunia. Ia sekaligus membuka ruang untuk kami bertukar-tukar pandangan dalam banyak isu keselamatan global serta berkongsi komitmen untuk membawa diplomasi pertahanan antara negara masing-masing ke tahap lebih tinggi.
6. Pemimpin-pemimpin tersebut termasuklah:-
  - i. Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, TYT Lloyd James Austin III
  - ii. *Commander of United States Indo-Pacific Command*, TYT Admiral John C. Aquilino
  - iii. Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri Pertahanan Australia, TYT Richard Marles
  - iv. Menteri Keselamatan Kebangsaan Republik Rakyat China, TYT Jeneral Wei Fenghe.
7. Secara keseluruhannya, lawatan kerja saya di Singapura yang telah berakhir hari ini berjalan lancar serta amat berjaya dalam konteks mengukuhkan lagi hubungan pertahanan dengan Singapura dan negara-negara sekutu. Saya bersama delegasi Malaysia akan pulang ke tanah air hari ini.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**12 JUN 2022**



SENIOR MINISTER OF DEFENCE  
MALAYSIA

## PRESS STATEMENT

### OFFICIAL VISIT TO THE KINGDOM OF SAUDI ARABIA

1. Within the framework of the brotherly relations and close historical ties between the governments and peoples of the Kingdom of Saudi Arabia and Malaysia, and upon the kind invitation from my counterpart, His Royal Highness Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz, Crown Prince, Deputy Prime Minister and Minister of Defense of the Kingdom of Saudi Arabia; I have undertaken an Official Visit to Saudi Arabia.
2. HRH Crown Prince Mohammed bin Salman and I held a series of constructive and fruitful discussions in a warm and friendly atmosphere during which we reviewed regional and international issues of common interests. We both exchanged views on the prospects and ways to further develop existing bilateral defence relations, and to intensify cooperation in trade, economic, investment, military and security areas.
3. We agreed to **elevate our defence ties** to greater heights through :-
  - A. The **formalization of a High-Level Committee (HLC)** under three (3) key pillars; namely military-to-military cooperation, defence industry collaboration, and military veterans welfare cooperation.
  - B. Increasing **military-to-military cooperation**; where three (3) key areas will be focused on which are military expertise, military medicine, and military intelligence.
4. Both HRH Crown Prince Mohammed bin Salman and I also discussed on developing the **defence industries** of both Malaysia and Saudi Arabia. As a result, a **working group will be established** between the Saudi Arabia **General Authorities of Military Industries (GAMI)**, **Defence Industry Division (DID)** of the Ministry of Defence Malaysia (MINDEF), and the **Armed Forces Fund Board (LTAT)** on knowledge sharing and potential defence industry partnerships.
5. Furthermore, the **Saudi Arabian Military Industries (SAMI)** will also concretise cooperation with **LTAT** to explore potential collaboration between the two parties.
6. On **counterterrorism**, both HRH Crown Prince Mohammed bin Salman and I also agreed to upgrade our cooperation in combating and curbing terror threats and extremism.



SENIOR MINISTER OF DEFENCE  
MALAYSIA

## PRESS STATEMENT

7. During the Official Visit, I also had a meeting with **His Royal Highness Prince Khalid bin Salman**, Vice Minister of Defence to the Kingdom of Saudi Arabia on our strategic relations, in addition to reviewing the Malaysia-Saudi partnership and aspects of cooperation in the defence and military fields.
8. Apart from matters related to defence bilateral ties, I also took the opportunity to discuss with HRH Crown Prince Mohammed bin Salman on other matters relating to our bilateral relations which covers :-
  - A. **Oil and Gas**; specifically on cooperation between **Saudi Aramco** and **PETRONAS**, and other related bodies;
  - B. **Food Security**; which covers cooperation on **Halal Industries**, and **Palm Oil** exports to Saudi Arabia from Malaysia;
  - C. **Economic and Financial Cooperation** through opportunities with Saudi Arabia's sovereign wealth fund, the **Public Investment Fund (PIF)** and the **Saudi Stock Exchange (Tadawul)**.
9. In my meeting with **His Royal Highness Prince Turki bin Mohammad bin Fahd bin Abdulaziz Al Saud**, Minister of the State and Member of the Cabinet for **Saudi Arabia**, we emphasized on our strong bilateral relations and aspects of cooperation in various fields.
10. I will be reporting to the Prime Minister, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob and related members of the Cabinet at the soonest in order to prepare for an upcoming visit by YAB Prime Minister to Saudi Arabia. All outcomes on matters that require inter-ministerial and/or inter-agency cooperation will be conveyed in the next Cabinet meeting.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**SENIOR MINISTER OF DEFENCE**  
**JEDDAH, KINGDOM OF SAUDI ARABIA**  
**17 JUNE 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### LATIHAN KUASA TEMBAKAN (LKT) TAHUN 2022

1. Latihan Kuasa Tembakan (LKT) tahun 2022 yang telah kita saksikan bersama di Kem Syed Sirajuddin hari ini bukan sekadar acara tahunan bagi Tentera Darat Malaysia (TDM). Malah lebih daripada itu, ia merupakan pendekatan yang selari dengan perancangan Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di bawah Pelan Strategik MINDEF 2022 serta Kertas Putih Pertahanan iaitu memastikan kesiagaan ATM terus berada pada tahap tertinggi demi mempertahankan kedaulatan negara.
2. Tidak sekadar itu, LKT ini juga merupakan salah satu daripada pelbagai usaha berterusan yang MINDEF dan ATM laksanakan khususnya sejak beberapa bulan lalu. Dengan matlamat, memastikan ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM terus dilengkapi aset-aset yang mereka perlukan biarpun mendepani era pasca pandemik yang serba mencabar ini.
3. Sebagai contoh ialah Helikopter MD530G. Isu mengenainya telah dapat diselesaikan dan ia juga telah diterima oleh *end user* yang sangat memerlukannya iaitu Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD). Hasilnya, hari ini kita semua dapat menyaksikan Helikopter MD530G telah mula dimanfaatkan dan dapat diuji keupayaannya dalam LKT tahun ini.
4. Dengan pengujian ini, ia sekaligus memberi peluang kepada ATM khususnya TDM untuk menilai sebarang ruang penambahbaikan bagi meningkatkan lagi keupayaan aset mereka pada masa akan datang. Dalam konteks ini, ia tidak terhad kepada Helikopter MD530G sahaja tetapi juga pelbagai lagi aset yang terlibat dalam LKT tahun ini.
5. Berhubung LKT tahun ini, secara umumnya ia bukan sahaja penting bagi menguji pengurusan pasukan serta keupayaan dan kompetensi anggota dalam melaksanakan latihan tembakan peluru hidup. Malah, ia juga medan terbaik untuk memperagakan keupayaan anggota TDM dalam mengendalikan platform kenderaan dan persenjataan yang *sophisticated* serta terkini secara profesional sebagaimana latihan yang diberikan.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

6. Bukan itu sahaja, LKT ini berupaya mempamerkan aturgerak dan keupayaan *combat team* dalam operasi ketumbukan 3 Divisyen selaku Divisyen Gabungan Penggempur sekaligus memberi pendedahan kepada penuntut Kursus Pemerintah dan Staf Malaysia (KPSM) dari Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT).
7. Untuk tahun ini, segmen tembakan langsung LKT telah berlangsung selama kira-kira 2 jam dengan pelaksanaan *maneuver* dan kuasa tembakan yang melibatkan aset Infantri, Mekanize, Armor, Artileri, PUTD dan Pesawat Udara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) serta Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Ia melibatkan seramai 2,300 pegawai dan anggota daripada pelbagai kepakaran serta 644 pelbagai jenis kenderaan tempur, kenderaan sokongan dan sistem persenjataan. Ini termasuklah **PT 91M PENDEKAR, AV8 Gempita, AV 4 Lipan Bara, ACV 300 Adnan** dan **Malaysian Infantry Fighting Vehicle (MIFV)**.
8. Manakala aset persenjataan pula merangkumi persenjataan kecil hingga ke meriam berkaliber besar dan roket seperti **Unit Lancar Berganda (ULB) Astros II, Meriam 155 MM G5 MK III, Meriam 105 MM PH L5, Anti-Tank Guided Missile (ATGM) INGWE, BAKTAR SHIKAN, Mortar 120MM dan 81MM** serta **Rocket-Propelled Grenade (RPG-7 40MM)**.
9. Turut dilibatkan ialah helikopter dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM iaitu **Helikopter Super Lynx dan AS555 Fennec** dari TLDM, **Helikopter EC 725** dari TUDM serta **Helikopter Agusta A109 LOH dan MD530G** dari PUTD.
10. Manakala dalam segmen tembakan tidak langsung sebentar lagi, keupayaan **Tactical Display Air Support (CAS)** bagi pesawat TUDM dalam latihan ini akan dipertontonkan kepada para penuntut MTAT yang melibatkan aset-aset **pesawat pejuang** iaitu **FA 18 D Hornet** dan **BAE Hawk 208**.
11. Secara keseluruhannya, LKT tahun ini telah berjalan dengan lancar sepertimana yang dirancang oleh TDM. Ia sekaligus menyerlahkan lagi kepada umum bahawa kesiagaan ATM khususnya TDM dalam melaksanakan tugas utamanya iaitu mempertahankan keselamatan negara terus berada pada tahap tertinggi. Saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada TDM terutama semua anggota yang terlibat dalam acara hari ini.

**YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**21 JUN 2022**





*Siaran*  
**AKHBAR**  
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 ( ) 03/06

**MESYUARAT MENTERI-MENTERI PERTAHANAN ASEAN (ADMM) KE-16  
22 JUN 2022**

Kementerian Pertahanan ingin memaklumkan bahawa Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein kini sedang mengadakan lawatan kerja ke Phnom Penh, Kemboja. Tujuan utama lawatan kerja ini diadakan adalah bagi menghadiri serta mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) ke-16.

Mesyuarat yang berlangsung selama sehari pada 22 Jun 2022 ini dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama (TYT) Samdech Pichey Sena Tea Banh selaku Pengerusi ADMM 2022. Beliau juga merupakan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan Kemboja.

Kehadiran Menteri Kanan Pertahanan bersama delegasi Malaysia ke ADMM ke-16 ini bukan sahaja amat penting untuk membolehkan Malaysia bersama kesemua negara anggota ASEAN membincangkan serta memperhalusi isu-isu pertahanan serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama. Malah, ia juga platform yang signifikan untuk Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN mengukuhkan lagi semangat kebersamaan ASEAN khususnya dalam konteks kerjasama pertahanan di rantau ini.

Dalam masa yang sama, seperti kelaziman di tahun-tahun sebelum ini, ADMM juga merupakan medan terbaik untuk Malaysia melalui Menteri Kanan Pertahanan menyuarakan pandangan serta pendirian berhubung pelbagai isu pertahanan demi kepentingan keselamatan ASEAN khususnya dan Malaysia amnya.

Kementerian Pertahanan juga ingin memaklumkan, sebagai sebahagian daripada ADMM ke-16, Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri Pertahanan ASEAN-China dan Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri Pertahanan ASEAN-Jepun juga akan diadakan bersampingan ADMM. Kedua-dua mesyuarat tersebut dijangkakan antara lain akan memfokuskan kepada usaha mengukuhkan lagi kerjasama pertahanan serantau ASEAN-China dan ASEAN-Jepun. Sejurus selesai kedua-dua mesyuarat ini, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein serta Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN akan mengadakan kunjungan hormat bersama ke atas Perdana Menteri Kemboja, TYT Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen.

Walaupun mesyuarat hari ini melibatkan wakil State Administration Council (SAC) dari Myanmar, ini bukan bermakna bahawa Malaysia mengiktiraf SAC sebagai Kerajaan Myanmar yang sah. Malaysia sentiasa menekankan bahawa pihak SAC perlu segera melaksanakan perkara-perkara yang telah dipersetujui dalam Kemuafakatan Lima Perkara (5PC) bagi mencari penyelesaian kepada kemelut politik di Myanmar.

Dalam pada itu, semalam Menteri Kanan Pertahanan juga telah mengadakan mesyuarat dua hala bersama TYT Samdech Pichey Sena Tea Banh. Antara yang menjadi tumpuan perbincangan antara kedua-dua pemimpin berkenaan ialah meningkatkan lagi kerjasama pertahanan dalam melaksanakan operasi pengaman di seluruh dunia khususnya penglibatan tentera pengaman wanita di ASEAN. Satu kesepakatan telah dicapai semalam yang mana Kemboja akan menghantar tentera pengaman wanitanya ke Pusat Pengaman Malaysia (*Malaysia Peacekeeping Centre*) di Port Dickson untuk menjalani latihan seterusnya meningkatkan lagi kemahiran mereka dalam melaksanakan operasi pengaman.

-TAMAT-

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**KUALA LUMPUR**

**22 Jun 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### USAHA TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA PERTAHAN KESELAMATAN SABAH DIPERKUKUH MENERUSI PEROLEHAN TIGA HELIKOPTER BAHARU

1. Tumpuan lawatan kerja saya ke Sabah hari ini ialah bagi menyaksikan penyerahan Helikopter AW139 kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Penting untuk saya maklumkan, **Helikopter AW139 yang diserahkan ini merupakan aset terbaru TLDM yang dibeli khusus bagi meningkatkan keupayaan operasi TLDM** terutama dalam memelihara keselamatan dan kedaulatan negeri Sabah.
2. Secara keseluruhan, **pembelian yang dibuat ialah sebanyak tiga (3) buah Helikopter AW139. Dua (2) daripadanya telah diterima dan diserahkan hari ini manakala sebuah lagi dijangka sampai pada bulan September.** Selari dengan penekanan saya sebelum ini, pembelian Helikopter AW139 dibuat berpandukan kehendak *end user* sendiri iaitu TLDM yang amat memerlukan Helikopter Operasi Maritim (HOM).
3. Perolehan Helikopter AW139 ini membolehkan rondaan bagi tujuan penguatkuasaan maritim dapat dilaksanakan sekerap mungkin bersama aset-aset sedia ada, sekaligus berupaya mengukuhkan lagi pengawasan ruang udara di perairan maritim Sabah dan Sarawak yang berkeluasan 315, 263 km persegi serta meningkatkan lagi kekuatan inventori TLDM di Armada Timur.
4. Keberadaan aset-aset baharu seperti Helikopter AW139 ini juga merupakan salah satu usaha yang berupaya mengekalkan moral dan semangat para anggota ATM khususnya TLDM untuk melaksanakan penugasan operasi yang sentiasa mencabar.
5. Penting juga untuk saya maklumkan, **dengan pembelian dan penyerahan Helikopter AW139 ini, sebuah skuadron baharu iaitu Skuadron 503 telah ditubuhkan** dan saya sendiri merasmikannya hari ini. Selain meningkatkan kecekapan pengoperasian HOM, Skuadron 503 turut berperanan melaksanakan beberapa lagi tugas utama iaitu:-
  - i. Pemantauan Zone Maritim Malaysia serta *Maritime Domain Awareness* (MDA).
  - ii. *Over the Horizon Targeting* (OTHT).
  - iii. Operasi Pasukan Khas.
  - iv. Latihan krew udara dan warga kapal.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

6. Bukan itu sahaja, Skuadron 503 ini juga akan melaksanakan tugas-tugas sekunder merangkumi tugas membantu Operasi Mencari dan Menyelamat; membantu misi *Medical Evacuation* (Medevac) dan *Casualties Evacuation* (Casevac); serta membantu misi *Humanitarian Assistance and Disaster Relief* (HADR).
7. Sebagai permulaan, Skuadron 503 ini akan beroperasi dengan kekuatan seramai 25 Pegawai dan 92 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP). Kesemua mereka telah diberikan penugasan khusus di empat bahagian. Ia termasuk Bahagian Keselamatan Penerbangan; Bahagian Operasi dan Latihan; Bahagian Pentadbiran dan Logistik; serta Bahagian Kejuruteraan Udara.
8. **Skuadron 503 akan berada di bawah perintah operasi Stesen Udara Kota Kinabalu (SUKK)** yang turut saya rasmikan hari ini. SUKK ini penting bagi meningkatkan lagi kecekapan unit pentadbiran, pengurusan logistik dan penguasa operasi penerbangan khususnya di Armada Timur.
9. SUKK yang terletak di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu ini memainkan fungsi utama dalam pengoperasian pesawat helikopter TLDM serta ATM di pangkalan ini agar kekal efisien dan selamat. Ia akan beroperasi dengan kekuatan seramai 7 Pegawai dan 42 anggota LLP.
10. Selain Skuadron 503, terdapat satu lagi skuadron yang berada di bawah perintah operasi SUKK iaitu Skuadron 601. Skuadron ini menempatkan *Unmanned Aerial System* iaitu 12 unit *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV), 4 unit *UAV Launcher* dan 4 unit *UAV Recovery*.
11. Saya juga ingin menegaskan, usaha memelihara kedaulatan dan keselamatan Sabah sentiasa dilipatgandakan serta dilaksanakan secara menyeluruh. Tidak hanya terhad kepada TLDM, pelbagai lagi usaha sedang dan akan dilaksanakan termasuk melalui Tentera Darat Malaysia (TDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) – **rujuk *FACT SHEET***.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**1 JULAI 2022**



*Siaran*  
**AKHBAR**  
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 ( ) 01/07

**LAWATAN RASMI  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG  
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH  
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH  
KE KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan mencemar duli mengadakan lawatan rasmi ke Kementerian Pertahanan hari ini.

Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda di Wisma Pertahanan telah disambut oleh Menteri Kanan Pertahanan YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein; Timbalan Menteri Pertahanan YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan YBhg Dato' Sri Muez bin Abd Aziz; Panglima Angkatan Tentera YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi bin Buang TUDM; Panglima Tentera Darat YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain; Panglima Tentera Laut YBhg Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany; Panglima Tentera Udara YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM bersama Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Sebaik keberangkatan tiba, Seri Paduka Baginda telah menerima Tabik Hormat Diraja dan memeriksa Kawalan Kehormatan Utama dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja terdiri daripada 4 pegawai serta 103 anggota yang diketuai oleh Mej Nurul Fauzan bin Md Sabri.

Di dalam sesi lawatan ini juga, Seri Paduka Baginda berkenan menerima sembah taklimat dari Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pertahanan dan ATM berkenaan Pelan Pemulihan Aset *Littoral Combat Ship* (LCS), Pindaan Akta Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), agenda memperkasakan Veteran ATM dan Pengoperasian Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD).

Lawatan rasmi ke Kementerian Pertahanan ini adalah merupakan julung kali dizahirkan Seri Paduka Baginda ke atas organisasi Kementerian-Kementerian di Malaysia sejak ditabalkan sebagai KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-16. Kementerian Pertahanan dan ATM menjunjung kasih di atas kesudian Seri Paduka Baginda selaku Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia mencemar duli mengadakan lawatan rasmi ke Kementerian Pertahanan.

-TAMAT-

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**KUALA LUMPUR**  
**4 Julai 2022**



*Siaran*  
**AKHBAR**

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 ( ) 02/07

**MAJLIS PELEPASAN JEMAAH HAJI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**  
**TAHUN 2022 MASIHI/1443 HIJRAH**

Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein hari ini menghadiri Majlis Pelepasan Jemaah Haji Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ke Tanah Suci Makkah di Kuala Lumpur International Airport (KLIA), Kuala Lumpur. Turut mengiringi beliau adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Sri Muez Abdul Aziz serta Ketua Staf Angkatan Tentera Malaysia, Leftenan Jeneral Datuk Zakaria bin Hj Yadi.

Seramai 235 Jemaah Haji ATM akan mengerjakan ibadah haji selama 40 hari bermula 5 Julai sehingga 13 Ogos 2022. Perjalanan tersebut merangkumi 2 hari perjalanan pergi dan balik serta berada di Mina selama 10 hari manakala di Makkah selama 14 hari dan seterusnya di Madinah selama 14 hari.

Daripada 235 jemaah Haji ATM, 55 orang adalah daripada TDM, 15 orang daripada TLDM dan 36 orang daripada TUDM. Selain daripada warga ATM, peserta haji pada tahun ini turut disertai oleh 76 daripada pesara tentera di bawah kuota Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan 47 orang kakitangan awam KEMANTAH. 6 orang petugas ATM turut membantu sebagai Mutawif berserta seorang pegawai perubatan bagi memastikan aspek kebajikan dan kesihatan anggota ATM terjaga dengan lebih baik.

Menteri Pertahanan bersama pimpinan tertinggi Kementerian dan ATM berbesar hati meraikan bakal jemaah haji ATM tahun 2022 yang mana kali terakhir ATM menghantar jemaah adalah pada tahun 2019. Pada tahun 2019, ATM telah menghantar seramai 164 orang warga untuk mengerjakan haji.

-TAMAT-

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

Kementerian Pertahanan Malaysia  
5 Julai 2022



*Siaran*  
**AKHBAR**  
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 ( ) 02/07

**ISTIADAT PERBARISAN HARI PAHLAWAN TAHUN 2022**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda (KDYMM SPB) Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah berkenan bercemar duli ke Istiadat Perbarisan Hari Pahlawan Tahun 2022 bertempat di Dataran Pahlawan Negara, Putrajaya hari ini. Turut berangkat sama adalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

Istiadat perbarisan pada tahun ini di mana Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah dipertanggungjawabkan sebagai penganjur adalah berkonsepkan perbarisan statik dengan penglibatan 6 detasmen terdiri daripada Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) termasuk Kontinjen dari Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM) serta Kontinjen Pesara Polis dan Bekas Polis Malaysia (PBPM). Perbarisan ini diketuai oleh Leftenan Kolonel Muhammad Ikhwan Bin Hussin, Pegawai Memerintah Batalion Ke-10 Rejimen Askar Melayu Diraja (10 RAMD).

Penglibatan keseluruhan dalam menjayakan Istiadat Perbarisan ini terdiri daripada 66 pegawai dan 1,055 anggota lain-lain pangkat dari ATM dan PDRM. Manakala kekuatan dalam perbarisan melibatkan 54 pegawai dan 830 anggota lain-lain pangkat dari ATM. PDRM terdiri daripada 4 pegawai dan 82 anggota PDRM serta 152 veteran dari PVATM dan PBPM. Antara pengisian dalam Istiadat Perbarisan ini adalah alunan deklamasi sajak berjudul 'Pahlawan' yang disampaikan oleh Koperal Udara Mohamad Ramdan Akmal bin Md Jamal dari ATM serta Sarjan Roseshini binti Kasim dari PDRM.

Kemuncak acara adalah persembahan pantomim mengenai pengorbanan pejuang negara di mana pada tahun ini ATM mempersembahkan kisah dari peristiwa pertempuran yang telah berlaku di Bakara Market, Mogadishu, Somalia pada 3 dan 4 Oktober 1993. Peristiwa ini membabitkan pasukan Batalion Ke-19 Rejimen Askar Melayu Diraja (19 RAMD) Mekanise yang terlibat dalam dalam misi pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Mogadishu, Somalia di bawah Kontinjen MALBATT 1 UNOSOM II (United Nations Operation in Somalia). Ketika itu Ibu Pejabat Operasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Somalia (UNOSOM II) telah meminta bantuan pasukan tentera Malaysia dan 19 RAMD Mekanise (MALBATT 1) telah dikerah ke kawasan pertempuran untuk menyelamatkan anggota elit US Rangers dan kru helikopter Black Hawk yang terperangkap di pasar berkenaan akibat diserang oleh gerila pemberontak pimpinan Mohamed Farrah Aidid.

Dalam usaha menyelamatkan anggota US Rangers berkenaan, kereta perisai Condo yang dipandu oleh Koperal Mat Aznan Awang telah diserang hendap gerila pemberontak melalui tembakan roket RPG menembusi cermin hadapan kenderaan perisai tersebut hingga menyebabkan kematian kepada anggota pemandu berkenaan. Atas keberaniannya, Allahyarham Koperal Mat Aznan Awang telah dikurniakan Darjah Keberanian Tertinggi Persekutuan, Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP).

Istiadat Perbarisan Hari Pahlawan ini kali terakhir diadakan pada tahun 2018. Pada tahun 2019, istiadat berkenaan tidak dapat dilaksanakan akibat keadaan jerebu teruk yang melanda Negara ketika itu. Pelaksanaan istiadat berkenaan pada tahun 2020 dan 2021 juga tidak dapat direalisasikan berikutan pandemik COVID-19. Walaubagaimanapun, berdasarkan situasi negara kini dalam fasa endemik, maka Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan untuk Sambutan Hari Pahlawan ini dilangsungkan pada tahun ini.

Turut hadir dalam Istiadat ini adalah Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kanan Pertahanan; YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein serta isteri YM Datin Seri Tengku Marsilla Tengku Abdullah; Menteri Dalam Negeri, YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi bin Buang TUDM dan isteri YAM Tengku Puteri Seri Teja Puan Sri Hjh Tengku Muhaini binti Al-Marhum Sultan Hj Ahmad Shah dan Ketua Polis Negara, Inspektor Jeneral Tan Sri Acryl Sani bin Hj. Abdullah Sani serta isteri Puan Sri Ir. Zaitun binti Mohd Isa.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**

**31 Julai 2022**



## **LATAR BELAKANG SAMBUTAN HARI PAHLAWAN**

Hari Pahlawan disambut pada 31 Julai setiap tahun bertujuan untuk semua rakyat Malaysia mengingati dan menghargai semangat keberanian serta jasa para perwira di dalam pasukan keselamatan negara samada ATM mahupun PDRM terutama mereka yang gugur demi mempertahankan keamanan serta kedaulatan tanah air Malaysia.

Hari Pahlawan ini dahulunya dikenali sebagai Hari Peringatan atau *Remembrance Day* (Poppy Day) yang disambut di Negara-negara Komanwel semenjak berakhirnya Perang Dunia Pertama untuk memperingati para anggota angkatan bersenjata yang gugur ketika berkhidmat. Malaysia telah mengisytihar Hari Pahlawan pada tanggal 31 Julai 1960 sempena tamatnya darurat pada tarikh tersebut. Namun Sambutan Hari Pahlawan ini mula diadakan pada 4 Ogos 1968 seiring dengan bulan Kemerdekaan negara, serta diraikan di Tugu Negara. Beberapa acara telah diadakan di monumen berkenaan seperti bertafakur memperingati pahlawan yang telah gugur dan meletakkan kalungan bunga di samping menaikkan bendera Malaysia.

Pada tahun 1972, Kerajaan memutuskan Hari Pahlawan kembali disambut pada 31 Julai yang bersempena dengan hari terakhir Darurat di Malaysia. Sejak itu, Hari pahlawan disambut pada tarikh tersebut dan diadakan pada peringkat negeri serta kebangsaan. Pada 31 Julai 2010, acara Hari Pahlawan yang pada kelazimannya berlangsung di Tugu Negara telah diubah ke Dataran Merdeka. Ini adalah ekoran daripada pandangan Majlis Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada 6 dan 7 Ogos 1987 mendapati bahawa terdapat beberapa tatacara sambutan Hari Pahlawan di Tugu Negara bertentangan dengan ajaran Islam. Seterusnya, bermula tahun 2016, acara sambutan utama Hari Pahlawan ini telah diubah dari Dataran Merdeka ke Dataran Pahlawan Negara, Putrajaya hingga kini.

Justeru, bagi sambutan di Malaysia, ia bukan sahaja menghargai pengorbanan para perwira dan perajurit ATM dan PDRM masa kini malah lebih signifikan ia diraikan agar semua lapisan masyarakat mengenang semangat keberanian akan segala perjuangan dan pengorbanan mereka terdahulu seperti para bekas askar British Malaya, Sarawak Ranger, Pasukan Polis Hutan, Pasukan *Home Guard* dan lain-lain yang banyak berkorban demi kedaulatan dan keamanan tanah air tercinta.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **RESPON TERHADAP LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) BERHUBUNG PEROLEHAN LITTORAL COMBAT SHIP (LCS)**

1. Saya ambil maklum dapatan Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai projek Littoral Combat Ship (LCS) yang dikeluarkan tengahari tadi. Kami sendiri di pihak Kementerian Pertahanan (MINDEF) telah memberi kerjasama penuh dan sentiasa telus semasa menghadiri prosiding-prosiding serta proses siasatan yang dilakukan PAC.
2. Reaksi awal saya berhubung perkara ini adalah MINDEF serta semua pemegang taruh (*stakeholders*) akan meneliti laporan tersebut secara terperinci dan semestinya akan mengambil kira kesemua syor yang dikemukakan PAC dalam meneruskan projek LCS selepas ini.
3. Seperti dimaklumkan pada April lalu, Kabinet juga telah bersetuju dengan Pelan Pemulihan Projek LCS yang membenarkan tempoh mobilisasi dilaksanakan selama enam (6) bulan bagi membolehkan rundingan dibuat dengan pihak OEM dan vendor seterusnya memuktamadkan perancangan ke hadapan perolehan LCS seperti yang dimahukan serta diperlukan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).
4. Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Tadbir Urus Khas yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan (MOF) serta Ketua Setiausaha MINDEF. Jawatankuasa ini ditugaskan memantau secara dekat terutama proses mobilisasi dalam tempoh enam (6) bulan ini dan melaporkan perkembangannya kepada Kabinet.
5. Berhubung kelemahan dan penyelewengan, saya konsisten menegaskan bahawa siapa jua yang bersalah tetap bersalah. Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih sedang berjalan dan ini bermakna pihak yang terlibat salah laku dalam projek sebelum ini tidak akan terlepas begitu sahaja.
6. PAC sendiri telah mengesyorkan supaya SPRM mempercepatkan siasatan dan menyegerakan pendakwa. Siapa jua yang bersalah pasti akan dihadapkan ke muka pengadilan.
7. Melangkah ke hadapan, perkara paling penting sekarang ialah untuk memastikan projek LCS ini dapat diteruskan dengan lancar. LCS aset yang amat diperlukan demi keselamatan perairan negara, sejajar dengan Program Transformasi Armada 15 to 5, dan demi kepentingan TLDM.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**4 OGOS 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **A. POLIKLINIK KESIHATAN ATM KEM PENRISSEN DIRASMIKAN**

1. Hari ini saya memulakan lawatan kerja rasmi ke Sarawak sejak kembali menerajui Kementerian Pertahanan (MINDEF). Tumpuan lawatan ini ialah terhadap dua perkara iaitu **perasmian Poliklinik Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Kem Penrissen** serta **agenda keselamatan dan pertahanan di Sarawak**.
2. Tentang Poliklinik Kesihatan ATM di Kem Penrissen yang telah saya rasmikan sebentar tadi, ia merupakan **salah satu daripada lima buah Poliklinik Kesihatan ATM** yang dimulakan perancangannya di bawah agenda kesihatan sejak Februari 2016 iaitu ketika saya Menteri Pertahanan sebelum ini.
3. Pelaksanaannya sedikit tertangguh sejak Mei 2018 sehingga awal tahun 2020, namun hasil tumpuan kepimpinan tertinggi MINDEF selepas itu, projek pembinaan Poliklinik Kesihatan ini kembali dilaksanakan mengikut perancangan dan satu telah dapat disiapkan sepenuhnya di Kem Penrissen ini.
4. Tiga buah lagi Poliklinik Kesihatan ATM iaitu di Kluang, Johor; Seberang Takir, Terengganu; dan Sungai Petani, Kedah juga telah berada dalam proses pembinaan manakala sebuah lagi di Kuantan, Pahang sudah pun memasuki proses tender.
5. Matlamat utama MINDEF dan ATM dalam melaksanakan inisiatif ini adalah untuk memperkukuhkan lagi perkhidmatan rawatan kesihatan bagi para anggota agar ia lebih efisien, pelbagai dan menyeluruh berbanding kemudahan sedia ada yang terdapat di Rumah Sakit Angkatan Tentera (RSAT) dan Pusat Pergigian Angkatan Tentera (PGAT).
6. Antara fasiliti yang disediakan di Poliklinik kesihatan ATM ini termasuklah dewan bedah; wad pesakit; unit rehabilitasi; klinik tentera; kesihatan keluarga; unit kecemasan; pusat hemodialisis; perkhidmatan kesihatan awam; dan perkhidmatan pergigian. Fasiliti-fasiliti ini bukan sahaja boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh anggota ATM tetapi juga Veteran ATM serta ahli keluarga mereka.

### **B. ATM PERKUKUH KESIAPSIAGAAN DI SARAWAK**

7. Memandangkan saya berada di Sarawak, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menjelaskan perkembangan terkini berkaitan inisiatif keselamatan di Sarawak. Inisiatif ini juga akan turut dibincang semasa kunjungan hormat saya ke atas Premier Sarawak, YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg esok.
8. **Bagi Tentera Darat Malaysia (TDM)**, ketika ini kekuatan dan pengoperasiannya berada di bawah naungan Markas 1 Divisyen yang berpangkalan di Muara Tuang dengan tumpuan utamanya ialah memelihara keselamatan sempadan Malaysia-Indonesia dan Malaysia-Brunei.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

9. Demi membolehkan pengoperasian TDM di bawah Markas 1 Divisyen ini terus berada pada tahap optimum, **TDM telah mengatur gerak ribuan anggota ke negeri ini merangkumi tiga Formasi iaitu Formasi 3 Briged; Formasi 9 Briged; Formasi 31 Briged.**
10. TDM juga **menempatkan sebanyak 13 buah Pos terdiri daripada 10 Pos Imbangan dan 3 Pos Gabungan.** Mengambil kira keperluan semasa di Sarawak, **TDM juga akan menambah sebanyak 12 buah lagi Pos Imbangan baru dan sebahagiannya telah dimulakan pembinaannya. Bukan itu sahaja, TDM juga akan menukarkan 3 Pos Imbangan sedia ada kepada 3 Pos Gabungan.** Namun atas sebab keselamatan, lokasi-lokasi pos ini tidak akan didedahkan secara terperinci.
11. Pos-Pos Gabungan ini penting apatah lagi mengambil kira perancangan Indonesia untuk memindahkan ibu kotanya ke Kalimantan. Sebagai makluman awal, **perihal Pos Gabungan ini juga akan dibincangkan semasa saya dan Menteri Pertahanan Indonesia, TYT Prabowo Subianto mempengerusikan bersama Mesyuarat ke-42 General Border Committee Malaysia-Indonesia (GBC MALINDO) di Kuala Lumpur minggu depan.**
12. **Bagi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM),** demi memastikan usaha memelihara kedaulatan perairan di Sarawak dapat dilaksanakan secara lebih holistik, **Markas Wilayah Laut Timur (MAWILLA) 4 dirancang dibina secara berfasa di Tanjung Borgam, Samalaju Sarawak menerusi Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) dan RMKe-13.** Pembinaan MAWILLA 4 ini merupakan keperluan yang cukup penting bagi meningkatkan lagi keupayaan operasi TLDM dalam menjaga instalasi strategik negara di perairan Sarawak. Pihak MINDEF telah mengajukan permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU).
13. **Bagi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM),** sebanyak tiga buah pesawat CN235 sedang dinaiktaraf menerusi program kerjasama *Maritime Security Initiative (MSI)* dengan Amerika Syarikat khusus bagi meningkatkan pengoperasian TUDM di Sarawak. Satu daripada tiga pesawat CN235 yang dinaiktaraf ini telahpun siap dan kini berada di bawah No. 1 Skuadron di Pangkalan Udara (PU) Kuching manakala dua buah lagi dijangka siap pada September ini dan turut akan ditempatkan di PU Kuching.
14. Inisiatif-inisiatif ini akan terus diperkasakan dari semasa ke semasa demi memastikan kedaulatan dan keselamatan Sarawak terus terjaga serta terbelah dari sebarang ancaman.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**5 OGOS 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **KERJASAMA ANTARA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK DALAM KONTEKS PERTAHANAN DIPERKUKUH**

1. Lawatan kerja rasmi saya ke Sarawak diteruskan hari ini di mana pagi tadi saya bersama kepimpinan tertinggi Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Premier Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg.
2. Turut hadir dalam pertemuan tersebut adalah Ketua Setiausaha MINDEF, Dato' Sri Muez bin Abd Aziz; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi Bin Buang; Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Zamrose Bin Mohd Zain dan Panglima Medan Timur Tentera Darat Malaysia, Leftenan Jeneral Dato' Mardzuki Bin Muhammad.
3. Pertemuan berlangsung dalam suasana yang cukup harmoni dan amat baik di mana banyak telah dibincangkan khususnya dalam usaha mengukuhkan lagi kerjasama yang sedia erat antara Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Persekutuan terutama dalam konteks pertahanan serta keselamatan.
4. **Perbincangan berfokus kepada tiga (3) perkara utama. Pertama, keselamatan Sarawak.** Dalam konteks ini, saya memulakannya dengan sekali lagi mengulangi komitmen kepada YAB Premier, Kerajaan Negeri dan seluruh rakyat Sarawak bahawa fokus MINDEF dan ATM tidak pernah pudar untuk terus melaksanakan perancangan terbaik demi meningkatkan tahap pertahanan ATM di seluruh negeri ini.
5. Pada masa yang sama, saya turut menyuarakan tekad Kerajaan Persekutuan khususnya MINDEF untuk terus melangkah ke hadapan bersama Kerajaan Negeri Sarawak menerusi kerjasama yang lebih erat dan menyeluruh. Matlamatnya jelas, iaitu demi memastikan keselamatan rakyat serta kedaulatan negeri Sarawak sentiasa terpelihara. Ini perkara yang MINDEF dan ATM tidak akan sesekali berkompromi.
6. Saya telah memaklumkan kepada YAB Premier bahawa antara perancangan terbaru, **ATM akan meningkatkan keberadaan anggota dan aset dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan khususnya di Bintulu.** Perancangan ini bagi membolehkan ATM meningkatkan keupayaan pertahanan udara dan maritim sekaligus memastikan instalasi strategik negara di perairan Sarawak terus terpelihara daripada sebarang ancaman.
7. **Seperti saya maklumkan semalam, demi memastikan usaha memelihara kedaulatan perairan di Sarawak dapat dilaksanakan secara lebih holistik,**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

**Markas Wilayah Laut Timur (MAWILLA) 4 dirancang dibina secara berfasa menerusi Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) dan RMKe-13.**

8. **Perkara kedua yang menjadi fokus perbincangan tadi ialah pengukuhan pertahanan di sempadan.** Saya telah melaporkan kepada YAB Premier bahawa ketika ini atur gerak anggota dan aset Tentera Darat Malaysia (TDM) khususnya Rejimen Sempadan (RS) mencukupi dan sedia dipertingkatkan dari masa ke masa. Ini melibatkan keberadaan dan siap siaga di sempadan Sarawak-Kalimantan serta Sarawak-Brunei. Ini termasuklah menambah 12 buah Pos Imbangan baharu.
9. Keselamatan sempadan ini sememangnya menjadi fokus utama ATM khususnya TDM lebih-lebih lagi mengambil kira perancangan Kerajaan Indonesia untuk memindahkan ibu kotanya ke Kalimantan kelak. **Perkara ini juga akan dibincangkan secara terperinci bersama rakan sejawat saya, Menteri Pertahanan Republik Indonesia Tuan Yang Terutama (TYT) Prabowo Subianto semasa mempengerusikan bersama Mesyuarat ke-42 General Border Committee Malaysia-Indonesia (GBC MALINDO) di Kuala Lumpur minggu depan.**
10. **Perkara ketiga, kami membincangkan mengenai industri pertahanan.** Saya memaklumkan kepada YAB Premier bahawa pada ketika ini Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara (DIPKN) sedang berada di peringkat akhir perangkaan. Antara fokus dasar ini ialah mewujudkan hub-hub industri pertahanan di lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti di seluruh negara menerusi kerjasama dengan Kerajaan Negeri.
11. Gembira untuk saya maklumkan, **Kerajaan Negeri Sarawak telah menunjukkan minat dan menyuarakan kesediaan untuk turut serta dan bekerjasama dengan MINDEF bagi menjayakan perancangan berkaitan industri pertahanan ini di Sarawak.** MINDEF akan menghantar pasukan ke Sarawak dalam masa terdekat bagi membincangkannya secara lebih lanjut.
12. Secara keseluruhannya, pertemuan bersama YAB Premier pagi tadi telah memberi nafas baharu terhadap kerjasama dalam konteks pertahanan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak. Pertemuan ini hanya permulaan. Saya dan YAB Premier berkongsi tekad untuk terus berganding bahu dalam usaha menjamin keselamatan Sarawak. Terima kasih YAB Premier dan Kerajaan Negeri Sarawak.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**6 OGOS 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **KERJASAMA PERTAHANAN MALAYSIA-INDONESIA TERUS DIPERKUKUH**

1. Hari ini saya menerima kunjungan rakan sejawat yang cukup saya hormati, Menteri Pertahanan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama (TYT) Prabowo Subianto. Seperti kelaziman, pertemuan saya dan TYT Prabowo sentiasa menyerlahkan semangat serumpun Malaysia-Indonesia yang bukan sahaja istimewa tetapi lebih penting memudahkan saya dan TYT Prabowo mencapai pelbagai persefahaman demi keselamatan Malaysia, Indonesia dan rantau ini.
2. Hasilnya, gembira untuk saya dan TYT Prabowo laporan bahawa kerjasama pertahanan Malaysia-Indonesia yang sedia erat kini diperkukuhkan sekali lagi menerusi tiga (3) perkara yang dilaksanakan bersama di Kuala Lumpur kali ini.

#### **A. MESYUARAT DUA HALA**

3. **Pertama, menerusi Mesyuarat Dua Hala antara saya dan TYT Prabowo.** Mesyuarat yang berlangsung dalam suasana harmoni dan mesra ini dimulakan dengan penzahiran penghargaan tertinggi daripada saya dan TYT Prabowo terhadap komitmen berterusan Malaysia dan Indonesia untuk saling berganding bahu dalam memelihara keselamatan.
4. Kami saling memperakui bahawa setiap kerjasama pertahanan sedia ada antara kedua-dua negara selama ini sukar dilaksanakan jika tidak kerana kesungguhan, kemampuan dan semangat kebersamaan yang tidak berbelah bahagi. Ini tidak hanya kesepakatan di peringkat Menteri tetapi lebih penting pelaksanaan sebenar di darat, laut dan udara oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Tentera Nasional Indonesia (TNI).
5. Pada masa yang sama, kami juga berkongsi pandangan bahawa Malaysia dan Indonesia tidak boleh sekadar berpuas hati dengan kerjasama pertahanan semasa. Keakraban antara dua negara, persefahaman jitu antara Menteri dan usahasama erat di peringkat ATM-TNI mesti diterjemahkan kepada hasil yang lebih pelbagai dalam konteks pertahanan dan keselamatan.
6. Sebab itulah, tadi saya dan TYT Prabowo senada bahawa banyak lagi akan diterokai bersama oleh kedua-dua negara dalam masa terdekat dan masa hadapan. Ini termasuklah dalam perihal keselamatan di sempadan, rondaan di perairan yang menjadi tumpuan bersama, latihan bersama ATM-TNI, perkongsian maklumat dan kepakaran, keselamatan siber serta semestinya industri pertahanan.
7. Selain itu, hari ini saya dan TYT Prabowo juga bersetuju supaya Latihan Gabungan Bersama Malaysia – Indonesia Darat Samudera Angkasa (LATGABMA MALINDO DARSASA) yang melibatkan ketiga-tiga cabang perkhidmatan akan dilaksanakan semula pada tahun 2023 dengan berfokus kepada anti keganasan.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### B. MOU KERJASAMA PERTAHANAN

8. **Dalam pada itu, sebentar tadi satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani sendiri oleh saya serta TYT Prabowo.** MoU yang ditandatangani ini akan menjadi satu lagi suntikan nafas baharu terhadap kerjasama pertahanan antara Malaysia dan Indonesia. Secara amnya, MoU yang ditandatangani ini bakal membolehkan kerjasama pertahanan antara kedua-dua negara diperluaskan merangkumi 5 skop utama seperti berikut:-
- i. Perkongsian maklumat mengenai isu-isu pertahanan;
  - ii. Kerjasama antara kedua-dua angkatan tentera di pelbagai peringkat termasuk pertukaran pegawai, latihan, pendidikan dan eksesais ketenteraan;
  - iii. Dialog dan rundingan dua hala mengenai isu-isu pertahanan strategik dan ketenteraan berdasarkan kepentingan bersama;
  - iv. Kerjasama dalam bidang sains dan teknologi pertahanan; dan
  - v. Kerjasama dalam industri pertahanan.
9. Bagi memastikan kesepakatan yang dimeterai dalam MoU ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin, bukan sahaja saya dan TYT Prabowo akan terus memantau bersama, tetapi kami juga telah mengarahkan supaya kepimpinan tertinggi Kementerian serta Angkatan Tentera di Malaysia dan Indonesia mempertingkatkan komunikasi serta pertemuan dengan rakan sejawat masing-masing.

### C. MESYUARAT KE-42 GENERAL BORDER COMMITTEE MALAYSIA – INDONESIA

10. **Perkara ketiga yang menjadi tumpuan dan membawa kepada pengukuhan kerjasama Malaysia-Indonesia semestinya Mesyuarat Ke-42 General Border Committee (GBC) Malaysia-Indonesia.** Mesyuarat edisi kali ini amat istimewa dan cukup signifikan memandangkan tahun ini merupakan ulang tahun sambutan ke-50 tahun kerjasama sempadan Malaysia dan Indonesia yang terbentuk hasil dari pemeteraian *Security Arrangement 1972*.
11. Sepertimana tahun-tahun sebelum ini, Mesyuarat GBC Malaysia-Indonesia tahun ini sekali lagi memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh kerjasama pertahanan dan pembangunan sosio-ekonomi di sepanjang sempadan Malaysia dan Indonesia.





MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

12. Ini selari dengan komitmen yang saya suarakan kepada YAB Premier Sarawak tempoh hari bahawa Kerajaan Persekutuan akan memberi fokus sepenuhnya untuk meningkatkan pertahanan di sempadan termasuk sempadan Sarawak-Kalimantan, lebih-lebih lagi mengambil kira perancangan Kerajaan Indonesia untuk memindahkan ibu kotanya ke Kalimantan kelak.
13. Selain itu, mesyuarat ini turut dimanfaatkan bagi membincangkan dan mengambil maklum pelaporan kemajuan aktiviti-aktiviti operasi dan bukan operasi yang telah dilaksanakan di bawah seliaan *High-Level Committee*.
14. Lebih penting, hasil Mesyuarat GBC tahun ini, saya dan TYT Prabowo telah mencapai beberapa kesepakatan penting khususnya berhubung keselamatan dan pertahanan di sempadan. Ini termasuklah:-
  - i. Mempercepatkan penugasan ATM dan TNI di Pos Gabungan Bersama (GABMA) yang sedia ada dan baharu melibatkan 7 pos di Malaysia dan 7 pos di Indonesia;
  - ii. Mengaktifkan semula patrol terkoordinasi Darat, Laut dan Udara yang telah tertangguh disebabkan COVID-19, sebagai langkah memperkukuhkan hubungan kerjasama antara agensi keselamatan kedua-dua negara; dan
  - iii. Mewujudkan kerjasama keselamatan siber di bawah GBC MALINDO yang bertujuan membina jalinan hubungan kerjasama antara agensi siber Malaysia dan Indonesia serta meneroka inisiatif baharu dalam usaha untuk memelihara keselamatan data siber kedua-dua negara.
15. Secara keseluruhannya, di pihak Malaysia, saya amat berpuas hati dengan pertemuan dan hasil mesyuarat dengan TYT Prabowo hari ini. Malaysia amat berbangga dan akan terus menjadikan Indonesia sebagai rakan akrab dalam bidang pertahanan sampai bila-bila. Banyak yang telah dicapai hari ini namun Malaysia yakin banyak lagi yang boleh dikecapi bersama di masa hadapan demi kepentingan keselamatan Malaysia, Indonesia dan rantau ASEAN.

**YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**9 OGOS 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **MINDEF SOKONG PENUH PENGUMUMAN YAB PERDANA MENTERI BERHUBUNG ISU LCS**

1. Kementerian Pertahanan (MINDEF) mengalu-alukan pengumuman YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob berhubung isu perolehan *Littoral Combat Ship* (LCS) sebentar tadi.
2. Saya dan MINDEF akan lakukan apa sahaja bagi memastikan isu ini dapat diselesaikan serta memberikan kerjasama penuh kepada semua badan berkuasa yang melakukan siasatan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) serta Audit Forensik. Saya dan barisan kepimpinan di MINDEF tiada sebarang perkara yang hendak disembunyikan sebaliknya hanya mahukan perkara ini dapat diselesaikan dan diteruskan demi kepentingan TLDM, demi wang awam yang dibelanjakan serta kepentingan negara.
3. MINDEF juga memberi jaminan bahawa keputusan Kabinet ini tidak akan mengganggu tiga (3) perkara yang telah saya tegaskan beberapa kali sebelum ini. Pertama, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) memerlukan LCS dan sebab itu ia mesti diteruskan selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada April 2022. Kedua, pihak yang salah tetap salah dan mesti dihadapkan ke muka pengadilan. Ketiga, dalam tempoh enam (6) bulan ini, MINDEF juga sedang giat melakukan kerja-kerja rundingan dengan pihak OEM, vendor dan perbankan sebagai pelan mobilisasi bagi memastikan LCS dapat disediakan.
4. Justeru, penting untuk semua pemegang taruh kekal fokus terhadap usaha meneruskan projek LCS, demi memastikan TLDM dapat memiliki LCS yang sangat mereka perlukan dengan secepat mungkin.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**10 OGOS 2022**



SENIOR MINISTER OF DEFENCE  
MALAYSIA

## PRESS STATEMENT

### WORKING VISIT TO DEFENSE & SECURITY 2022

1. On the invitation of General Prayut Chan-o-cha, Minister of Defence for the Kingdom of Thailand; I am currently on a two (2) day Working Visit to Bangkok, Thailand to attend **Defense & Security 2022** at the IMPACT Exhibition and Convention Center. The Malaysian delegation includes Dato' Sri Muez Bin Abd Aziz, Secretary General of the Ministry of Defence Malaysia (MINDEF); General Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Bin Buang, Chief of Defence Force; Admiral Tan Sri Mohd Reza Bin Mohd Sany, Chief of the Royal Malaysian Navy; and Lieutenant General Dato' Indera Muhamad Norazlan bin Aris, Deputy Chief of the Royal Malaysian Air Force.
2. MINDEF, together with Asian Defence Journal (ADJ) and DSA Exhibition & Conferences Sdn. Bhd, participated in *Defense & Security 2022* under the **Malaysia Pavilion**. The Pavilion is to promote the DSA and NATSEC ASIA exhibition which will be held from 6-9 May 2024 and today, I witnessed the Participation Contract Handover Ceremony where 5 companies sealed their commitment to participate, namely :-
  1. Kallman Worldwide, representing the United States Pavilion;
  2. Pexpo Services, representing the German Pavilion;
  3. Advance Defence System Sdn Bhd;
  4. MILDEF International Technologies Sdn Bhd; and
  5. Ada Vinci Global Sdn Bhd.
3. Both General Prayut and I also held a bilateral meeting on the sidelines of *Defense & Security 2022* where we highlighted our strengthening bilateral defence relations, especially with the three (3) exercises conducted between the Malaysian Armed Forces (MAF) and the Royal Thai Armed Forces (RTARF) this year which are **Air THAMAL**, **Land THAMAL**, and **Sea THAMAL**. Both the MAF and RTARF also participated in **COBRA GOLD** this year, a multilateral exercise co-hosted by the Kingdom of Thailand and the United States of America.
4. In view of the extensive military collaboration between Malaysia and the Kingdom of Thailand, I proposed the establishment of a **Memorandum of Understanding (MoU) in Defence Cooperation** to serve as a strategic platform to cement military-to-military cooperation; and explore new areas of cooperation such as our defence industries, and defence science and technology. Both General Prayut and I have tasked our senior officials to finalize this MoU before the end of the year.



SENIOR MINISTER OF DEFENCE  
MALAYSIA

## PRESS STATEMENT

5. Importantly, I took the opportunity to convey to General Prayut that the Defence Ministers of Indonesia and Singapore have supported Malaysia's proposal to elevate the **Malacca Straits Patrol (MSP)** by introducing a **Quadrilateral Ministerial Meeting** between the participating nations. General Prayut welcomed the proposal and looks forward to hosting the Quadrilateral Ministerial Meeting in Thailand later this year.
6. Both General Prayut and I also discussed a broad spectrum of regional and international issues regarding the dynamic global security landscape such as the Russia-Ukraine Conflict; Myanmar; and Cross-Strait developments.
7. Tomorrow, I will pay a Courtesy Call on Acting Prime Minister General Prawit Wongsuwan at Government House in Bangkok to reinforce and strengthen the close ties between Malaysia and the Kingdom of Thailand before concluding my working visit.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**29 AUGUST 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **MINDEF SALUR PERUNTUKAN BAGI TUJUAN SENGGARAAN SEGERA SEKOLAH DALAM KEM ATM DI SELURUH NEGARA SERTA RKMAT DTHO DAN JALAN U-THANT**

1. Hari ini saya mengadakan lawatan ke Sekolah Kebangsaan (SK) Kementah, Kuala Lumpur dan Rumah Keluarga Malaysia Angkatan Tentera (RKMAT) Desa Tun Hussein Onn (DTHO). Tujuan lawatan ini adalah bagi membolehkan saya meninjau sendiri fasiliti yang terdapat di sekolah ini dan keadaan semasa RKMAT DTHO.
2. Perkara ini selari dengan pendirian sepanjang kepimpinan saya di MINDEF bahawa soal pendidikan dan kebajikan terutama kediaman merupakan keutamaan sepanjang masa. Ia bukan sahaja berkait rapat dengan masa depan anak-anak warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tetapi juga moral dan semangat anggota ATM serta warga pendidik di semua sekolah dalam Kem ATM di seluruh negara.
3. **Berhubung lawatan ke sekolah**, menerusi tinjauan tadi dan maklum balas warga sekolah serta Bahagian Pendidikan ATM, Kementerian Pertahanan (MINDEF) telah mengenalpasti beberapa penambahbaikan yang perlu dilaksanakan segera. Sehubungan itu, **MINDEF telah memperuntukkan sebanyak RM8 juta bagi tujuan senggaraan segera fasiliti di sekolah-sekolah dalam kem ATM di seluruh negara** termasuklah SK Kementah ini.
4. Antara kerja senggaraan yang akan dilaksanakan termasuklah membabitkan fasiliti asas dan pendawaian elektrik. Dengan peruntukan ini, **ia bakal memanfaatkan lebih 20,000 pelajar dan lebih 2,000 guru serta kakitangan sokongan**.
5. Peruntukan yang diumumkan hari ini hanya sebahagian daripada pelbagai lagi inisiatif pendidikan ATM yang telah dan akan dilaksanakan. Antaranya, MINDEF turut merancang untuk memanjangkan inisiatif Studio Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dan Kelas Abad Ke-21 seperti yang ada di SK Kementah ini ke sekolah-sekolah dalam Kem ATM di seluruh negara.
6. **Berhubung lawatan ke RKMAT pula**, saya sempat meninjau beberapa blok kediaman seterusnya mendapatkan taklimat mengenai keadaan semasa fasiliti serta infrastruktur di RKMAT DTHO ini dan RKMAT Jalan U-Thant.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

7. Hasil daripada tinjauan dan taklimat ini, saya ingin memaklumkan bahawa **peruntukan sebanyak RM1 juta telah diluluskan MINDEF bagi tujuan senggaraan segera di RKMAT DTMO dan Jalan U-Thant**. Dengan peruntukan ini, ia bakal memanfaatkan seramai 1,730 anggota ATM dan 20 warga awam MINDEF di RKMAT DTMO serta 270 anggota ATM dan 12 warga awam MINDEF di RKMAT Jalan U-Thant.
8. Saya telah arahkan supaya kerja-kerja senggaraan ini dilaksanakan secepat mungkin demi keselesaan penghuni dua RKMAT ini. Saya sendiri akan pantau pelaksanaannya dari masa ke masa.
9. Kediaman merupakan keperluan yang mustahak apatah lagi bagi anggota ATM yang selalu terpaksa meninggalkan anak dan isteri. Penting untuk ahli keluarga mereka ditinggalkan dalam kediaman yang selesa dan selamat sekaligus memastikan moral dan semangat anggota yang bertugas sentiasa di tahap terbaik. Sebab itulah, selagi saya Menteri Pertahanan, soal kediaman akan terus dititikberatkan. Ini komitmen saya dan MINDEF.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**14 SEPTEMBER 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **MALAYSIA-UAE KOMITED MEMASTIKAN HUBUNGAN PERTAHANAN TERUS DIPERTINGKATKAN KE TAHAP LEBIH MEMBANGGAKAN**

1. Saya ketika ini sedang dalam rangka lawatan rasmi ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) bagi bertemu beberapa pemimpin tertinggi Kerajaan UAE. Delegasi Malaysia yang turut bersama saya ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan (MINDEF), Dato' Sri Muez Bin Abd Aziz; Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Bin Buang; Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Zamrose Bin Mohd Zain; serta beberapa lagi kepimpinan tertinggi MINDEF dan ATM.
2. Lawatan rasmi ini dimulakan dengan pertemuan bersama **Yang Mulia Sheikh Mohamed bin Zayed Al Nahyan, Presiden UAE merangkap Pemerintah Abu Dhabi serta Panglima Tertinggi Angkatan Tentera UAE** di Istana Qasr Al Shati'. Berkongsi sejarah hubungan dua hala yang akrab, kami mengambil peluang menzahirkan penghargaan atas komitmen Kerajaan masing-masing demi memastikan hubungan Malaysia-UAE kekal bermanfaat dan membanggakan.
3. Selain itu, kami turut memperhalusi prospek ke arah mengukuhkan lagi hubungan dua hala Malaysia-UAE khususnya dalam konteks pertahanan. Kami senada bahawa prospek ini mesti diterokai sebaik mungkin demi memacu kerjasama pertahanan Malaysia-UAE ke tahap yang lebih tinggi. Ini termasuklah dengan meningkatkan perkongsian kepakaran serta pengalaman Malaysia dan UAE demi kepentingan keselamatan rakyat masing-masing.
4. Pertemuan ini juga dimanfaatkan untuk kami membincangkan keperluan meningkatkan semangat persefahaman berteraskan nilai-nilai perpaduan dan tolaq ansur, terutamanya melalui penubuhan **Kursi Sheikh Zayed di Institut Pengajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia** secara sintesis dengan Kursi Tun Hussein Onn yang telah lama ditubuhkan. Kursi Sheikh Zayed ini telah dipersetujui penubuhannya semasa saya Menteri Luar Negeri sebelum ini.
5. Kami percaya, Pemegang kedua-dua Kursi ini harus bekerjasama dalam menggalakkan perpaduan dan keupayaan, terutamanya dengan perkongsian nilai-nilai Sheikh Zayed dan Tun Hussein Onn. Usaha ini penting dalam usaha memahami bahawa keharmonian, toleransi dan perpaduan merupakan asas kejayaan sesebuah negara. Di akhir pertemuan, kami bertukar pandangan mengenai beberapa isu kepentingan serantau serta antarabangsa.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

6. Dalam pada itu, saya juga mengadakan pertemuan bersama **Menteri Negara bagi Hal Ehwal Pertahanan, Tuan Yang Terutama (TYT) Mohammed Ahmed Al Bowardi**. Dalam pertemuan di Ibu Pejabat Kementerian Pertahanan UAE ini, Malaysia diberi penghormatan tertinggi di mana saya telah menerima Kawalan Kehormat daripada ketiga-tiga cabang perkhidmatan Angkatan Tentera UAE.
7. Selesai acara penuh istiadat tersebut, saya dan TYT Mohammed Ahmed Al Bowardi mengadakan mesyuarat dua hala yang menumpukan terhadap hubungan pertahanan akrab antara Menteri dan angkatan tentera masing-masing. Mesyuarat berjalan lancar serta amat membina sekaligus membawa kepada beberapa kesepakatan penting.
  - i. **Mengadakan latihan dua hala bersama antara ATM dan Angkatan Tentera UAE**. Latihan ini akan tertumpu di kawasan darat khususnya melibatkan Tentera Darat Malaysia (TDM) dan Angkatan Darat UAE.
  - ii. **Meningkatkan pertukaran dan latihan pegawai ketenteraan** antara kedua-dua angkatan tentera.
  - iii. **Meningkatkan penglibatan antara ketenteraan (*military to military*) di peringkat tertinggi**. Perkara ini turut dipersetujui oleh Panglima ATM dan Ketua Staf Angkatan Tentera UAE, Leftenan Jeneral Hamad Mohammed Thani al-Rumaithi.
  - iv. **Mengeratkan kerjasama berkaitan industri pertahanan** terutama berhubung Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara (DIPKN) Malaysia.
8. Di akhir pertemuan, saya menyampaikan jemputan kepada TYT Mohammed Ahmed Al Bowardi untuk hadir ke *Langkawi International Maritime and Aerospace* (LIMA) pada 23 hingga 27 Mei 2023.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**20 SEPTEMBER 2022**





MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### USAHASAMA MEMPERKASA INDUSTRI PERTAHANAN MENJADI TEKAD BERSAMA MALAYSIA-UAE

1. Hari kedua lawatan rasmi saya bersama delegasi Malaysia ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) memberi tumpuan khusus terhadap usahasama Malaysia-UAE demi memperkasa industri pertahanan. Ini merupakan hasil kesepakatan yang dicapai sewaktu pertemuan saya bersama Yang Mulia Sheikh Mohamed bin Zayed Al Nahyan, Presiden UAE merangkap Pemerintah Abu Dhabi dan Panglima Tertinggi Angkatan Tentera UAE serta Tuan Yang Terutama (TYT) Mohammed Ahmed Al Bowardi, Menteri Negara bagi Hal Ehwal Pertahanan UAE semalam.
2. Mencerminkan kesungguhan Malaysia-UAE dalam usahasama ini, hari ini saya bersama delegasi Malaysia telah dibawa melawat ke **EDGE Group**, konglomerasi 25 syarikat milik Kerajaan UAE yang menyediakan persenjataan tentera dan teknologi berkaitan. Saya dan delegasi turut diberi peluang meninjau **Tawazun Industrial Park, Zayed Military City** di Abu Dhabi yang juga merupakan lokasi khusus untuk syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa berkaitan pertahanan membangunkan produk-produk mereka.
3. Lawatan ini memberi ruang kepada Malaysia untuk mempelajari pendekatan UAE memacu industri pertahanan mereka, terutamanya menerusi Tawazun Industrial Park ini. Ia penting dan selari dengan perancangan Kerajaan Malaysia memandangkan ketika ini **Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara (DIPKN)** sebagai inisiatif susulan kepada Kertas Putih Pertahanan (KPP) sedang giat dirangka.
4. Malah, salah satu teras DIPKN ialah mewujudkan **Zon Industri Pertahanan** yang berkonsepkan Tawazun Industrial Park - zon perindustrian yang ditubuhkan untuk membantu mengembangkan lagi keupayaan perindustrian UAE, terutamanya menyediakan pangkalan pembuatan untuk produk dan industri berkaitan pertahanan.
5. Saya bersama delegasi Malaysia turut meluangkan masa melawat beberapa **syarikat pertahanan tempatan**; termasuklah **NIMR**, pengeluar kenderaan tentera perisai; dan **CARACAL**, pengeluar senjata pistol, senapang dan sniper.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

6. Menjadikan lawatan ke EDGE Group dan Tawazun Industrial Park ini lebih bermakna, **sukacita saya maklumkan, berteraskan komitmen tinggi Kerajaan Malaysia-UAE untuk memperkasa industri pertahanan Malaysia, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan EDGE Group.** MoU ini telah ditandatangani sendiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif LTAT, Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman serta Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif EDGE Group, Mansour Mohamed Al Mulla dengan disaksikan saya serta kepimpinan tertinggi Kementerian Pertahanan Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia.
7. MoU ini antara lain merangkumi:-
  - i. Penerokaan peluang kerjasama lebih erat antara LTAT dengan EDGE Group dalam usaha menyokong pelbagai bentuk keupayaan dan penyelesaian pertahanan.
  - ii. Kerjasama EDGE Group dan LTAT bagi mengenal pasti potensi pelaburan bersama dalam bidang industri strategik dan pertahanan di Malaysia.
8. Mewakili Kerajaan Malaysia, saya menzahirkan rasa bangga dan kagum melihat kesungguhan Kerajaan UAE mengembangkan industri pertahanannya ke tahap yang sangat memberangsangkan. Hubungan akrab Malaysia-UAE, kerjasama erat peringkat Menteri, Kementerian dan angkatan tentera akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi memperkasakan lagi industri pertahanan Malaysia.
9. Secara keseluruhannya, lawatan rasmi saya ke UAE amat bermanfaat dan berjaya terutamanya dalam meningkatkan hubungan pertahanan Malaysia-UAE ke tahap lebih tinggi termasuklah dalam konteks industri pertahanan. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Kerajaan UAE terutama Yang Mulia Sheikh Mohamed bin Zayed Al Nahyan dan Kementerian Pertahanan UAE atas layanan yang amat mesra sepanjang delegasi Malaysia berada di Abu Dhabi.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**21 SEPTEMBER 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### INISIATIF KESIHATAN ATM TERUS DIPERKASA

1. Lawatan saya ke Hospital Angkatan Tentera (HAT) Tuanku Mizan hari ini memberi tumpuan terhadap inisiatif kesihatan warga Kementerian Pertahanan (MINDEF), anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Veteran ATM serta seluruh ahli keluarga mereka. Ia merupakan sebahagian daripada usaha berterusan MINDEF dan ATM demi memastikan aspek kebajikan terus dibela secara menyeluruh sekaligus mengekalkan moral mereka sepanjang melaksanakan penugasan.
2. Di awal lawatan tadi, saya bertemu pakar-pakar perubatan di HAT Tuanku Mizan ini bagi mendapatkan perkembangan terkini penugasan mereka serta maklum balas tentang ruang penambahbaikan di hospital ini. Selain itu, saya turut zahir penghargaan dan rasa bangga atas komitmen mereka dalam memastikan HAT Tuanku Mizan terus berperanan penting terutama ketika bersama-sama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menangani kesan-kesan penularan pandemik COVID-19 tempoh hari. Sebagai tanda terima kasih, saya sendiri telah menyampaikan Sijil Pengiktirafan kepada petugas barisan hadapan khususnya dari HAT Tuanku Mizan yang terlibat penugasan sepanjang tempoh pandemik lalu.
3. MINDEF bukan sahaja akan terus menghargai dan menyokong penuh usaha yang dilaksanakan warga perubatan ATM termasuk di HAT Tuanku Mizan ini, malah MINDEF mempunyai perancangan rapi untuk meningkatkan tahap perkhidmatan serta kemudahan kesihatan ATM di seluruh negara. Perancangan tersebut ialah:
  - i. Pertama, **kesemua lima (5) HAT akan melalui proses selenggaraan dan penambahbaikan**. Ia bakal melibatkan HAT Tuanku Mizan, 94 HAT Kem Terendak, 96 HAT TLDM Lumut, HAT Wilayah Kota Kinabalu dan Hospital Tentera Darat (HTD) Kem Syed Sirajuddin, Gemas. Bagi tujuan ini, sebanyak **RM4.67 juta telah diperuntukkan untuk menambahbaik peralatan perubatan, RM2.6 juta untuk selenggaraan bangunan dan RM30.66 juta untuk bekalan ubatan**.
  - ii. Kedua, **kesemua 19 Rumah Sakit Angkatan Tentera (RSAT), 48 Pusat Perubatan Angkatan Tentera (PPAT) dan 40 Pusat Pergigian Angkatan Tentera (PGAT) akan melalui proses selenggaraan dan penambahbaikan**. Bagi tujuan ini, sebanyak **RM13.3 juta telah diperuntukkan untuk tujuan selenggaraan dan RM61 juta untuk tujuan ubatan serta peralatan perubatan**.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

- iii. Ketiga, **ATM akan melaksanakan pembelian dua (2) unit Hospital Medan tambahan dengan kos keseluruhan RM47 juta.** Pembelian ini penting sebagai persediaan ATM mengatugerak lebih banyak Hospital Medan sekiranya diperlukan KKM pada masa akan datang termasuk ketika musim tengkujuh yang dijangka melanda hujung tahun ini.
  - iv. Keempat, **ATM telah melaksanakan perolehan 50 unit Ambulans Medan dengan kos RM27 juta.** Ia dijangka diterima pada Disember tahun ini.
  - v. Kelima, selain HAT Tuanku Mizan, saya juga menerima laporan bahawa HAT Kem Terendak memerlukan perhatian lebih daripada selenggaraan biasa. **Saya telah arah Ketua Setiausaha MINDEF mempercepatkan proses tender pembinaan baru HAT Kem Terendak dengan kos RM325 juta.**
  - vi. Keenam, bagi pihak MINDEF dan ATM, saya berterima kasih kepada Amerika Syarikat kerana **menerusi hubungan erat Malaysia-Amerika Syarikat, Medical Command, USINDOPACOM telah memuktamadkan kerjasama dengan ATM di dalam bidang kesihatan bagi tempoh lima tahun, bertujuan membangunkan kapasiti Perkhidmatan Kesihatan ATM di dalam pelbagai aspek.** Buat permulaan, Amerika Syarikat telah menyumbangkan peralatan perubatan pelbagai jenis kepada Kor Kesihatan Diraja (KKD) dengan kos keseluruhan USD3 juta serta bersetuju bekerjasama bagi **membangunkan *Military Medicine Centre of Excellence*.** Saya juga menzahirkan penghargaan kepada Emiriah Arab Bersatu (UAE), Australia dan Arab Saudi atas sokongan penuh serta penglibatan mereka dalam bersama-sama menjayakan pembangunan *Military Medicine Centre of Excellence* ini.
4. Secara keseluruhannya, MINDEF amat menghargai kerjasama semua pihak termasuklah KKM dalam usaha memperkasa inisiatif kesihatan ATM. Saya percaya, kerjasama ini akan berterusan terutama dalam memastikan perancangan-perancangan ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Saya sendiri akan melakukan tinjauan ke HAT dan fasiliti kesihatan ATM di seluruh negara secara berkala demi memastikan semua kerja penambahbaikan ini berjalan lancar demi kepentingan warga pertahanan termasuk Veteran ATM serta ahli keluarga mereka.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**27 SEPTEMBER 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### INISIATIF PENDIDIKAN ATM TERUS DITAMBAH BAIK

1. Minggu lalu saya adakan lawatan ke Sekolah Kebangsaan Kementah seterusnya umum peruntukan RM8 juta bagi tujuan selenggaraan fasiliti Sekolah Dalam Kem (SDK) Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Hari ini pula saya lawat Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Terendak dengan tujuan yang sama iaitu menambahbaik aspek pendidikan khususnya melibatkan anak-anak warga pertahanan.
2. Selari dengan komitmen ini, hari ini saya ingin maklumkan MINDEF telah muktamad pelbagai lagi perancangan bagi menambahbaik aspek pendidikan ATM dengan kerjasama Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT). Ini juga merupakan sebahagian usaha membela kebajikan warga pertahanan termasuk Veteran ATM serta ahli keluarga mereka.
  - i. **Program Dermasiswa Premium.** Menerusi program ini, anak warga ATM dan Veteran ATM yang berjaya mendapat tawaran bagi melanjutkan pengajian Ijazah Pertama di universiti yang berada di ranking 100 terbaik dunia akan menerima insentif RM5,000 secara *one-off*.
  - ii. **Skim Penabungan Anak-anak ATM Rukun Kelima (SPARK).** Skim yang melibatkan Yayasan LTAT dengan kerjasama Lembaga Tabung Haji dan Jabatan Arah Pendidikan ATM ini dilaksanakan bertujuan membantu lebih 13,500 anak anggota ATM yang bersekolah di SDK membuka akaun simpanan secara percuma di Tabung Haji. Yayasan LTAT akan menyumbang RM50 setiap seorang sebagai dana permulaan untuk pembukaan akaun Tabung Haji atau mengkreditkan dana tersebut ke akaun sedia ada anak-anak anggota ATM yang terlibat dengan kos keseluruhan RM675,000.00.
  - iii. **Program Sentuhan Elite SPM.** Menerusi program ini, anak-anak anggota ATM di SDK yang akan menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan dibantu meningkatkan tahap penguasaan dan pencapaian akademik terutama mata pelajaran teras. Ia akan melibatkan kolaborasi antara guru-guru pakar serta cemerlang daripada Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) yang berpengalaman luas. Sejumlah RM150,000 akan diperuntukkan bagi membiayai program ini.
  - iv. **Program *Train and Place*.** Program yang mendapat jalinan kerjasama Yayasan Peneraju ini akan dilaksanakan khusus untuk anak-anak warga ATM dan Veteran yang mempunyai kecenderungan dalam bidang berkemahiran



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

- terutamanya TVET. Bagi memastikan keberkesanan program ini, beberapa pihak industri akan berkolaborasi sebagai *training provider* bagi penajaan kursus-kursus yang mempunyai padanan kerja dengan industri berkaitan. Pihak industri akan melatih pelajar ini seterusnya wajib menawarkan tempat untuk pelatih-pelatih terus bekerja apabila tamat latihan di syarikat mereka.
- v. **Program Penajaan Asasi Sastera Bersama UNIRAZAK.** Pada peringkat awal, program ini dilaksanakan hasil pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan UNIRAZAK pada Mei lalu bagi membolehkan 2,500 anak Veteran ATM mengikuti pengajian percuma di peringkat Asasi Sastera. Namun kini ia turut akan diperluaskan kepada anak warga ATM dan warga awam MINDEF.
  - vi. **Anugerah Kecemerlangan Pendidikan ATM.** Menerusi inisiatif ini, seramai 164 anak warga ATM yang memperolehi keputusan cemerlang dalam SPM 2021 akan terima insentif RM1,500 seorang secara *one-off*.
  - vii. **Bantuan Kemasukan Ke IPTA.** Menerusi inisiatif ini, seramai 64 anak warga ATM terpilih atas keputusan cemerlang yang melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) peringkat Ijazah Sarjana Muda akan terima insentif RM1,000 seorang secara *one-off*.
  - viii. **Pemberian Komputer Riba.** Menerusi inisiatif ini, seramai 150 orang anak warga ATM, anak warga awam MINDEF dan anak Veteran yang telah mendapat tawaran pengajian diperingkat Ijazah Sarjana Muda di IPTA sesi akademik 2021/2022 akan menerima komputer riba percuma. Kos keseluruhan berjumlah RM450,000.
3. Selain perancangan-perancangan yang dinyatakan, inisiatif Feri Sekolah turut diberi perhatian khusus. Inisiatif ini saya sendiri cadangkan semasa memimpin MINDEF pada tahun 2015 bagi menggantikan trak 3 tan dengan bas sekolah. Ia membolehkan anak-anak warga pertahanan yang bersekolah di SDK dapat pergi serta pulang dari sekolah dalam keadaan yang lebih selesa dan selamat. Kini selepas tujuh tahun, MINDEF sedang meneliti perancangan untuk menambah baik lagi inisiatif ini bagi meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan. Antara yang dipertimbangkan termasuklah menambah jumlah perhentian bas di laluan Feri Sekolah ini. Perkembangannya akan dimaklumkan dari masa ke masa.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

4. Kesemua perancangan ini membuktikan MINDEF dan ATM amat serius bukan sahaja untuk membantu anak-anak warga pertahanan mendapat perkhidmatan pendidikan yang berkualiti tetapi lebih penting memastikan kecemerlangan pendidikan anak-anak warga pertahanan terus berkesinambungan.
5. MINDEF dan ATM akan terus duduk semeja dengan para pemegang taruh supaya banyak lagi idea serta pandangan untuk menambahbaik inisiatif pendidikan ATM dapat diperhalusi bersama seterusnya dilaksanakan pada masa hadapan. Ini termasuklah bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi mengenalpasti ruang-ruang kerjasama yang tidak hanya memanfaatkan anak-anak ATM tetapi juga pelajar awam lain di seluruh negara.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**28 SEPTEMBER 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **MESYUARAT MAJLIS VETERAN KEBANGSAAN TUMPU USAHA TAMBAH BAIK** **PERIHAL KEPENTINGAN VETERAN ATM**

1. Hari ini merupakan mesyuarat pertama bagi Majlis Veteran Kebangsaan (MVK) yang saya pengerusikan sejak kembali memimpin Kementerian Pertahanan (MINDEF). MVK merupakan badan tertinggi Veteran bagi mengurus dan menetapkan soal agenda kebajikan, keperluan serta masa depan Veteran ATM.
2. Kini saya sedang berusaha untuk menstrukturkan semula MVK agar ia lebih berfokus dan realistik khususnya dalam mendepani keperluan serta isu-isu semasa para Veteran ATM yang semakin mencabar mengikut peredaran semasa. Usaha penstrukturkan ini turut mempertimbangkan keperluan untuk melibatkan pemegang taruh ketiga "*3rd party stakeholder*" di dalam majlis agar keputusan yang dibuat dapat menghasilkan kesan dan impak yang tepat buat Veteran ATM di tanah air.
3. Ini penting apatah lagi mengambil kira **jumlah Veteran ATM yang besar. Ia hampir 300,000 orang merangkumi Veteran ATM Berpencen lebih 100,000; Veteran ATM Tidak Berpencen hampir 80,000; dan di bawah Pencen Terbitan hampir 30,000. Bilangan Persatuan Veteran juga banyak. Persatuan Veteran di peringkat induk 121 manakala di peringkat cawangan 381.**
4. Atas sebab itu juga, dalam tempoh setahun ini banyak usaha yang telah dilaksanakan khusus untuk Veteran ATM. Usaha-usaha ini tidak hanya digerakkan di peringkat dalaman MINDEF malah dilaksanakan secara menyeluruh dengan turut melibatkan kerjasama erat bersama Kementerian lain.
5. Dalam aspek kesihatan Veteran, saya sedang bekerjasama rapat dengan Menteri Kesihatan, YB Khairy Jamaluddin malah kami turut duduk semeja di Hospital Angkatan Tentera (HAT) Tuanku Mizan kelmarin. Manakala dalam aspek perumahan Veteran, saya sedang bekerjasama rapat dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Sri Reezal Merican untuk melihat bagaimana perancangan perumahan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) boleh mengambil kira lebih ramai Veteran ATM sebagai golongan sasaran.
6. Kerjasama antara MINDEF dengan Kerajaan-Kerajaan negeri juga semakin diperkukuhkan demi membela kebajikan Veteran ATM. Pada Ogos lalu, saya telah bertemu dan berbincang dengan Premier Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg, manakala





MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

semalam banyak yang diperhalusi bersama di Kem Terendak dengan Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali.

7. Usaha berhubung kebajikan Veteran ATM ini tidak akan terhenti setakat itu dan inilah yang menjadi antara tumpuan Mesyuarat MVK sebentar tadi. **Pertama, perkembangan inisiatif kebajikan Veteran ATM dan ahli keluarga mereka.** Buat masa ini, terdapat pelbagai inisiatif sedia ada sedang dilaksanakan dan ditambah baik dari masa ke masa oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV). Ia antara lain termasuklah:-
  - i. Inisiatif perumahan Veteran ATM
  - ii. Poliklinik Kesihatan ATM
  - iii. Selenggaraan dan penambahbaikan Hospital Angkatan Tentera, Rumah Sakit Angkatan Tentera, Pusat Perubatan Angkatan Tentera, Pusat Pergigian Angkatan Tentera
  - iv. Kursus PERHEBAT
  - v. *Recognition Of Prior Experiential Learning (RPEL)*
  - vi. Pengajian Peringkat Asasi Percuma menerusi kerjasama JHEV dan UNIRAZAK
  - vii. Bantuan Bencana Alam
  - viii. Program Cakna Veteran ATM
  - ix. Program Jaminan Makanan
    - x. Skim Bantuan Sara Hidup
    - xi. Skim Bantuan Persekolahan
  - xii. Bantuan Kemasukan Ke Universiti Awam/Swasta/Politeknik
  - xiii. Bantuan Peralatan Pesakit
  - xiv. Bantuan Mengurus Jenazah
  - xv. Bantuan Kemudahan Perubatan
8. **Kedua, perkembangan proses penyaluran bantuan-bantuan daripada Kerajaan yang turut mengambil kira Veteran ATM.** Salah satunya ialah Bantuan Khas Kewangan (BKK). Alhamdulillah, setakat ini ramai Veteran ATM telah menerima BKK masing-masing namun sebahagian masih dalam proses penerimaan. Saya telah arah JHEV agar percepat proses penyaluran BKK ini sehingga selesai dan lapor terus perkembangan setiap minggu kepada saya.
9. **Ketiga, memperhalusi isu-isu berbangkit mengenai JHEV.** Antaranya, aduan daripada segelintir Veteran ATM berhubung kesukaran untuk menghubungi *hotline* JHEV untuk mendapatkan maklumat terkini tentang inisiatif serta bantuan yang disediakan. Untuk ini, saya telah arah supaya mutu khidmat pelanggan JHEV segera



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

ditambah baik selain menambah bilangan *One Stop Centre* yang kini terdapat di 10 lokasi di seluruh negara. Saya juga meminta JHEV supaya meningkatkan aktiviti turun padang bagi bertemu Veteran ATM di lapangan khususnya di luar bandar. Ini penting terutama untuk memahami sebab sebahagian kecil Veteran ATM belum berdaftar dengan JHEV seterusnya membantu mereka membuat pendaftaran.

10. **Keempat, mesyuarat hari ini turut membincangkan lima (5) kemahuan khusus Veteran ATM.** Seperti umum sedia maklum, daripada lima kemahuan ini, dua telah dipenuhi dan mula dilaksanakan iaitu penambahbaikan pencen terbitan serta panel penasihat bagi mempertimbangkan permohonan bekas tentera untuk diiktiraf sebagai Veteran ATM. Manakala tiga lagi telah selesai kajian di peringkat MINDEF dan telah dipanjangkan kepada Kementerian Kewangan (MOF) serta Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk kelulusan. Ia termasuk Elaun Kepada Pemegang Pingat Jasa Malaysia (PJM), Kenaikan Jumlah Bantuan Sara Hidup kepada Veteran ATM B40 serta Pelarasan Pencen.
11. Namun saya akui tiga perkara ini khususnya Elaun PJM serta pelarasan pencen merupakan perkara yang mencabar dan kompleks serta tidak boleh diputuskan MINDEF bersendirian. Ini kerana, ia melibatkan implikasi kewangan besar yang memerlukan pertimbangan Kementerian dan agensi lain. Oleh yang demikian, saya akan terus bekerjasama rapat dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) dan Yang Berhormat Menteri Kewangan manakala kepimpinan MINDEF lain juga akan bekerjasama rapat dengan kepimpinan di MOF dan JPA agar keputusan sewajarnya dapat dicapai.
12. Sebagai langkah ke hadapan dan mengukuhkan lagi usaha ini, **saya juga telah mencadangkan untuk menjemput Menteri Kewangan dan KPPA sebagai ahli tetap MVK. Ini sebagai salah satu usaha untuk memberi ruang kepada MOF dan JPA memahami secara lebih mendalam isu serta keperluan dan perancangan MINDEF berkaitan Veteran.**
13. **Seterusnya, mesyuarat hari ini turut memperkenalkan Ketua Pengarah JHEV yang baharu, Mejar Jeneral Zambery@Jefry Bin Haji Darus.** Saya mengucapkan tahniah kepada beliau dan menzahirkan harapan supaya beliau memikul tugas ini dengan sebaik mungkin dengan melihat kepada perihal-perihal Veteran ATM dengan seikhlas hati.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**29 SEPTEMBER 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### PERKEMBANGAN TERKINI FASA MOBILISASI PROJEK LITTORAL COMBAT SHIP

1. Seperti yang saya nyatakan sebelum ini, saya akan kongsi kepada umum perkembangan projek *Littoral Combat Ship* (LCS) dari semasa ke semasa. Justeru, sukacita saya ingin kongsi pada hari ini bahawa terdapat perkembangan positif terutamanya berkenaan fasa mobilisasi selama enam (6) bulan bermula Jun sehingga Disember 2022. Dalam fasa ini, pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan pihak Kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM); serta pihak komersial khususnya Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNSSB).
2. Hasil tumpuan dan kesungguhan semua pihak bagi memastikan projek LCS kali ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin demi TLDM serta kepentingan maritim negara, fasa mobilisasi ini berjalan lancar selari dengan syor beberapa pihak berkepentingan termasuk Jemaah Menteri, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) serta Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK).
3. Dalam tempoh kira-kira tiga (3) bulan pertama fasa mobilisasi ini sahaja, banyak perkara yang telah dilaksanakan malah sebahagiannya telahpun dapat diselesaikan.
4. **Daripada sudut komersial**, dua perkara sedang dilaksanakan.
  - A. Pertama, rundingan dengan pihak-pihak yang berkaitan:-
    - i. Saya ingin memaklumkan perkembangan yang amat signifikan yang mana pihak **BNSSB** telah **SELESAI** mengadakan rundingan dengan **145 vendor tempatan dan 42 OEM luar negara**. Pihak **vendor tempatan dan OEM yang terlibat terutamanya yang melibatkan peralatan serta sistem utama juga telah memberi akujanji** untuk menyokong dan bersama pihak BNSSB bagi meneruskan projek ini.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

- ii. **Proses penamatan penglibatan ‘orang tengah’ atau pengantara iaitu syarikat Contraves Advanced Devices (CAD) dan Contraves Electrodynamics Sdn Bhd (CED) sedang giat dilakukan.** Penamatan ini akan membolehkan BNSSB berunding dengan OEM dan vendor secara terus tanpa perlu lagi melalui CAD dan CED. Langkah ini akan dapat mengurangkan kos peralatan kapal yang perlu dibayar kepada vendor serta OEM memandangkan tiada lagi penglibatan pihak pengantara.
    - iii. **BNSSB juga sedang giat berunding dengan sembilan (9) institusi perbankan** bagi tujuan penstrukturan semula hutang. Rundingan masih berjalan dan dijangka akan dimuktamadkan dalam tempoh mobilisasi ini.
  - B. Kedua, perkara berkaitan *detailed design* juga sedang dirundingkan oleh **BNSSB dengan pihak Naval Group dari Perancis.** Ini penting bagi memastikan apa jua yang diputuskan kelak dapat memenuhi keperluan TLDM sebagai *end user*. Pihak *Naval Group* juga telah memutuskan akan menghantar pasukan teknikalnya untuk melakukan audit terhadap *detailed design* tersebut pada bulan Oktober.
5. **Daripada sudut antara Kerajaan (Government-to-Government), wakil Kerajaan Perancis sendiri telah hadir bertemu saya seterusnya menyerahkan komitmen bertulis yang menyatakan bahawa meneruskan dan menyelesaikan projek LCS merupakan keutamaan Kerajaan Perancis.** Ini perkembangan yang mustahak serta amat membantu memandangkan majoriti *Naval Group* dimiliki oleh Kerajaan Perancis.
6. Secara keseluruhannya, semua pihak daripada Kerajaan mahupun komersial memainkan peranan masing-masing dengan sangat baik terutama di fasa mobilisasi ini. **Berhubung persoalan bila pembinaan LCS akan disambung semula, ia akan dilaksanakan sebaik sahaja semua rundingan selesai dan setiap perjanjian dimuktamadkan dalam fasa mobilisasi yang akan berakhir penghujung Disember ini.**
7. **Tentang persoalan tentang tempoh siap pembinaan, seperti saya tegaskan sebelum ini, sekurang-kurangnya dalam dua (2) tahun ini LCS 1 siap pembinaannya.** Tempoh ini realistik memandangkan selepas fasa mobilisasi selesai Disember ini, semua pihak terlibat mempunyai tempoh 14 bulan untuk



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

memastikan kapal siap pembinaan dan berada di permukaan air sebelum menjalani trial seperti *Harbour Acceptance Test* dan *Sea Acceptance Trial*. Garis masa ini mesti dipatuhi semua pemegang taruh khususnya BNSSB selaku syarikat pembuat.

8. Seperti diarahkan oleh Kabinet, laporan proses rundingan di fasa mobilisasi ini harus dibentangkan kepada Jemaah Menteri secara berjadual. Manakala daripada sudut struktur pemantauan segala proses di fasa mobilisasi, ia dilaksanakan secara rapi oleh *Project Monitoring Committee* (PMC) yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) Kementerian Kewangan serta Ketua Setiausaha MINDEF. Di bawah PMC ini juga terdapat Jawatankuasa Teknikal LCS yang bermesyuarat setiap dua minggu sekali.
9. Dalam pada itu, seperti telah dimaklumkan sebelum ini, sementara menunggu LCS siap sepenuhnya, TLDM telah memohon perolehan *Littoral Mission Ship* (LMS) batch kedua yang dilengkapi persenjataan lebih menyeluruh. Pihak Kementerian telah pun membuat permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri untuk melaksanakan perolehan ini.
10. Kesimpulannya, semua pihak tidak menoleh ke belakang lagi sebaliknya sedang berusaha bertungkus-lumus demi memastikan TLDM dapat memiliki aset yang diperlukan ini. Dalam masa yang sama, MINDEF juga akan terus memberi kerjasama penuh kepada apa jua siasatan yang sedang dilaksanakan badan-badan berkuasa ketika ini.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**02 OKTOBER 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### KEUPAYAAN BAHAGIAN OPERASI PASUKAN KHAS PERTAHANAN (BOPKP) DIPERTINGKATKAN

1. Fokus lawatan saya ke Kem Perdana Sungai Besi hari ini ialah terhadap aspek kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) khususnya Bahagian Operasi Pasukan Khas Pertahanan (BOPKP) yang ditempatkan di kem ini.
2. BOPKP merupakan sebuah pasukan khas gabungan daripada ketiga-tiga perkhidmatan yang boleh diaturgerak dengan pantas bagi melawan keganasan dan sebarang bentuk krisis yang boleh mengancam keselamatan negara. Kekuatan BOPKP merangkumi Staf, Tim Tempur dan Tim Bantuan Tempur yang bertindak sebagai Kumpulan Tindakan Pendahuluan (KTP) atau *First Responder Group (FRG)*.
3. Selepas hampir dua (2) tahun memulakan pengoperasian sepenuhnya pada 21 Oktober 2020, lawatan hari ini amat penting bagi membolehkan saya mengetahui perkembangan terkini pasukan ini terutamanya daripada sudut kesiapsiagaan dan dalam masa yang sama meneliti penambahbaikan yang diperlukan dalam usaha meningkatkan keupayaannya selari dengan ancaman semasa.
4. Justeru saya ingin memaklumkan pada hari ini, **peruntukan berjumlah RM21,856,968 telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi menerusi perancangan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) khusus bagi tujuan perolehan peralatan BOPKP.**
5. Perolehan ini merangkumi peralatan-peralatan seperti berikut:-
  - i. **Peralatan Khas** : RM10,059,632.00
  - ii. **Peralatan Komunikasi** : RM7,050,000.00
  - iii. **Kenderaan Operasi Khas** : RM2,800,000.00
  - iv. **Persenjataan** : RM1,947,336.00
6. Soal kesiapsiagaan dan keselamatan negara tidak sesekali akan saya kompromi. Justeru saya telah arahkan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Panglima Angkatan Tentera untuk melakukan pemantauan rapi bagi memastikan perolehan ini dilaksanakan seperti perancangan mengikut kehendak ATM khususnya BOPKP.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

7. Sementara itu, di awal lawatan tadi saya turut menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Kerjasama Strategik antara MINDEF, Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (Yayasan LTAT) dan Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK). Majlis ini merupakan kesinambungan daripada salah satu daripada lapan (8) perancangan yang saya sendiri umumkan di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Terendak minggu lalu.
8. Dengan pemeteraian MoU ini, **Yayasan LTAT dengan kerjasama UNIRAZAK akan menyediakan 250 tempat setahun bagi tempoh lima tahun untuk anak-anak anggota ATM dan warga awam MINDEF mengikuti Program Dermasiswa Pengajian Asasi Sastera secara percuma.** Sebanyak RM15.625 juta telah diperuntukkan bagi menjayakan program ini.
9. **Perkara yang saya umumkan hari ini tidak termasuk tempat 500 setahun bagi tempoh lima tahun yang telah disediakan untuk anak-anak Veteran ATM** mengikuti program sama hasil kerjasama UNIRAZAK dengan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM yang telah dimulakan sejak Mei lalu.
10. Sebentar lagi pula saya akan melawat Sekolah Tahfiz dan Asrama Anak Yatim ATM (STAY ATM). Bagi pihak MINDEF dan ATM, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yayasan LTAT atas **sumbangan wakalah zakat dan bantuan CSR Pendidikan Yayasan LTAT kepada 74 orang pelajar STAY ATM dengan jumlah keseluruhan RM80,000.** Ia meliputi:-
  - i. **Sumbangan wakalah zakat** sebanyak RM25,000.00.
  - ii. **Sumbangan 10 unit komputer** untuk makmal komputer STAY ATM dengan nilai RM30,000.00.
  - iii. **Tuisyen Intensif SPM 2022** melibatkan subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah dan Sains dengan kos RM25,000.00

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**05 OKTOBER 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **MINDEF AKAN MANFAATKAN PERUNTUKAN BAJET 2023 BAGI PERKUKUH KESELAMATAN NEGARA DAN TAMBAHBAIK ASPEK KEBAJIKAN**

1. Secara keseluruhannya, Kementerian Pertahanan (MINDEF) **diperuntukkan RM17.37 bilion untuk tahun 2023, MENINGKAT kira-kira RM1.23 bilion atau 7.8% berbanding peruntukan tahun lalu.** Daripada jumlah ini:-
  - RM11.41 bilion untuk Perbelanjaan Pengurusan (OE); meningkat 2.7%
  - RM5.96 bilion Perbelanjaan Pembangunan (DE); meningkat 18.3%
2. MINDEF dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menyambut baik peruntukan yang diumumkan, namun dalam memelihara kedaulatan tanah air dan membela kebajikan warga pertahanan, MINDEF sentiasa memerlukan lebih fokus serta peruntukan bagi melaksanakan pelbagai perancangan.
3. Seperti maklum balas awal saya kelmarin, keutamaan MINDEF menerusi peruntukan Bajet 2023 ini ialah terhadap empat (4) perkara:-
  - i. Pembelian aset-aset baharu.
  - ii. Penyelenggaraan aset-aset sedia ada.
  - iii. Pembelaan terhadap Veteran ATM.
  - iv. Penambahbaikan aspek kebajikan warga pertahanan.
4. **BERHUBUNG PEMBELIAN ASET BAHARU, MINDEF diperuntukkan RM4 bilion menerusi Bajet 2023 bagi tujuan berkenaan.** Amat jelas peruntukan daripada bajet tahunan terhad dan tidak mencukupi khususnya bagi perolehan aset-aset strategik. Oleh yang demikian, **perolehan aset-aset ini ada diantaranya akan dibuat menerusi perancangan kewangan di bawah Rancangan Malaysia (RMK).** Antara perolehan ialah seperti berikut:-
  - i. **Bagi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), antara fokus utama ialah melaksanakan perolehan beberapa jenis aset strategik, antaranya *Maritime Patrol Aircraft (MPA)* dan *Medium Altitude Long Endurance-Unmanned Ariel System (MALE-UAS)*.**

Seperti yang saya maklumkan di peringkat awal kepimpinan sebagai Menteri Kanan Pertahanan kali ini, perolehan semua aset strategik ialah berdasarkan spesifikasi dan keperluan pengguna akhir iaitu TUDM termasuklah MPA serta MALE-UAS. Perolehan kesemua aset ini telah dilaksanakan secara Tender





MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

Terbuka Antarabangsa bagi memastikan perolehan ini dilaksanakan secara telus dan terbuka.

Bagi perolehan MPA dan MALE-UAS, Kementerian Kewangan (MOF) telah memuktamadkan kedua-dua tender tersebut. MINDEF sedang dalam proses akhir untuk mengeluarkan Surat Setuju Terima setelah semua terma dan klausa serta spesifikasi dipersetujui oleh Kerajaan dan syarikat.

Untuk perolehan dua (2) buah MPA, Kerajaan telah bersetuju dengan tawaran oleh syarikat Leonardo. Manakala bagi perolehan tiga (3) unit MALE-UAS, Kerajaan telah memutuskan untuk berkontrak dengan syarikat Turkish Aerospace Industries (TAI).

- ii. **Bagi meningkatkan keupayaan Tentera Darat Malaysia (TDM), MINDEF akan melaksanakan perolehan Kenderaan Jenis A 4x4 sebanyak 136 unit dan Kenderaan Jenis B pelbagai unit** dengan nilai perolehan sebanyak RM2.049 bilion.
5. **BERHUBUNG PENYELENGGARAAN ASET ATM SEDIA ADA, antara fokus utama ialah penyelenggaraan pesawat F/A-18D.** Ini penting bagi memastikan pesawat berkenaan terus berkeupayaan melaksanakan penugasan seiring tuntutan keselamatan semasa. Bagi tujuan ini, **kira-kira RM2.4 bilion telah diperuntukkan bagi melaksanakan peningkatan keupayaan sistem pesawat F/A-18D (TUDM) serta F/A-18D Sustainment Programme (TUDM).**
6. **Kerja-kerja penyelenggaraan pesawat F/A-18D ini turut akan dilaksanakan menerusi kerjasama hasil hubungan erat Malaysia-Amerika Syarikat.** Ia telah diperhalusi dan dipersetujui semasa perbualan telefon saya dengan Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, Llyod J. Austin III beberapa hari lalu.
7. **BERHUBUNG PEMBELAAN TERHADAP VETERAN ATM, perkara ini sememangnya diberi keutamaan.** Ini dapat dilihat apabila **sebanyak RM118.4 juta telah diperuntukkan menerusi Bajet 2023 khusus untuk pengurusan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) yang mana ia meningkat hampir 30% berbanding tahun lalu.** Dengan peruntukan ini, ditambah pula peningkatan RM1.23 bilion untuk bajet MINDEF tahun 2023, ia akan dimanfaatkan sebaik mungkin demi kesejahteraan Veteran ATM terutama menerusi tiga perkara yang terus menjadi fokus MINDEF iaitu kenaikan Bantuan Sara Hidup (BSH), Elaun Kepada Pemegang Pingat Jasa Malaysia (PJM) dan Pelarasan Pencen.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

8. **BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN ASPEK KEBAJIKAN WARGA PERTAHANAN**, saya mengambil berat maklum balas sebahagian anggota ATM tentang perbelanjaan untuk membeli pakaian seragam. Perkara ini telah saya suarakan dalam sesi libat urus bersama MOF dan hasilnya, **sebanyak RM140 juta telah diperuntukkan menerusi Bajet 2023 khusus untuk membantu anggota ATM membeli pakaian seragam menerusi Program Khusus *Head To Toe***.
9. Selain itu, **fokus utama MINDEF terhadap aspek perumahan juga berterusan**. Di bawah Bajet 2023, MINDEF telah diperuntukkan **RM590.56 juta bagi membina baharu dan menyelenggara Rumah Keluarga Malaysia Angkatan Tentera (RKMAT)**. Daripada jumlah ini, **RM118 juta diperuntukkan khusus untuk selenggaraan RKMAT** iaitu peningkatan sebanyak 31.11% berbanding tahun 2022 dan **RM472.70 juta lagi untuk tujuan bina baharu RKMAT termasuk di Pangkalan Udara (PU) Butterworth**.
10. **MINDEF juga telah dan akan terus jalin kerjasama erat dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)** di bawah YB Dato' Sri Reezal Merican yang turut menerima peruntukan lebih tinggi berbanding tahun lalu. Ini terutama dalam usaha membolehkan lebih ramai warga pertahanan termasuk Veteran ATM membeli rumah mampu milik.
11. Selain aspek perumahan, **peruntukan Bajet 2023 juga akan dimanfaatkan untuk memperkasa aspek kesihatan**. Seperti diumumkan, MINDEF telah diperuntukkan **RM47 juta bagi tujuan melaksanakan perolehan dua (2) unit tambahan Hospital Medan** sebagai persediaan mendepani bencana termasuk banjir. Ini tidak termasuk **50 unit ambulans baharu yang akan ditempatkan di kem-kem ATM**.
12. **MINDEF juga akan terus mengeratkan usahasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** di bawah YB Khairy Jamaluddin yang turut menerima peruntukan lebih tinggi berbanding tahun lalu. Ini terutama dalam usaha menambahbaik infrastruktur dan kemudahan di Hospital Angkatan Tentera, poliklinik ATM, serta pusat-pusat perubatan dan pergigian ATM.
13. InsyaAllah, kepimpinan tertinggi MINDEF dan ATM akan berusaha sedaya upaya agar peruntukan Bajet 2023 dimanfaatkan dengan telus, berhemah serta berintegriti demi kepentingan tanah air tercinta.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**09 OKTOBER 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **KESIAPSIAGAAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA MENDEPANI BENCANA BANJIR BERADA PADA TAHAP TERTINGGI**

1. Fokus pertemuan saya bersama Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail serta kepimpinan tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Kementerian Pertahanan (MINDEF) di Pangkalan Udara (PU) Kuantan hari ini ialah terhadap persiapan serta kesiapsiagaan ATM dalam mendepani bencana banjir di seluruh negara termasuk negeri Pahang ini.
2. Persiapan dan kesiapsiagaan ini penting bagi membolehkan ATM mengaturlerak anggota serta asetnya pada bila-bila masa sebaik sahaja menerima arahan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi membantu Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) serta semua agensi yang terlibat.
3. Di peringkat ATM dan MINDEF, kita mengikuti secara rapat serta memandang serius laporan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) berhubung kemungkinan negara akan mengalami hujan lebat berterusan mulai pertengahan November ini seterusnya berisiko membawa kepada banjir besar pada penghujung bulan berkenaan.
4. Sehubungan dengan itu, **sejak September lagi saya telah mengarahkan Panglima Angkatan Tentera dan Panglima-Panglima Perkhidmatan untuk memastikan kesiapsiagaan anggota ATM terutama di negeri-negeri berisiko terjejas berada pada tahap tertinggi**. Seperti tahun-tahun sebelum ini, saya mahu memastikan penglibatan ATM menyeluruh serta tidak hanya semasa banjir berlaku tetapi juga sebelum dan pasca banjir.
5. Persiapan serta kesiapsiagaan ATM menerusi Operasi Murni (OP MURNI) kali ini merangkumi perkara seperti berikut:-
  - i. Bersiap di setiap negeri untuk mengaturlerak aset dan anggota ke lokasi terjejas banjir apabila terdapat keperluan.
  - ii. Meletakkan pasukan perubatan ATM dalam keadaan sedia bagi melaksanakan bantuan perubatan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS).



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

- iii. Merancang koordinasi bantuan pesawat udara ATM.
  - iv. Memastikan hospital dan pusat perubatan ATM sentiasa dalam keadaan siap siaga, termasuk Hospital Medan.
  - v. Melaksanakan operasi menghantar barang keperluan ke PPS serta kawasan yang terputus hubungan jalan darat serta memasak di PPS.
  - vi. Membantu melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan baik pulih pasca banjir termasuk di kediaman, sekolah dan rumah agama.
  - vii. Mengaturgerak pegawai bertanggungjawab ke semua Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Negeri/Daerah.
6. Daripada sudut anggota dan aset sahaja, **ATM telah bersedia untuk mengaturgerak anggota dan aset pada bila-bila masa apabila diarahkan terutama ke 5,496 lokasi *hotspot* banjir yang telah dikenalpasti di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.**
- a. **Bagi penugasan anggota, setakat ini ia akan melibatkan seramai 782 pegawai dan 15,830 anggota Lain-lain Pangkat (LLP)** dari 30 Briged (Perlis), 6 Briged (Kedah), 8 Briged (Kelantan dan Terengganu), 2 Divisyen Infantri (Pulau Pinang), 2 Briged (Perak), 11 Briged (Selangor), 12 Briged (Kuala Lumpur dan Putrajaya), 3 Divisyen Infantri (Melaka), 7 Briged (Johor), 1 Briged (Negeri Sembilan), 4 Briged Mekanize (Pahang), 1 Divisyen (Sarawak) dan 5 Divisyen (Sabah).
- Daripada jumlah berkenaan, **kira-kira 146 pegawai dan 4,155 anggota LLP akan bertindak sebagai pasukan responder pertama atau *first responder team*** bagi melaksanakan kerja-kerja menyelamatkan dan memindahkan mangsa banjir ke PPS dengan secepat mungkin.
- b. **Bagi penugasan aset, setakat ini ia akan melibatkan aturgerak ribuan aset perairan dan darat seperti berikut:-**
    - i. 771 unit trak 3 tan
    - ii. 304 unit trak 1 tan
    - iii. 14 unit trak 5 tan
    - iv. 13 unit trak 7 tan



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

- v. 251 unit bot
  - vi. 295 unit enjin bot
  - vii. 5,573 jaket keselamatan
7. **Bagi OP MURNI di Pahang ini sahaja**, saya amat berterima kasih kepada YAB Menteri Besar kerana kerjasama MINDEF, ATM dan Kerajaan Negeri Pahang ketika ini cukup erat sekaligus memudahkan lagi kesemua pihak mengkoordinasi perancangan terutama di peringkat PKOB dalam usaha membantu rakyat Pahang ketika musibah banjir berlaku.
  8. **Setakat ini, penugasan ATM di Pahang akan melibatkan seramai 86 pegawai dan 1,828 anggota LLP** dari 7 Rejimen Renjer Diraja (RRD) Mekanize, 8 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), 25 RAMD, 34 Rejimen Artileri Diraja (RAD), 12 RAMD (Mekanize), 1 Kor Armour Diraja (KAD) yang mana kesemuanya dibawah kawasan tanggungjawab 4 Briged Mekanize (Pahang). Penugasan aset di Pahang setakat ini pula melibatkan 21 unit bot, 30 unit trak 3 tan dan 5 unit trak 7 tan.
  9. Saya turut telah mengarahkan kepimpinan ATM di Pahang untuk sentiasa berkomunikasi dengan pihak Kerajaan Negeri serta semua agensi bertanggungjawab seterusnya menghulurkan sebarang bentuk bantuan yang diperlukan demi kepentingan rakyat Pahang sepanjang musim banjir.
  10. Jumlah aturgerak anggota serta aset ATM ke seluruh negara fleksibel. ATM mempunyai keupayaan tinggi untuk menambah bilangan anggota serta aset pada bila-bila masa sekiranya diperlukan selari dengan arahan yang dikeluarkan oleh MKN.
  11. Secara keseluruhannya, ATM cukup bersedia dan berada tahap kesiapsiagaan tertinggi untuk mendepani bencana banjir termasuklah sekiranya ia berlaku ketika Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15). Kepada orang ramai, jaga keselamatan diri serta ahli keluarga semasa bencana dan patuhi setiap arahan pihak berkuasa. InsyaAllah, di pihak ATM kita akan bantu sebaik mungkin selaras dengan semangat tentera dan rakyat berpisah tiada.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**18 OKTOBER 2022**



*Siaran*  
**AKHBAR**

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (17) 01/10

**NAVAL GROUP KOMITED PASTIKAN PROJEK *LITTORAL COMBAT SHIP* SIAP  
DAN SETUJU RUNDING SEMULA SEMULA HARGA**

1. Pihak Kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM); serta pihak komersial khususnya Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) serta Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNSSB) telah dan sedang melaksanakan pelbagai usaha di Fasa Mobilisasi selama enam (6) bulan bermula Jun sehingga Disember ini bagi memastikan projek *Littoral Combat Ship (LCS)* dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Seperti dimaklumkan oleh Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein pada awal Oktober, antara usaha yang telah dan sedang giat dilaksanakan ialah rundingan dengan pihak-pihak yang berkaitan.
2. Terbaru, atas arahan Menteri Kanan Pertahanan yang meminta supaya pasukan dari MINDEF, TLDM dan LTAT melakukan perbincangan secara bersemuka bagi melancarkan lagi proses rundingan dengan pihak-pihak berkepentingan khususnya di Eropah, Ketua Setiausaha MINDEF, Dato' Sri Muez bin Abd Aziz; Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Abdul Rahman bin Haji Ayob; Ketua Eksekutif LTAT, Dato' Nazim Rahman; serta beberapa lagi pegawai tertinggi MINDEF, TLDM dan BNSSB telah melakukan lawatan kerja ke Euronaval di Perancis. Ia dilaksanakan antara lain bertujuan mengadakan mesyuarat dua hala dengan Gaël Diaz De Tuesta, Pengarah International Directorate, DGA serta pihak Kementerian Pertahanan Perancis dan Naval Group.
3. MINDEF ingin memaklumkan, hasil mesyuarat dua hala berkenaan, beberapa perkara penting telah dicapai:-
  - i. Pihak Naval Group telah menyatakan persetujuan dan menyokong penuh usaha Kerajaan untuk meneruskan projek LCS.
  - ii. Pihak Naval Group telah berjanji untuk memberikan komitmen dalam usaha memastikan kapal LCS siap sepenuhnya dalam masa yang ditetapkan Kerajaan Malaysia.
  - iii. Pihak Naval Group juga menyatakan persetujuan untuk meneruskan rundingan dengan pihak BNSSB berhubung harga.


4. Ini merupakan perkembangan yang amat signifikan dan positif dalam projek LCS sekaligus berupaya memperkukuhkan lagi usaha semua pihak khususnya di negara ini bagi memastikan projek LCS dapat diteruskan semula dengan sebaik mungkin selari dengan syor beberapa pihak berkepentingan termasuk Jemaah Menteri, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) serta Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK).
5. Ia juga menunjukkan Fasa Mobilisasi berjalan lancar dan semua pihak berkaitan melaksanakan peranan masing-masing dengan sebaik mungkin. Dengan perkembangan ini, dijangkakan semua rundingan akan dapat dimuktamadkan pada penghujung Disember ini. Pihak MINDEF akan terus memaklumkan perkembangan projek LCS ini kepada pihak umum dari semasa ke semasa.

-TAMAT-

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia**  
**21 Oktober 2022**





MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### USAHA PERTINGKAT KESELAMATAN SABAH TERUS MENJADI FOKUS UTAMA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

1. Lawatan kerja saya selama dua (2) hari ke Sabah memberi tumpuan terhadap aspek kesiapsiagaan dan aturgerak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di negeri ini. Bagi tujuan ini, saya telah mengadakan tinjauan seterusnya bertemu kepimpinan dan anggota ATM di kem-kem ATM di Sabah.
2. Semalam saya meninjau kem-kem ATM di Pantai Timur Sabah iaitu Kem Kabota, Tawau dan Kem Sri Kinabatangan, Sandakan. Hari ini pula saya meninjau kem-kem ATM di Pantai Barat Sabah iaitu Kem Paradise, Kota Belud serta Kem Lok Kawi di Kota Kinabalu.
3. Secara keseluruhannya, saya berpuas hati dengan tahap kesiapsiagaan ATM di Sabah dan ini penting bagi memastikan segala perancangan serta inisiatif keselamatan di negeri ini khususnya di bawah naungan ATM terus dapat dilaksanakan dengan optimum.
4. Walaubagaimanapun, seperti saya tegaskan berulang kali, usaha memperkukuh pertahanan di Sabah ini berterusan dan akan terus ditingkatkan dari semasa ke semasa. Sebab itulah, sejak kembali menerajui semula Kementerian Pertahanan (MINDEF) bermula September tahun lalu, pelbagai usaha telah dan akan dilaksanakan. Ia antara lain termasuklah:-
  - i. **Pembinaan kem Tentera Darat Malaysia (TDM) yang baharu di FELDA Lahad Datu telah diluluskan.**
  - ii. **Pembinaan Kem 5 Briged dan Kem 19 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) di Kota Belud juga telah diluluskan.**
  - iii. **Sebahagian daripada enam (6) buah Helikopter MD530G milik Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD) yang diperolehi awal tahun ini turut diaturgerak ke Sabah bagi memperkukuh keselamatan khususnya di pesisir pantai Sabah.**





MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

- iv. **Menubuhkan Stesen Udara Kota Kinabalu (SUKK) di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Kota Kinabalu yang menempatkan dua skuadron baharu** iaitu Skuadron 503 bagi meningkatkan pemantauan Zone Maritim Malaysia serta *Maritime Domain Awareness* (MDA) melalui tiga (3) buah Helikopter AW139 serta Skuadron 601 yang menempatkan *Unmanned Aerial System* iaitu 12 unit *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV), 4 unit UAV *Launcher* dan 4 unit UAV *Recovery*.
  - v. **Empat (4) buah *Littoral Mission Ship* (LMS) yang dimulakan proses perolehan semasa saya Menteri Pertahanan sebelum ini telah diterima dan dimanfaatkan sepenuhnya TLDM khususnya di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu.** TLDM juga telah memohon perolehan LMS batch kedua yang dilengkapi persenjataan lebih menyeluruh. Pihak Kementerian sudah membuat permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri untuk melaksanakan perolehan ini.
  - vi. **Pembinaan Jeti MAWILLA 2, Sandakan sudah diluluskan dan proses kerja juga telah dimulakan.**
5. Perkara yang saya nyatakan ini hanya sebahagian daripada pelbagai lagi bentuk inisiatif serta usaha yang telah dan akan digerakkan ATM di bawah pakej keselamatan Sabah. Ia termasuklah dalam konteks pertahanan sempadan dan perairan, hubungan diplomasi serta aturgerak aset pelbagai jenis melibatkan TDM, TLDM dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).
  6. **Namun di sebalik semua usaha ini, penting untuk saya nyatakan bahawa ia tidak mungkin dapat dilaksanakan sebaik mungkin jika tidak kerana wujudnya kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan terutama Kementerian Pertahanan (MINDEF) dengan Kerajaan Negeri Sabah selama ini.**
  7. **Perkara ini dibuktikan lagi bilamana lawatan saya ke kem-kem ATM semalam dan hari ini turut dimaknai dengan kehadiran ramai kepimpinan Kerajaan Negeri Sabah termasuk para Menteri serta Timbalan Menteri Negeri. Inilah cerminan keselamatan Sabah sentiasa menjadi agenda bersama di peringkat Persekutuan dan Negeri.**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

8. **Di pihak MINDEF, saya memberi jaminan bahawa kerjasama yang sedia erat ini akan terus ditingkatkan ke tahap lebih tinggi. Malam ini saya sendiri akan bertemu Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor. Ruang ini akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk kami memperhalusi usaha serta untuk saya mendengar sendiri harapan dan keperluan Sabah daripada sudut keselamatan.**
9. Ia tidak hanya berhubung aturgerak anggota dan aset malah pelbagai lagi pendekatan seperti hal ehwal sempadan termasuk pos-pos kawalan dan gabungan serta hal ehwal tanah bagi pembinaan kem-kem baharu pada masa akan datang yang amat memerlukan kerjasama dan sokongan penuh Kerajaan Negeri.
10. Selain itu, aspek moral anggota ATM di Sabah turut diberi perhatian penuh. Semalam dan hari ini saya mengambil peluang bersemuka dengan ramai anggota ATM yang bertugas di Sabah. Inilah amalan setiap kali saya turun ke Kem, bukan sahaja untuk memberi mereka sokongan, dokongan dan semangat tetapi juga mendapatkan maklum balas mereka terutamanya perihal kebajikan.
11. Segala maklum balas ini akan saya ambil kira bagi memperkemaskan lagi perancangan MINDEF demi membela kebajikan anggota, Veteran ATM serta keluarga mereka di Sabah ini khususnya berkaitan perumahan, kos sara hidup, kesihatan dan pendidikan anak-anak mereka.
12. Lawatan kerja saya ke Sabah untuk aspek pertahanan berakhir hari ini. Saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah khususnya YAB Ketua Menteri, Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri Negeri kerana terus bersama-sama MINDEF dan ATM demi memastikan keselamatan rakyat serta negeri Sabah sentiasa terpelihara.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**22 OKTOBER 2022**



*Siaran*  
**AKHBAR**  
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 ( ) 02/10

**TABUNG AMANAH PERWIRA DAN PERTAHANAN NEGARA (TAPPN)**

Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) merupakan tabung yang ditubuhkan untuk menghargai sumbangan anggota-anggota pasukan keselamatan dan agensi berkaitan yang tercedera atau terkorban ketika sedang menjalankan tugas. Tabung ini turut diperluas kepada orang awam yang turut sama terlibat dalam menjaga keselamatan dan keamanan negara.

Sebanyak **10 agensi benefisiari** yang sedang mendapat manfaat daripada TAPPN iaitu;

1. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) merangkumi Angkatan Tetap, Simpanan Angkatan Tetap dan Angkatan Sukarela;
2. Polis Diraja Malaysia (PDRM);
3. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM);
4. Jabatan Imigresen Malaysia;
5. Jabatan Penjara Malaysia;
6. Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK);
7. Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM);
8. Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA);
9. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM); dan
10. Jabatan Kastam DiRaja Malaysia.

Namun, pada Mesyuarat Lembaga TAPPN kali Ke-43 ini yang telah diadakan pada 8 Mac 2021 yang lalu, Lembaga Pengurus telah bersetuju untuk membuat beberapa penambahbaikan seperti berikut;

1. Bantuan TAPPN dipanjangkan kepada **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia** dan **Anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**;
2. **Tempoh permohonan, kategori bantuan dan syarat-syarat kelayakan permohonan diperkemas dan dijelaskan**;
3. **Kadar bantuan saguhati bagi beberapa kategori dinaikkan**.

Orang ramai, badan korporat dan juga pihak swasta yang ingin menyalurkan dana dan sumbangan, boleh layari laman sesawang <http://www.amanahraya.my> atau muat turun Aplikasi AMANAHRAYA di *App Store* dan juga *Android Google Play*. Anda juga boleh menyalurkan dana dan sumbangan melalui akaun seperti berikut;

**Nama Akaun** : **Amanah Raya Berhad – TAPPN**  
**Nama Bank** : **Maybank Berhad**  
**No. Akaun** : **5641 5512 0314**

Setiap dana dan sumbangan yang disalurkan kepada Tabung TAPPN akan diberikan pengurangan cukai di bawah Sub Seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Setiap sumbangan yang diberikan akan disalurkan terus kepada penerima atau waris sebagai tanda penghargaan kepada mereka yang terlibat.

Untuk rekod, Mesyuarat Lembaga Pengurus TAPPN Ke-43 bersidang pada 8 Mac 2021 telah dipengerusikan oleh Menteri Kanan Pertahanan dan turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Polis Negara, wakil Pertubuhan Perniagaan dan Industri serta wakil-wakil media iaitu Media Prima Berhad, The New Straits Times, Nanyang Siang Pau dan Sin Chew Daily.

Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) telah ditubuhkan melalui suatu Surat Ikatan Amanah yang ditandatangani pada 31 Oktober 1968 antara Menteri Dalam Negeri, Ketua-Ketua Pengarang dan Pengarang Utusan Melayu, New Straits Times, Tamil Nesan, Sin Chew Jit Poh dan Nanyang Sing Pau dengan Pemegang Amanah Raya Malaysia.

**-TAMAT-**

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### PENGLIBATAN ATM DALAM MISI PENGAMAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU DI LUBNAN TERUS DIKTIRAF

1. Hari ini saya menyempurnakan Majlis Pemakaian Beret Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Penyerahan Bendera Malaysia dan Penghantaran Kumpulan Pertama Malaysian Battalion 850-10 (MALBATT 850-10) ke Lubnan bawah misi *United Nations Interim Force in Lebanon* (UNIFIL).
2. Ia merupakan detik yang amat bermakna dan membanggakan, apatah lagi MALBATT 850-10 menandakan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah terlibat dengan misi UNIFIL selama 16 tahun sejak kali pertama pada tahun 2007 menerusi penghantaran Kontinjen Malaysia Pertama (MALCON I).
3. Penglibatan berterusan ini bukan sahaja membuktikan ATM sentiasa bersedia dan bersiapsiaga untuk mengatugerak pasukannya bagi memenuhi keperluan penugasan di luar tanah air, malah mencerminkan pengiktirafan dunia terhadap keupayaan serta kepakaran ATM dalam melaksanakan misi-misi pengaman.
4. Demi memastikan tanggungjawab misi UNIFIL kali ini sekali lagi mampu dilaksanakan sebaik mungkin, **MALBATT 850-10 menampilkan kekuatan keseluruhan seramai 854 orang iaitu 84 pegawai dan 770 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) termasuk seorang pegawai awam Kementerian Pertahanan (MINDEF)**. Mereka akan diketuai oleh Kolonel Mohd Rizman bin Hj Ramli selaku Komander.
5. Daripada jumlah tersebut, **11 pegawai dan 74 LLP ialah anggota wanita yang mana buat kali kedua selepas MALBATT 850-9 mereka akan melaksanakan misi secara berterusan selama setahun seperti anggota lelaki**. Ia sekaligus memenuhi keperluan UNIFIL yang sememangnya memerlukan lebih ramai penglibatan anggota wanita bagi melaksanakan tugas berkaitan kemasyarakatan melibatkan wanita-wanita tempatan.
6. Menyerlahkan lagi semangat kebersamaan ASEAN dan hubungan erat Malaysia-Brunei Darussalam, **MALBATT 850-10 turut akan disertai 30 pegawai dan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang mana buat pertama kali ABDB menampilkan dua anggota wanita**. Bagi pihak Malaysia, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

Brunei Darussalam khususnya KDYMM Sultan Brunei kerana sentiasa bersama Malaysia dalam menjayakan misi UNIFIL.

7. Untuk makluman, **kesemua mereka akan diaturgerak secara berperingkat bermula hari ini bagi melaksanakan misi secara rasmi selama 12 bulan mulai 13 November 2022 hingga 13 November 2023**. MALBATT 850-10 akan ditempatkan di dua (2) penempatan tetap iaitu Kem Ma'arakah dan Kem Tibnin seterusnya akan melaksanakan tugas-tugas di bawah kawalan operasi Markas Sektor Barat UNIFIL. Manakala, perintah dan kawalan pentadbiran serta hal-hal disiplin pula diletakkan di bawah Markas Angkatan Bersama (MK AB).
8. Bagi mempersiapkan mental dan fizikal para anggota MALBATT 850-10, **mereka telah menjalani *Force Intergration Training (FIT)* di Perkampungan MALBATT, Port Dickson, Negeri Sembilan mulai 18 Julai 2022 hingga 9 September 2022** di kawal selia MK AB.
9. Saya mengucapkan selamat berangkat dan menjalankan tugas kepada pasukan MALBATT 850-10. Berpeluang menghantar pasukan MALBATT 850-10 hari ini merupakan satu penghormatan tertinggi kepada saya serta seluruh kepimpinan MINDEF dan ATM.
10. Terima kasih juga kepada ahli keluarga pasukan MALBATT 850-10 yang hadir mengucapkan selamat jalan kepada suami, isteri dan anak masing-masing hari ini. Ia suasana yang amat bermakna selepas dua tahun majlis ini tidak boleh dihadiri ahli keluarga ekoran pandemik COVID-19.
11. Marilah kita sama-sama doakan, semoga MALBATT 850-10 akan dipermudahkan segala urusan sepanjang berada di sana seterusnya selamat pergi dan pulang, insyaAllah.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**27 OKTOBER 2022**



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### MINDEF TERUS TUMPU USAHA MERINGANKAN BEBAN KOS SARA HIDUP WARGA PERTAHANAN

1. Lawatan saya ke Sabah dan Sarawak selama dua (2) hari ini antara lain memberi tumpuan terhadap agenda kebajikan warga pertahanan khususnya **aspek kos sara hidup**. Lawatan ini merupakan kesinambungan daripada lawatan saya ke banyak kem dan pangkalan sejak kembali menerajui MINDEF, termasuk tinjauan ke kedai-kedai Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA).
2. Hasil tinjauan berkenaan, saya dapati harga sebahagian produk jualan di kedai PERNAMA tidak jauh bezanya berbanding kedai di luar. Justeru, **saya telah memberi masa selama sebulan kepada PERNAMA sejak bulan lalu untuk memperincikan pendekatan agar harga produk di kedai PERNAMA boleh diturunkan lagi. Saya juga mengingatkan PERNAMA bahawa tujuan utama mereka mengurusniaga dengan warga pertahanan adalah untuk membela kebajikan, bukannya mengaut keuntungan semata-mata.**
3. Kini selepas sebulan, PERNAMA telah membentangkan cadangan pendekatannya kepada saya. Susulan itu, **sukacitanya saya ingin mengumumkan, bagi membantu meringankan sedikit sebanyak beban perbelanjaan seharian warga pertahanan, MINDEF melalui PERNAMA akan melaksanakan inisiatif penurunan harga produk jualan di semua 93 kedai PERNAMA di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.**
4. Menerusi inisiatif ini, penurunan harga yang ditawarkan adalah sehingga 48 peratus (%) bagi makanan dan barangan keperluan asas seharian manakala sehingga 90% bagi keperluan persekolahan anak-anak warga pertahanan.
5. Berikut merupakan harga antara produk makanan dan barang keperluan asas di kedai PERNAMA selepas diturunkan harga:-
  - i. **Susu formula bayi RM21.49** (Kira-kira RM8.78 lebih murah berbanding harga purata pasaran semasa)
  - ii. **Tuala Wanita RM3.09** (Kira-kira RM1.71 lebih murah berbanding harga purata pasaran semasa)
  - iii. **Sardin RM6.99** (Kira-kira RM1.64 lebih murah berbanding harga purata pasaran semasa)



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

- iv. **Tepung RM2.49** (Kira-kira RM1.00 lebih murah berbanding harga purata pasaran semasa)
- v. **Beras 10kg RM25.00** (Kira-kira RM1.00 lebih murah berbanding harga purata pasaran semasa)
6. Yang saya senaraikan ini hanya sebahagian daripada kira-kira 200 produk jualan di kedai PERNAMA yang diturunkan harga. Dengan pembelian produk-produk ini, warga pertahanan boleh menikmati penjimatan lebih besar, terutamanya bilamana mereka membeli produk-produk ini dalam satu troli pembelian.
7. Tidak sekadar itu, mengambil kira arahan saya supaya PERNAMA turut memperincikan kaedah meringankan beban perbelanjaan persekolahan warga pertahanan, **PERNAMA juga akan melaksanakan penurunan harga pakaian seragam sekolah. Dengan penurunan harga ini, warga pertahanan boleh membeli pakaian seragam sekolah untuk anak masing-masing pada harga hanya RM5.00 bagi seluar dan RM5.00 bagi baju.**
8. Untuk makluman, **inisiatif penurunan harga di kedai PERNAMA yang akan dilaksanakan sebagai Jualan Akhir Tahun ini berkuatkuasa serta merta bermula hari ini sehingga 31 Disember 2022.** Saya juga telah mengingatkan PERNAMA supaya memastikan barang-barang yang diturunkan harga ini mempunyai stok mencukupi supaya penjimatan ini benar-benar dapat dirasai manfaatnya oleh warga pertahanan. Kepimpinan MINDEF akan memantau perkara ini dari semasa ke semasa.
9. Mewakili MINDEF, saya berterima kasih kepada PERNAMA kerana sentiasa bersama dalam usaha membela kebajikan warga pertahanan. Saya mengalu-alukan lebih banyak pihak untuk melaksanakan perkara sama demi kepentingan warga pertahanan yang amat berjasa kepada tanah air tercinta.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**3 NOVEMBER 2022**





## **KENYATAAN MEDIA**

### **PEJABAT MENTERI PERTAHANAN**

#### **MENERAJUI PERTAHANAN NEGARA: TANGGUNGJAWAB DAN IBADAH DEMI IBU PERTIWI**

**KUALA LUMPUR, 5 Disember 2022** – Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi, titah KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu agar Kerajaan yang stabil dapat dibentuk telah dapat direalisasikan melalui pelantikan YAB Perdana Menteri pada 24 November 2022 dan pelantikan Ahli Jemaah Kabinet pada 3 Disember 2022. Patik merafak sembah menjunjung kasih titah KDYMM Seri Paduka Baginda YDPA dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu.

2. Seperti yang semua sedia maklum, saya telah diberi tanggungjawab untuk menggalas jawatan Menteri Pertahanan. Dalam kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengerusi Barisan Nasional dan Presiden UMNO yang telah membawa dan mencadangkan nama saya untuk dipertimbangkan sebagai salah seorang daripada Ahli Jemaah Kabinet.

3. Ucapan penghargaan dan terima kasih ini juga saya panjangkan kepada YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia yang telah memilih dan memberi kepercayaan kepada saya untuk menerajui Kementerian Pertahanan Malaysia yang merupakan tunjang kepada pertahanan dan kedaulatan negara.

4. Sejalan dengan peranan dan fungsi strategik Kementerian, saya komited untuk berkhidmat bersama-sama dengan warga kerja Kementerian dan seluruh anggota Angkatan Tentera Malaysia. Dalam memastikan keselamatan pertahanan dan kedaulatan negara sentiasa terjamin, pemerkasaan aset-aset ketenteraan menjadi fokus utama agar sentiasa berada dalam kesiapsiagaan dan kualiti tertinggi.

5. Selain daripada itu, saya juga berhasrat untuk menumpukan kepada perkara yang tidak kurang pentingnya iaitu untuk menjaga dan melakukan penambahbaikan berterusan terhadap kebajikan para tentera dan veteran tentera. Suara setiap anggota tentera dan veteran tentera adalah penting dan akan didengari melalui siri sesi libat urus dengan para pemegang taruh, InsyaAllah.

6. Dalam masa yang sama, komitmen dan usaha untuk melaksanakan Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara (DIPKN) akan diteruskan. DIPKN adalah merupakan satu kerangka dasar yang bakal memacu hala tuju dan asas kepada pembangunan industri pertahanan dan keselamatan Negara sehingga 2030, sebagaimana yang telah digariskan di dalam Kertas Putih Pertahanan.

7. Kolaborasi pembangunan dasar ini adalah antara Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri dan beberapa agensi yang berkaitan dengan hal ehwal keselamatan (*safety*). Saya komited untuk memastikan dasar ini dapat direalisasikan dan diletakkan di landasan yang tepat bagi memastikan objektif-objektif yang telah ditetapkan dapat dicapai dengan cemerlang.

8. Akhir sekali, misi untuk memastikan pengurusan Pertahanan Negara sentiasa cekap, siap siaga dan dinamik merupakan satu tanggungjawab besar yang saya anggap sebagai ibadah serta kewajipan saya terhadap agama, bangsa dan negara. Oleh itu, tugas saya telah pun bermula tanpa bertangguh.

**YB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN  
MENTERI PERTAHANAN**



Siaran  
**AKHBAR**  
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (K) 01/12

**MAJLIS GRADUASI MAKTAB KETAHANAN NASIONAL (MKN),  
MAKTAB PERTAHANAN ANGKATAN TENTERA (MPAT) DAN  
MAKTAB TURUS ANGKATAN TENTERA (MTAT) TAHUN 2022**

1. Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan telah menyempurnakan Majlis Graduasi Maktab Ketahanan Nasional (MKN), Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) dan Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) yang berlangsung di Pusat Pengajian Pertahanan Nasional (PUSPAHANAS), Putrajaya hari ini. PUSPAHANAS yang merupakan sebuah institusi pengajian strategik terunggul di negara ini buat pertama kalinya mengadakan Majlis Graduasi untuk ketiga-tiga kolej di bawahnya secara serentak.
2. **Kursus MKN Siri 3/2022** telah dihadiri oleh seramai 21 pegawai kanan berpangkat Brigadier Jeneral dan Kolonel setaraf daripada ketiga-tiga cabang perkhidmatan (Darat, Laut dan Udara). Maktab ini satu-satunya institusi yang membincangkan secara khusus 9 tonggak Dasar Keselamatan Negara dan juga menjadi platform mempromosikan "Whole of Government Approach" selain daripada menekankan tentang kesedaran keselamatan.
3. **Kursus MPAT Siri 42/2022** telah dihadiri oleh seramai 56 pegawai kanan berpangkat Letenan Kolonel setaraf dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan serta 7 penuntut dari luar negara. Ia turut disertai oleh seorang Pegawai Tadbir Diplomatik dari Kementerian Pertahanan. Kursus ini bermatlamat untuk melahirkan pegawai kanan tentera yang dapat berinteraksi secara berkesan dengan badan pemerintah, ahli akademik serta cendekiawan dalam aspek yang berkaitan dengan keselamatan dan pertahanan.
4. **Kursus MTAT Siri 51/2022** telah dihadiri oleh seramai 144 pegawai berpangkat Mejar setaraf dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan serta 34 penuntut kursus dari luar negara. Ia turut disertai oleh seorang pegawai dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Objektif utama maktab ini pula adalah melaksanakan kajian strategik dan pertahanan selaras dengan tujuan untuk mengembangkan pemimpin yang berkualiti dan mempunyai kemahiran dalam merancang dan melaksanakan perang dan pengurusan sumber dalam persekitaran peperangan bersama.
5. Ketiga-tiga kursus berkenaan telah berlangsung selama 12 bulan mulai Januari hingga Disember 2022. Ini merupakan langkah pertama bagi PUSPAHANAS melaksanakan upacara graduasi secara serentak sebegini dan akan terus mengorak langkah sebagai satu institusi yang disegani dan terunggul dalam bidang ini.

6. Turut hadir ke Majlis Graduasi berkenaan adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM, Panglima-panglima Perkhidmatan, Naib Canselor UPNM, dan Atase-atase Pertahanan.

-TAMAT-

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**


**“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**

**10 Disember 2022**

**DILULUSKAN**





*Siaran*  
**AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK  
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 Jld 5 (20) 02/12

**MAKLUM BALAS MENGENAI LAPORAN AKHBAR DALAM TALIAN SINAR HARIAN 14 DISEMBER 2022 BERTAJUK "20 KENDERAAN PERISAI TEMPUR (APC) YANG SEPATUTNYA BEROPERASI PADA 2023 DIDAKWA AKAN LEWAT TIBA IAITU BERMULA 2026 HINGGA 2028"**

1. Kementerian Pertahanan mengambil maklum berkaitan satu laporan akhbar dalam talian Sinar Harian bertarikh 14 Disember 2022 yang memetik pengendali akaun Twitter dengan nama pengguna *Malaysia Defence Review* yang melaporkan bahawa 20 buah Kenderaan Perisai Tempur (APC) yang sepatutnya beroperasi pada 2023 akan lewat tiba iaitu bermula 2026 hingga 2028.
2. Untuk makluman, perolehan membekal, menghantar dan mentauliah Kenderaan Perisai *Armoured Personnel Carrier* (APC) untuk *Malaysian Battalion* (MALBATT) 850 di Lubnan adalah kontrak yang telah dimeterai oleh Kerajaan melalui Kementerian Pertahanan bermula 3 Disember 2021 sehingga 2 Disember 2024.
3. Melalui kontrak tersebut, syarikat yang dilantik akan membekalkan sejumlah 20 unit kenderaan *Armoured Personnel Carrier* (APC) untuk kegunaan pasukan MALBATT 850 di Lubnan, di mana kesemuanya akan selesai penghantaran pada suku keempat tahun 2023.

**- TAMAT -**

**DILULUSKAN**

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'  
'PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA'**

Unit Komunikasi Strategik  
Kementerian Pertahanan Malaysia  
15 Disember 2022

LT KOL ZUHAIRY BIN LIMAT  
Ketua Perhubungan Awam  
Unit Komunikasi Strategik  
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA



MENTERI PERTAHANAN  
MALAYSIA  
**KENYATAAN MEDIA**

**TINJAUAN KERJA MENTERI PERTAHANAN KE PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA DI  
SK BANGGOL PERADONG KUALA TERENGGANU  
23 DISEMBER 2022**

1. Menteri Pertahanan, **YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan** telah turun padang ke Batalion Ke-18 Rejimen Askar Melayu Diraja (Para) (18 RAMD (Para)), Kem Sri Pantai, Kuala Terengganu bagi meninjau keadaan semasa banjir dan melihat sendiri pengoperasian dan kesiapsiagaan warga dan aset ATM dalam membantu melaksanakan tugas sekunder ATM dalam menjalankan Operasi Murni (OP MURNI) ATM.

**PENGOPERASIAN OP MURNI PANTAI TIMUR**

2. Menteri Pertahanan telah ditaklimatkan mengenai pengoperasian Op Murni oleh pasukan di bawah Kawasan Tanggungjawab (KTJ) 8 Briged di Kem Seri Pantai, 18 RAMD (PARA). Taklimat tersebut turut dihadiri oleh Panglima Angkatan Tentera, YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Seri Affendi bin Buang TUDM, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Panglima Tentera Darat, YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain.
3. Warga dan aset-aset ATM telah diatur gerakkan untuk membantu menjalankan operasi menyelamatkan dan membantu mangsa terlibat sejak 7 Oktober lalu di bawah formasi Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat.
4. Gabungan aset-aset milik ATM dan setiap agensi juga amat membantu bagi memindahkan mangsa banjir ke kawasan selamat khususnya Pusat Pemindahan Sementara (PPS) serta mengagihkan makanan dan barang keperluan ke PPS serta kawasan yang terputus hubungan jalan darat.



MENTERI PERTAHANAN  
MALAYSIA  
**KENYATAAN MEDIA**

5. Sehingga kini, jumlah warga ATM dan aset yang terlibat di Pantai Timur adalah seperti berikut;

i. Terengganu : **Seramai 13 Pegawai dan 308 Anggota telah digerakkan bersama 20 buah trak dan 7 buah bot tempur dan enjin serta pelbagai peralatan tambahan perairan dan perhubungan komunikasi.**

ii. Kelantan : **Seramai 9 Pegawai dan 350 Anggota telah diatur gerak bersama 21 buah trak dan 9 buah bot tempur dan enjin serta pelbagai peralatan tambahan perairan dan perhubungan komunikasi.**

6. Pihak ATM, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta pihak berkuasa tempatan bekerjasama dengan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) peringkat daerah bagi memastikan koordinasi operasi dan bantuan berjalan dengan lancar.

### **LAWATAN KE PPS SK BANGGOL PERADONG**

7. Menteri Pertahanan turut hadir ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) SK Banggol Peradong, Manir, Kuala Terengganu bagi melihat sendiri keadaan dan menyantuni mangsa-mangsa yang ditempatkan di PPS ini.

8. PPS di SK Peradong mula dibuka pada 19 Disember 2022 dan boleh menempatkan seramai 1000 mangsa dalam satu-satu masa. **Sehingga kini, seramai 761 mangsa yang terdiri daripada 213 keluarga telah ditempatkan di PPS ini. (Kemaskini pada 23/12/22).**

9. Sebanyak **10 buah kampung** yang terlibat di mana punca banjir di kawasan ini berlaku bukan disebabkan air hujan setempat, tetapi berikutan air banjir yang mengalir ke kuala dari Hulu Terengganu.



MENTERI PERTAHANAN  
MALAYSIA  
**KENYATAAN MEDIA**

10. Justeru, bagi meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa terlibat, Kementerian Pertahanan menerusi Menteri Pertahanan telah menyampaikan beberapa sumbangan barangan keperluan asas kepada mangsa yang terlibat.

**PERKEMBANGAN TERKINI OP MURNI SELURUH NEGARA**

11. Setakat ini, secara keseluruhannya jumlah anggota dan aset ATM yang telah diaturgerak di seluruh negara bagi setiap negeri yang dilanda banjir adalah:

- i. **28 pegawai dan 539 anggota Lain-Lain Pangkat.**
- ii. **98 aset merangkumi 11 trak 7 tan; 38 trak 3 tan; 5 trak 1 tan; 22 bot, dan 22 x OBM bot.**

12. OP MURNI ATM telah diaktifkan semula berkuatkuasa mulai 7 Okt 22 di mana semua *Appointed Military Commanders* (AMC) boleh mengaturgerakkan pasukan bagi membantu mangsa banjir tanpa perlu menunggu arahan daripada PKOB. Walaubagaimanapun, ianya tertakluk kepada penilaian situasi banjir di KTJ masing-masing.

13. ATM akan terus memberi tumpuan terhadap operasi banjir di negeri dan kawasan yang terjejas. Ia merangkumi 3 fasa utama aturgerak OP MURNI iaitu Pra-Aturgerak Banjir (Sebelum), Semasa Banjir dan Pasca Banjir (selepas).

14. Demi menjamin kesejahteraan masyarakat dan rakyat, ATM akan tetap bersama dan sentiasa bersedia menghulurkan khidmat bakti dan perancangan khusus operasi pasca banjir di negeri-negeri terlibat juga akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

15. YB Menteri Pertahanan juga menyeru agar semua warga yang terlibat dalam Misi OP Murni untuk terus bersemangat dan menjaga keselamatan masing-masing sewaktu melaksanakan tugas.